



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 709]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Hukuman Mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Rayuan
[Ruangan 754]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 758]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 758]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1978 [Ruangan 791]

Jawatankuasa—

Maksud P. 8 [Ruangan 825]
Maksud P. 23 [Ruangan 827]
Maksud P. 24 [Ruangan 828]
Maksud P. 28 [Ruangan 828]
Maksud P. 31 [Ruangan 829]
Maksud P. 40 [Ruangan 831]
Maksud P. 62 [Ruangan 833]
Maksud P. 64 [Ruangan 834]
Maksud P. 66 [Ruangan 835]

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEDUA****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO RICHARD HO UNG HUN, S.P.M.P. (Lumut).**
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).

Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 25hb Mac, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ATACE DAKWAH DI PUSAT
PELAJAR LUAR NEGERI

1. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk mewujudkan "Atace Dakwah" di semua pusat pelajar di luar negeri bagi membimbing pelajar-pelajar Islam di luar negeri.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk mewujudkan "Atace Dakwah" di semua pusat pelajar di luar negeri bagi tujuan membimbing pelajar-pelajar Islam. Walau bagaimanapun, di samping dua jawatan Pegawai Bimbingan Ugama yang telah diwujudkan di Jabatan Pelajar Malaysia di United Kingdom, Kementerian saya telah menghantar dan akan terus menghantar pegawai-pegawai ugama bagi menerangkan hal-hal keugamaan dari masa ke semasa mengikut keadaan dan keperluan pusat pelajar-pelajar yang berkenaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada menyatakan bahawa dua jawatan Pegawai Ugama dihantar ke United Kingdom untuk membimbing pelajar-pelajar di sana dalam hal-hal ugama. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk

menghantar beberapa Pegawai Ugama ke tempat-tempat yang lain seperti Australia, New Zealand dan sebagainya.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan dalam jawapan saya, menghantar dari semasa ke semasa. Jawapannya ya. Tetapi dari segi mewujudkan jawatan itu di pusat-pusat pelajaran tinggi semuanya di seluruh dunia di luar negeri kita, ini akan dipertimbangkan satu-persatu mengikut keadaan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sama ada sebelum hendak menghantar Pegawai-pegawai Ugama ke luar negeri ini pernahkah atau tidak Kementerian Pelajaran mengadakan rundingan dengan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk hendak mendapatkan sama ada hasrat baik Kementerian Pelajaran ini diterimakah atau tidak oleh pihak-pihak pelajar-pelajar kita di seberang laut.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya tiap-tiap kali pegawai-pegawai ini hendak dihantar ke luar negeri kedutaan yang berkenaanlah yang menarik perhatian Kementerian dan meminta supaya pegawai-pegawai ini dihantar. Dari segi penerimaan pelajar, nampak saya setakat ini tiap-tiap kali rombongan pegawai-pegawai pergi ataupun peralantikan pegawai-pegawai dibuat, nampaknya pada umumnya juga penerimaan tidak menjadi soal.

MAS—DENDA PEMBATALAN
PENERBANGAN

2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa denda sebanyak 25% potongan daripada tambang kapal terbang yang

dikenakan oleh MAS kepada penumpang-penumpang yang membatalkan atau terlambat bagi penerbangan mereka telah mendatangkan kesulitan kewangan kepada penumpang di Sabah di mana jalanraya yang menuju ke lapangan terbang adalah di dalam keadaan yang sangat buruk yang menjadi sebab utama kelewatan mereka dan jika ya, sama ada beliau akan mengkaji semula peraturan-peraturan ini dengan tujuan mengecualikan rakyat Sabah daripada membayar denda ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dengan adanya sistem mengenakan denda itu memang menimbulkan kesukaran kepada penumpang-penumpang. Tetapi patutlah saya nyatakan bahawa peraturan mengenakan denda sebanyak 25% daripada tambang kapal terbang terhadap penumpang-penumpang yang tidak hadir menaiki kapal terbang itu adalah perlu. Ini ialah untuk mengelakkan kejadian yang pada maa lepas yang mana ramai penumpang-penumpang yang benar-benar hendak menjalankan penerbangannya tidak dapat berbuat demikian, oleh kerana ramai di antara mereka telah membuat tempahan dan setelah membuat tempahan tidak hadir untuk menjalani penerbangan itu.

Adalah sukar bagi MAS untuk membuat pengecualian berasaskan sebab-sebab yang diberi oleh penumpang-penumpang apabila mereka membatalkan ataupun tidak hadir bagi sesuatu penerbangan itu oleh kerana penyiasatan yang teliti perlu diadakan untuk menentukan sama ada sebab-sebab yang diberi oleh mereka itu adalah benar ataupun tidak. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat penerbangan termasuk MAS telah menetapkan iaitu sekiranya mereka membatalkan penerbangan dalam masa 24 jam sebelum penerbangan diadakan ataupun tidak hadir bagi sesuatu penerbangan itu, maka denda itu akan dikenakan dengan tidak diambil kira tentang sebab-sebabnya mereka tidak hadir ataupun pembatalan itu dibuat.

Pihak MAS telahpun mengkaji perkara ini dengan halus dan akan terus menjalankan aturan yang ditetapkan itu oleh kerana aturan itu telah dapat mengatasi secara berkesan masalah pembatalan atau "no Show" oleh penumpang-penumpang yang membuat tempahan, dan tempat duduk mereka dapat diberikan kepada mereka lain yang betul-betul memerlukan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada pihak MAS bercadang supaya memberi gantirugi kepada penumpang-penumpang apabila penerbangan kapal terbang MAS itu tidak mengikut jadual penerbangannya ataupun dibatalkan ataupun lain-lain sebab dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Penggal yang lepas pun ada soalan seperti ini juga, tetapi ini penggal lain, bolehlah.

Dr Goh Cheng Teik: Itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Penggalnya lain, tetapi soalannya ada kaitan (*Ketawa*). Tak ada hendak jawab apa-apa?

Dr Goh Cheng Teik: Seperti Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson sedia maklum, pihak MAS sentiasa mencuba untuk menjalankan perkhidmatannya dengan baik dan usaha itu akan diteruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya orang yang menempah tiket kapal terbang itu belum lagi membeli tiket. Jadi bagaimanakah potongan 25% dijalankan pada mereka yang belum lagi membeli tiket cuma hanya membuat tempahan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau belum beli tiket tak payah dipotonglah tak timbullah soalan itu.

Tuan Lee Kaw: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan beri satu sebab oleh kerana penumpang-penumpang tidak hadir, saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri iaitu berapa peratuskah yang tidak hadir, tidakkah jawapan Timbalan Menteri itu mengatakan dalam bahasa Inggeris, the small majority have to pay for the bigger majority?

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang majority? (*Ketawa*)

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, sedikit orang

Tuan Yang di-Pertua: Lagi keliru, terjemah bahasa Inggeris lagi keliru (*Ketawa*).

Tuan Lee Kaw: Tidakkah ini menunjukkan sedikit penumpang tidak hadir, lebih orang kena bayar, ini menunjukkan tidak adil dari MAS, bolehkah MAS tukar sistem lain?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikumpulkan oleh pihak MAS, sebelum sistem ini dijalankan di Sabah dan Sarawak lebih kurang 21% penumpang-penumpang tidak hadir ataupun membatalkan penerbangannya. Selepas sistem ini dikuatkuasakan, peratusan pembatalan berurusan kepada 12%. Bagi Semenanjung Malaysia peratus pembatalan penerbangan atau tidak hadir telah turun daripada 25% kepada 17%. Ini menunjukkan bahawa sistem ini telah memberi faedah yang baik kepada penumpang-penumpang yang lain yang betul-betul memerlukan perkhidmatan MAS.

PENCEMARAN ALAM SEKELILING— KAWALAN

3. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebab utama berlakunya pencemaran kepada alam sekeliling kita dan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dilaksanakan untuk mengelakkannya atau memastikan bahawa pencemaran dikawal ke paras minima.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat beliau terhadap masalah dan langkah kawalan alam sekitar. Sungguhpun soalan ini memerlukan penjelasan yang panjang lebar, tetapi saya akan cuba meringkaskannya.

Masalah pencemaran yang kita hadapi hari ini adalah disebabkan oleh pelepasan-pelepasan yang berpunca daripada kegiatan perindustrian, kumbahan domestik serta hakisan tanah akibat daripada berbagai kegiatan penggunaan tanah, terutamanya perlombongan, pembalakan dan sebagainya. Pelepasan-pelepasan perindustrian ini telah menimbulkan masalah-masalah pencemaran air dan udara, dan kategori ini meliputi terutamanya kilang kelapa sawit, kilang getah, kilang kimia, kuari, dan sebagainya. Ini adalah selain daripada masalah yang berpunca daripada pelepasan dari stesyen haba dan kenderaan bermotor.

Di dalam usaha untuk mengatasi dan mengawal masalah-masalah tersebut, Kementerian saya telah dan sedang melaksanakan strategi-strategi yang:

- (a) Melibatkan penguatkuasaan undang-undang.
- (b) Tidak melibatkan penguatkuasaan undang-undang, tetapi dijalankan melalui langkah-langkah pentadbiran.

Sehingga ini berbagai peraturan bagi mengawal pencemaran air dan udara yang telah dikuatkuasa adalah seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis-premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977—P.U. (A) 342/1977—yang berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1978.
- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis-Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli) 1978—P.U. (A) 338/1978—yang berkuatkuasa pada 1hb April, 1978.
- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979—P.U. (A) 12/1979—yang berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1979.
- (iv) Kaedah-kaedah (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977—P.U. (A) 414/1977—yang berkuatkuasa pada 15hb Mac, 1978.
- (v) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978—P.U. (A) 280/1978—yang berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1978.

Dengan berkuatkuasanya peraturan-peraturan tersebut, kilang-kilang yang berkenaan adalah dikehendaki mematuhi standard-standard dan lain-lain syarat pelepasan, yang bertujuan untuk mengurangkan masalah-masalah pencemaran. Untuk tujuan ini, pihak kilang-kilang yang berkenaan hendaklah antara lainnya mengadakan alat-alat kelengkapan pengolahan effluen/pelepasan. Sebagai contohnya sehingga ini sebanyak 84 buah daripada 132 kilang-kilang kelapa sawit dan 162 buah daripada 216 kilang-kilang getah telahpun memasang loji pengolahan mereka.

Strategi yang kedua yang saya maksudkan sebentar tadi tidak melibatkan penguatkuasaan undang-undang tetapi dilaksanakan dengan mengadakan garis-garis panduan dan kod-kod amalan untuk diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi pelaksanaan yang tertentu. Garis-garis panduan yang telah dirangka sehingga ini ialah:

- (i) Garis-garis panduan mengenai Zon dan Penempatan kilang-kilang.
- (ii) Garis-garis panduan mengenai Pemilihan Tapak-tapak untuk Pelupusan Buangan Pepejal dan Pengurusan Tapak-tapak Pelupusan.
- (iii) Garis-garis Panduan mengenai kawalan Hakisan dan Kelodakan Tanah.

Selain daripada itu, Kementerian saya juga sedang memajukan sistem penilaian kesan alam sekitar untuk membolehkan pihak-pihak yang berkenaan bagi mengadakan perancangan yang lebih berkesan dari segi mempertimbangkan masalah-masalah alam sekitar di dalam projek-projek pembangunan. Di samping itu pendidikan alam sekitar adalah dititikberatkan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan telahpun diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Dari segi pelaksanaan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah apabila sesuatu Penguasa Tempatan hendak meluluskan tapak-tapak kilang sama ada kilang besar atau kilang kecil Penguasa-penguasa Tempatan tersebut merujukkan perkara tersebut kepada Kementerian beliau ataupun Jabatan Alam Sekitar. Kalau belum setakat hari ini, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak merundingkan perkara ini dengan Penguasa-penguasa Tempatan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan pada masa sekarang banyak Kerajaan-kerajaan Tempatan atau Kerajaan-kerajaan Negeri telah merujuknya kepada Kementerian saya untuk mengkaji permohonan untuk menempatkan kilang-kilang di kawasan mereka.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri masih ada lagi kilang-kilang yang tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Kedua, adakah benar apabila kita mengatakannya air sungai itu kotor maka akan diambil contohnya dua atau tiga botol untuk diproses dan ini memakan dua-tiga bulan dan kalau didapati air dalam botol itu tidak kotor maka ia akan diberitahu air sungai itu tidak kotor walaupun kekotoran itu boleh nampak dengan mata kasar. Terima kasih.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, secara umum perkara ini tidak timbul, sebab agensi-agensi yang berkenaan selalu menghantar contoh-contoh air kepada Jabatan Kimia untuk dianalisis. Tetapi kalau ada keadaan seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat silalah beri bukti dan kami akan membuat siasatan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Bachok.

KONSEP KEADILAN DAN KEBEBASAN

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang adanya kemerosotan dalam komitmen Kerajaan kepada nilai-nilai keadilan dan kebebasan dalam negeri ini. Atau adakah beliau hendak menafikan adanya kemerosotan tersebut memandangkan tekanan-tekanan ke atas kegiatan parti pembangkang dan golongan yang tidak bersependapat dengan Kerajaan dengan menggunakan alat-alat Kerajaan dianggap perkara biasa dalam amalan sistem demokrasi.

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Abdullah (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dalam melaksanakan keadilan terhadap semua rakyat, Kerajaan mempunyai konsep tertentu mengenainya. Apakah konsep keadilan yang dipakai dan

dilaksanakan oleh Kerajaan itu patut diterangkan dengan se jelas-jelasnya kepada rakyat dan bolehkah Perdana Menteri menerangkan konsep dan pengertian keadilan itu di Dewan ini sekarang.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan ini dan juga soalan No. 19 kerana kedua-dua soalan itu adalah mengenai perkara yang sama.

Konsep keadilan yang diamalkan oleh Kerajaan telahpun diterangkan dengan jelasnya kepada rakyat. Walau bagaimanapun, inginlah saya mengambil peluang untuk menerangkannya sekali lagi di Dewan yang mula ini, khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling.

Konsep keadilan ini telah dijadikan satu-satunya prinsip Rukunegara. Di dalam buku kecil mengenai Rukunegara, yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan untuk pengetahuan rakyat, konsep itu adalah diterangkan. Izinkan saya membaca huraian mengenainya, seperti yang terdapat di dalam buku itu:

“Keadilan diasaskan atas kedaulatan undang-undang. Setiap rakyat tarafnya sama di sisi undang-undang. Kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara. Kebebasan ini termasuklah kebebasan seseorang, perlindungan sama disisi undang-undang, kebebasan beragama, kebebasan memiliki harta benda dan perlindungan daripada dibuang negeri.

Perlembagaan memberi kepada seseorang rakyat hak mengeluarkan fikiran, hak berhimpun dan hak menubuhkan persatuan. Hak-hak ini boleh digunakan dengan bebas asalkan tidak melanggar sekatan-sekatan yang dikenakan oleh undang-undang. Hak-hak dan kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan itu, tidaklah termasuk hak menggulingkan Kerajaan sama ada dengan kekerasan atau dengan cara-cara yang tidak menurut Perlembagaan.”

Dalam lain-lain perkataan, Kerajaan tidak sekali-kali mengamalkan pemerintahan menurut sesuka hati, kerana kita sedar bahawa tiada negara akan stabil, tiada rakyat akan selamat, kecuali ada Kerajaan yang melaksanakan undang-undang yang saksama, adil dan tidak memilih kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan adanya kemerosotan dalam komitmen Kerajaan kepada nilai-nilai keadilan dan kebebasan dalam negara ini. Kerajaan tidak mengenakan tekanan ke atas kegiatan sah (legitimate) mana-mana pihak, selagi tindakan-tindakan mereka tidak melanggar undang-undang. Tetapi kita mestilah ingat bahawa Kerajaan adalah bertanggungjawab melaksanakan undang-undang negara demi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Kerajaan tidak sanggup melihat rakyat jelata diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencapai sesuatu matlamat, dengan cara mengelirukan rakyat tentang perkara keadilan dan kebebasan.

Saya suka menyatakan bahawa jika tindakan-tindakan sesuatu pihak itu mengancam atau membahayakan keselamatan negara dan ketenteraman awam, maka Kerajaan sebagai menunaikan tanggungjawabnya akan menggunakan kuasa-kuasa undang-undang yang ada padanya terhadap golongan yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sebahagian daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi sebenarnya adalah bertentangan dengan kenyataan yang sebenarnya. Umpamanya beberapa kebebasan sudah dicerobohi termasuk Hak-hak Asasi Kemanusiaan, umpamanya rapat umum diharamkan, dan juga beberapa pindaan terhadap Perlembagaan yang telah diadakan juga adalah mencerobohi prinsip perundangan dan Hak-hak Asasi Kemanusiaan. Jika Yang Amat Berhormat sedar, maka apakah tindakan akan diambil untuk memberikan kebebasan ini termasuk mengizinkan rakyat mengadakan rapat umum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu adalah pendek sahaja. Semua sekatan-sekatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah mengikut undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini sendiri. Saya mengatakan tadi Kerajaan tidak menjalankan pemerintahan dengan sesuka hati atau tidak mengikut undang-undang. Kalau undang-undang memperuntukkan terutama sekali Perlembagaan memberi hak kepada Dewan ini membuat undang-undang menyekat kebebasan sebagaimana yang ditentukan di dalam Perlembagaan itu, kita membuat demikian.

ASEAN—PENGUNDURAN TENTERA DI KAMPUCHEA

5. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang Malaysia hendak ambil samada secara sendiri atau secara bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk menentukan:

- (a) bahawa resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang berkehendakkan pengunduran semua tentera-tentera asing dari Kampuchea dipatuhi; dan
- (b) ancaman terhadap kedamaian dan kestabilan Asia Tenggara yang berbangkit dari perkembangan-perkembangan di Kampuchea dikikiskan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah agak mustahil bagi Kerajaan bersendirinya untuk mengambil langkah-langkah bagi menjaminkan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai situasi di Kampuchea itu dilaksanakan. Ianya memerlukan daya usaha seluruh masyarakat antarabangsa khususnya penyertaan dan kerjasama pihak-pihak yang terlibat dalam persengketaan di Kampuchea untuk menghormatinya. Namun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menggesa Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu menerusi utusan khasnya, Encik Hilder semasa beliau melawat Malaysia awal Februari lepas supaya terus menjalankan daya usahanya bagi melaksanakan Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu itu.

Selanjutnya Malaysia dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) baru-baru ini telah juga menggesa masyarakat antarabangsa terutamanya Bangsa-bangsa Bersatu dan Setiausaha Agungnya supaya mencari segala kemungkinan penyelesaian yang terkandung dalam Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu itu. Ini termasuklah kemungkinan untuk mengadakan persidangan antarabangsa khusus untuk mendapatkan penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea.

(b) Kita bimbang bahawa pertikaian di Kampuchea sekiranya terbiar sahaja akan membahayakan keselamatan dan kestabilan negeri Thailand dan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Justeru itu Malaysia dan ASEAN merasakan amat mustahak

bahawa satu penyelesaian politik mestilah dicapai berdasarkan Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu itu.

Sementara itu sebagai satu tindakan yang utama dan segera, kita telah mencadangkan supaya pemerhati-pemerhati Bangsa-bangsa Bersatu hendaklah ditempatkan di sempadan Thai-Kampuchea untuk mengelakkan merebaknya pertempuran-pertempuran tentera di Kampuchea itu ke negeri Thai. Kita juga akan terus berusaha mengadakan dialog dengan Vietnam dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pertikaian itu supaya bekerjasama bagi mencari penyelesaian secara damai demi mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Dalam usaha mengatasi masalah ini kita merasa yakin bahawa pertikaian yang ada sekarang benar-benar menghendaki semua negara-negara di rantau ini dan negara-negara luar melaksanakan prinsip-prinsip Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Malaysia akan terus berusaha sedaya upayanya untuk menuju ke matlamat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai satu ikhtiar untuk mendesak pengunduran tentera-tentera asing dari Kampuchea, adakah Kerajaan Malaysia akan memberi sokongan terhadap usaha-usaha Prince Norodom Sihanouk untuk memulihkan kemerdekaan dan kedaulatan Kampuchea?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan itu kurang jelas, kalau boleh ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi!

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai satu ikhtiar untuk mendesak pengunduran tentera-tentera asing dari Kampuchea, adakah Kerajaan Malaysia akan memberi sokongan terhadap usaha-usaha Prince Norodom Sihanouk untuk mengembalikan kemerdekaan dan kedaulatan Kampuchea?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, sebarang langkah yang boleh membawa kepada pengunduran tentera-tentera yang berada di dalam Kampuchea sekarang untuk diundur keluar akan disokong oleh Malaysia dan kita tidak mengira

siapakah yang mengusahakannya itu asalkan salah satu syarat iaitu pengunduran ini dapat dicapai.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada dalam langkah-langkah utama yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat itu, ada juga terlibat pertemuan di antara pemimpin-pemimpin negara ASEAN secara collectively dengan pemimpin-pemimpin Vietnam serta juga pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Russia oleh sebab terdapat sama ada secara langsung atau tidak langsung Russia terlibat di dalam krisis di Kampuchea.

Kedua, sama ada dalam lawatan Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China, Encik Huang Hua ke Malaysia perkara tentang krisis Kampuchea dibincangkan dengan beliau dan apakah pendapat negeri China tentang syor-syor atau pandangan ASEAN terhadap krisis Kampuchea?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia sendiri dalam pertemuan sama ada dengan pemimpin-pemimpin Russia ataupun Vietnam seperti yang telah dijawab pada sidang yang telah sudah telahpun dilakukan dan juga perjumpaan-perjumpaan dalam perbincangan yang dilakukan di antara Menteri Luar Negeri sendiri dengan pihak-pihak pemimpin Vietnampun telah dibuat. Tentang usaha kita melalui perbincangan dengan pemimpin China tatkala lawatannya ke sinipun masalah ini telah kita kemukakan.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa perkara-perkara ini ada dibangkitkan semasa mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negara Vietnam. Saya ingin tahu apakah sebabnya negara Vietnam masih lagi berdegil dan tidak mahu mengundurkan askar-askarnya daripada negara Kampuchea, Apakah sebab yang diberitahu kepada pemimpin-pemimpin ASEAN?

Tuan Yang di-Pertua: Apa sebab yang diberitahu, bukan degilnya. Kedegilannya tidak boleh disoal di sini. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu bertanya kepada pihak itu sendiri.

Tuan P. Patto: Tadi Timbalan Menteri sendiri ada berkata bahawa pihak ASEAN ada berjumpa dengan pihak Vietnam. Tentu dalam perbincangan pihak ASEAN ada dinyatakan bahawa sepatutnya Vietnam mengundurkan askar-askarnya dari Kampuchea. Jadi apakah sebab yang diberi oleh Vietnam yang ia tidak mahu mengundurkan diri?

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada menyatakan pihak ASEAN ada bertemu dengan pihak Vietnam.

MAJLIS PERBANDARAN IPOH

6. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengatakan sama ada beliau sedar bahawa mesyuarat Majlis-majlis Perbandaran Ipoh tidak terbuka kepada orang ramai dan kepada ahli-ahli akhbar di bawah seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang berikut:

“Semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil-wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan ketetapan dalam mesyuarat itu”.

Jika sedar, adakah beliau ingin menasihatkan Majlis Perbandaran Ipoh mengikut undang-undang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum cara-cara menjalankan urusan-urusan sesuatu Pihakberkuasa Tempatan adalah di dalam bidangkuasa Pihakberkuasa Tempatan yang berkenaan, berlandaskan kepada apa-apa kuasa atau budibicara yang telah diperuntukkan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai mesyuarat-mesyuarat Majlis Perbandaran Ipoh itu adalah di dalam bidangkuasa Majlis tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menasihatkan Majlis itu akan kedudukan undang-undang sebenarnya.

DEMONSTRASI DI BALING DAN ALOR STAR

7. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan demonstrasi seumpama yang berlaku di Baling dan Alor Star tidak akan berlaku lagi di masa akan datang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis adalah bertanggungjawab bagi menjaga ketenteraman awam dan juga keselamatan negara dan untuk melaksanakan tanggungjawab ini pihak Polis adalah diberi kuasa-kuasa yang tertentu di bawah undang-undang. Kuasa-kuasa ini boleh digunakannya di dalam keadaan di mana ketenteraman awam dan keselamatan negara terancam. Oleh yang demikian, kuasa-kuasa yang ada di bawah undang-undang sekarang adalah mencukupi untuk menghadapi keadaan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat demi menjaga ketenteraman awam dan juga keselamatan negara.

PENUTUPAN KILANG GULA NEGERI SEMBILAN

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perumahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa kilang gula telah ditutup di Negeri Sembilan dan kilang garam telah ditutup di Trengganu. Ada berapa lagi kilang-kilang yang berbentuk usahasama yang telah ditutup senyap-senyap. Apakah sebab utama penutupan kilang-kilang itu terpaksa dilakukan. Bagaimanakah pula nasib dan kedudukan para pekerja kilang-kilang berkenaan yang telah terpaksa diberhentikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, Kementerian saya sentiasa meneliti kegiatan agensi-agensinya di bawahnya dan menilai serta mengkaji kejayaan dan kegagalan mereka dalam semua bidang. Projek Gula Negeri Sembilan gagal kerana tanah tidak begitu sesuai untuk tanaman tebu. Di samping itu pengurusannya lemah. Kerajaan sedar akan tanggungjawabnya terhadap pekerja-pekerja projek Gula Negeri Sembilan

dan telah seberapa boleh membela nasib mereka. Ramai daripada mereka telahpun diberi pekerjaan di tempat lain.

Syarikat Trengganu Garam Sendirian Bhd. pula gagal kerana masalah-masalah teknikal dalam pengurusan. Kerajaan telahpun mendapatkan pekerjaan bagi mereka yang terlibat.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, Setiausaha Parlimen ada berkata bahawa kegagalan penutupan kilang gula di Negeri Sembilan adalah disebabkan tanah yang tidak begitu sesuai. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada satu kajian awal (feasibility studies) dibuat sebelum mendirikan kilang itu. Sekiranya ada dibuat, apakah recommendations yang dibuat oleh team yang membuat feasibility studies itu.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Speaker, memang ada satu kajian yang dibuat oleh Parthan Sugar Works Bombay, India berkenaan feasibility untuk mengadakan perusahan kilang itu dan dari kajian dan laporan yang dibuat menentukan bahawa projek ini adalah feasible.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Oleh kerana di Kelantan sendiri terdapat kekurangan gula yang begitu terasa, maka adakah kekurangan gula di Kelantan sekarang ini berpunca dari penutupan kilang ini ataupun benar sebagaimana dikatakan kerana berpunca daripada perayaan Cina yang menyebabkan segala pengangkutan terganggu baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lain sedikit daripada soalan asal.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat beritahu berapa juta ringgitkah yang kita rugi dari Gula Negeri Sembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu berkehendakkan notis. Ini soalan luar daripada soalan asal.

Tuan Chan Teck Chan: Demi kepentingan kewangan rakyat dan juga demi kepentingan masa depan Kerajaan untuk menjalankan satu projek yang raksaksa, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia

ini hingga setakat ini apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk memastikan bahawa setiap projek yang dijalankan bukan sahaja pengurusan boleh memuaskan, juga kajian-kajian kemungkinan yang dijalankan boleh dipercayai supaya tidak berlaku lagi seperti skandal Gula Negeri Sembilan.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengatakan dengan terus terang di sini bahawa Kementerian ini di masa akan datang akan memastikan betul-betul bahawa penyelidikan dan laporan serta kajian feasibility itu akan betul-betul berjaya.

Tuan Chan Teck Chan: Saya berterima kasih bahawa Kerajaan akan memastikan supaya perkara ini telah berlaku tetapi Dewan ini adalah berhak mengetahui apakah langkah-langkah atau apakah planning yang lebih rapi telah diambil untuk memastikan setiap projek, setiap kajian kemungkinan tidak berlaku seperti Gula Negeri Sembilan bukan hanya kata pasti

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, jangan berleter lagi (*Ketawa*).

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang ini sudahpun kita mengambil langkah-langkah yang tertentu.

PROJEK PEMBANGUNAN— SISTEM PENGESANAN

9. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dalam menjalankan satu sistem Amaran Awal bagi membolehkan pemerhatian (detection) Kerajaan ke atas projek-projek pembangunan yang tidak berjalan lancar diketahui supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil bagi mengatasi masalah yang berkaitan, dan juga sama ada langkah tertentu telah diambil untuk memperketatkan kawalan ke atas agensi-agensi badan berkanun dan perbadanan perniagaan yang bertanggungjawab dengan projek-projek awam bagi menentukan wang rakyat tidak dibazirkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian pertama soalan Yang Berhormat itu, Kerajaan telah-pun membentuk satu Sistem Pengesanan Projek di Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan untuk mengesan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Walaupun sistem ini baru saja dibentuk, tetapi sehingga ini Kerajaan telah dapat mengesan beberapa buah projek yang mengalami kelewatan di dalam pelaksanaannya dan juga sebab-sebab kelewatan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Penyelesaian ke atas masalah-masalah pelaksanaan projek yang boleh menimbulkan kelewatan buat masa ini adalah dijalankan di peringkat Kerajaan Negeri dan di peringkat Kerajaan Pusat mengikut masalah yang dibangkitkan. Bagi masalah yang menyeluruh dan yang melibatkan perubahan ke atas dasar-dasar tertentu maka masalah ini diselesaikan di peringkat pusat. Di antara masalah-masalah utama yang dihadapi di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan ialah masalah ketidakupayaan (lack of capacity) pemborong-pemborong swasta, masalah perancangan mendalam dari masa ke semasa, kekurangan bahan-bahan binaan dan kadangkala masalah di peringkat pengambilan tanah. Keadaan cuaca juga boleh melambatkan projek-projek pembangunan.

Mengenai bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu, Kerajaan juga sedang menggubal satu sistem yang boleh dikatakan Sistem Amaran Awal untuk mengesan perjalanan perbadanan-perbadanan awam dan firma-firma di mana Kerajaan mempunyai modal equiti. Kajian untuk menggubal sistem ini adalah berada di peringkat awal dan Kerajaan juga sedang menimbangakan kemungkinan untuk melantik perunding swasta di dalam penggubalan sistem ini. Adalah dijangka bahawa sistem ini akan dapat digubal serta dilaksanakan di dalam peringkat awal Rancangan Malaysia Keempat.

Kerajaan sentiasa memandang berat ke atas perjalanan perbadanan-perbadanan awam dan akan terus mengambil tindakan-tindakan bagi mengelakkan penyalahgunaan wang rakyat yang telah dilaburkan melalui perbadanan-perbadanan awam. Tindakan-tindakan

pengawasan ke atas perbadanan-perbadanan awam telah diambil melalui:

- (a) Undang-undang penubuhan;
- (b) Beberapa Kementerian ditugaskan bagi mengawasi perjalanan perbadanan-perbadanan awam;
- (c) Perlantikan Wakil Kerajaan dalam Lembaga Pengarah;
- (d) Badan-badan Berkanun diodit oleh Juruodit Negara atau Juruodit yang dipersetujui oleh Kerajaan;
- (e) Satu undang-undang telah dibuat di mana Juruodit Negara dapat membuat odit ke atas Syarikat-syarikat yang mempunyai pelaburan Kerajaan;
- (f) Permintaan peruntukan kewangan perbadanan dikaji dengan teliti oleh agensi pusat.

Adalah tidak sihat bagi Kerajaan mengadakan sistem kawalan yang terlalu ketat sehingga perbadanan Kerajaan tidak dapat bergerak dan ini adalah bercanggah dengan konsep penubuhan perbadanan Kerajaan bagi memberi lebih kebebasan kepada perbadanan Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang diamanahkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyatakan bahawa ada tiga masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pertamanya ialah masalah ketidak-upayaan pemborong-pemborong swasta, kedua ialah kekurangan bahan-bahan binaan dan ketiga masalah pengambilan tanah. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan memandangkan bahawa masalah ini sering berlaku apakah langkah-langkah jangka panjang yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi semua masalah itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memangpun sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa masalah itu tidak akan berulang lagi. Di antaranya ialah apabila Kerajaan mengambil pemborong-pemborong Kerajaan mestilah menaruh syarat-syarat tertentu dan mengenai

masalah tanah pula Kerajaan akan mempastikan bagi setiap projek itu bahawa tanah di mana projek itu akan ditempatkan akan diperolehi dengan lebih awal lagi. Mengenai bahan-bahan binaan Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan yang perlu untuk binaan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 10.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

PEGAWAI KEBAJIKAN PELAJAR

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa pegawai hal ehwal pelajar yang bertugas di luar negeri tidak menjalankan tugas dengan sempurna sebaliknya mencari kesempatan untuk mendapat diploma tertentu tanpa mengambil tahu hal ehwal pelajar di negara-negara tersebut, sehingga ada terdapat penuntut-penuntut tidak mengenali pegawai yang ditugaskan, dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian ini untuk mengelakkan dan membaiki dalam hal ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pegawai-pegawai Kebajikan Pelajar yang dihantar ke Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia seberang laut adalah ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal kebajikan penuntut-penuntut dan mereka diletakkan di bawah pengawasan Pengarah, Jabatan Penuntut-penuntut yang berkenaan.

Tidaklah adil dibuat tuduhan yang umum ke atas semua Pegawai Kebajikan Pelajar dengan kenyataan mereka tidak menjalankan tugas. Sekira benar ada di antaranya yang tidak menjalankan tugas, Kementerian saya akan mengambil tindakan ke atas mereka sesuai dengan perbekalan-perbekalan yang terdapat dalam perintah-perintah Am Bab D Tahun 1969 mengenai tatakelakuan dan tatatertib pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Tetapi sekiranya mereka mengambil kesempatan untuk menambahkan

pengetahuan mereka di luar masa bekerja, maka ini tidaklah wajar disekat selagi usaha mereka tidak mengganggu kecekapan menjalankan tugas-tugas.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri Pelajaran sama ada setakat hari ini pihak Kementerian beliau membenarkan secara bertulis pegawai-pegawai tersebut untuk mengambil peperiksaan ataupun kursus sama ada kursus diploma ataupun kursus Ijazah sewaktu mereka bertugas di tempat-tempat yang berkenaan.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan seseorang pegawai itu tidak payah memohon kebenaran bertulis ataupun dengan apa cara juga untuk mengambil peperiksaan Diploma ataupun mendapat Ijazah asalkan apa juga kursus yang diambil itu tidak mengganggu tugas dan tanggungjawabnya. Jadi kalau mengganggu tugas-tugas dan tanggungjawabnya barulah terpaksa diminta kebenaran. Tetapi pada lazimnya mereka yang mengambil kursus ini tidak mengganggu tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada tiap-tiap bulankah ataupun tiap-tiap dua bulankah pegawai-pegawai yang bertugas mengenai hal ehwal pelajar di luar negeri ini dikehendaki menghantar laporan mengenai keadaan pelajar-pelajar di luar negeri kepada pihak Kementerian Pelajaran.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, ada; tetapi bukanlah tiap-tiap bulan. Mengikut kerap kali yang ditentukan oleh Kementerian mengikut pentadbiran.

PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU

11. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai matlamatnya memandangkan kelemahan perlaksanaan dan pertumbuhan pesat ekonomi bukan Bumiputra sendiri berbanding dengan Bumiputra dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang positif akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai penuh keyakinan iaitu Dasar Ekonomi Baru akan tercapai matlamatnya sepertimana yang dirancangkan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu masih ingat, semasa Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kita telah membuat kemajuan yang wajar dan lancar dalam usaha-usaha mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Perangkaan-perangkaan kemajuan yang telah dikumpul setakat ini memberi petunjuk akan kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Umpamanya, dari segi matlamat untuk membasmi kemiskinan, berbagai rancangan yang telah dan yang sedang dijalankan telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan rumahtangga. Ingin saya menyatakan di sini bilangan kemiskinan rumahtangga telah menurun daripada 49% dalam tahun 1970 kepada 44% dalam tahun 1975. Bilangan ini dijangka terus menurun ke paras 34% dalam tahun 1980 ini dan ke paras 17% menjelang tahun 1990.

Dari segi matlamat penyusunan semula masyarakat, tindakan telah diambil dalam lapangan perdagangan dan perindustrian umpamanya untuk memastikan 30% daripada ekuiti pendedaran syarikat dihaskan kepada Bumiputra. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah mengawasi supaya syarat ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Setakat penghujung tahun 1978, Bumiputra dan kepentingan Bumiputra telah memegang 10.3% dari jumlah pemilikan dan kawalan di sektor tersebut. Kemajuan seperti ini adalah sangat menggalakkan memandangkan bahawa pada tahun 1970 kedudukannya hanyalah dalam lingkungan 2.4% sahaja. Tambahan lagi, di mana Bumiputra tidak mempunyai modal yang cukup untuk memilikinya, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memiliki sementara saham-saham tersebut sebagai pemegang amanah kepada Bumiputra. Saham-saham ini akan dipindahkan kepada Bumiputra apabila mereka berkemampuan untuk memilikinya. Seterusnya Yayasan Pelaburan Bumiputra dengan modal \$200 juta adalah ditubuhkan untuk menjamin peningkatan usaha menambah hakmilik Bumiputra. Usaha Kerajaan untuk menyerah

milik perusahaan-perusahaan yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan kepada Bumiputra juga adalah untuk tujuan yang sama.

Kerajaan juga telah menyediakan pusat-pusat latihan seperti MARA, ITM dan Pusat Daya Pengeluaran Negara dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu dan kecekapan usahawan-usahawan Bumiputra terutamanya dalam pengurusan perniagaan. Bank-bank perniagaan juga telah memberi kemudahan pinjaman kepada Bumiputra untuk membantu mereka menjalankan perniagaan. Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk memajukan lagi penyertaan Bumiputra dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Tetapi perlu saya tegaskan iaitu adalah terserah kepada Bumiputra sendiri untuk menambah kegiatan dan usaha-usaha mereka sendiri supaya kemajuan yang dicapai adalah setara dengan kemajuan yang dicapai oleh warga-negara bukan Bumiputra.

Di samping usaha-usaha yang telah saya sebutkan tadi, Kerajaan sedang dan akan terus berusaha memperbaiki jentera pentadbiran pembangunan negara bagi menambahkan lagi kemampuan pelaksanaannya di semua peringkat. Untuk menjamin pentadbiran yang gigih, dedikasi dan berkesan usaha-usaha berhubung dengan Perkhidmatan Cemerlang dan pemodenan pentadbiran sedang dijalankan.

Saya percaya dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan serta penyertaan dan usaha-usaha yang gigih dari bumiputra sendiri, matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dicapai seperti yang dijadualkan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah sebabnya selepas 10 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan Kerajaan masih tidak berani menggunakan perkataan "pasti dicapai". Tadi dari jawapan Yang Berhormat ialah "percaya". Adakah ini bermakna Kerajaan masih berasa ragu-ragu untuk mencapai matlamatnya pada tahun 1990? Apakah perbezaannya antara perkataan "percaya" dan "pasti".

Tuan Yang di-Pertua: Peluang menjawab.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini belum sampai lagi memanglah kita katakan

perkara ini tidak boleh pasti, kalau sudah sampai baru kita pasti. Tetapi yang sebenarnya memang Kerajaan ada keyakinan. Kalau Kerajaan tidak ada keyakinan macam mana pula boleh Kerajaan menjalankan usaha-usaha yang kita sedang jalankan. Jadi sekali lagi saya ingin terangkanlah bahawa Kerajaan memang ada keyakinan tetapi saya rasa dalam soal pasti atau tidak pasti itu memang sangat susah kerana di dalam pelaksanaan itu macam-macam boleh berlaku.

THAIPUSAM—HARI CUTI UMUM

12. Tuan V. David bertanya Perdana Menteri sama ada beliau akan menimbang untuk mengisytiharkan Thaipusam sebagai hari cuti umum di Wilayah Persekutuan mulai tahun 1981 untuk membolehkan penganut-penganut Hindu meraikan hari yang berbahagia Lord Subramaniam.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amatlah menghormati serta memahami perasaan rakyat Malaysia yang beragama Hindu mengenai soal hari Thaipusam sebagai hari cuti am. Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan begitu teliti dari segala aspek. Kerajaan juga mengambil perhatian bahawa pada masa ini sebanyak 12 hari telah diisytiharkan sebagai hari cuti am Persekutuan yang meliputi semua hari perayaan keagamaan termasuk hari Deepavali, iaitu hari perayaan ugama Hindu, di samping hari-hari cuti am Negeri. Kerajaan merasakan jumlah hari cuti yang ada sekarang ini adalah banyak dan wajar.

Oleh yang demikian, Kerajaan berdukacita tidak dapat menyetujui hari Thaipusam diisytiharkan sebagai hari cuti am Wilayah Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 18 Tahun 1978 supaya semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu dibolehkan mengambil cuti rehat untuk merayakan hari Thaipusam itu.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan semula keputusan yang telah dibuat memandangkan bahawa negeri Selangor dan negeri Pulau Pinang telahpun mengumumkan hari Thaipusam sebagai hari cuti

awam di kedua-dua buah negeri dan memandangkan bahawa rakyat yang merayakan hari Thaipusam ini khususnya datang daripada Selangor dan sekelilingnya termasuk Wilayah Persekutuan, maka dengan itu bolehkah ditimbang semula supaya ia dijadikan hari cuti awam dan juga memandangkan bahawa ada juga kakitangan Kerajaan yang bukan beragama Hindu merayakan Thaipusam seperti kita dapati dalam masa-masa yang lampau.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini Kerajaan belum lagi dapat menimbang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Julau.

PERBADANAN RUMAH NEGERI

13. Tuan Thomas Salang Siden (*di bawah S.O. 24 (2)*) meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, memandangkan kepada kekurangan yang amat sangat akan rumah-rumah murah di dalam kesemua Negeri-negeri di Malaysia, adakah langkah-langkah dapat diambil untuk menubuhkan suatu Perbadanan Rumah Negeri di dalam tiap-tiap Negeri di Malaysia supaya dapat dipercepatkan pembinaan rumah-rumah murah di dalam tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan Perbadanan Rumah Negeri adalah masih di dalam kajian Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa ini. Sebelum sesuatu Perbadanan atau Badan Berkanun ditubuhkan Kerajaan mestilah membuat kajian yang teliti tentang keperluan sesuatu Badan tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini sudah terdapat banyak agensi-agensi yang melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah di negeri-negeri seperti berikut:

- (a) Jabatan Perumahan Negara yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jabatan ini

boleh melaksanakan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah secara percuma di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia;

- (b) Jabatan Kerja Raya;
- (c) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri;
- (d) Suruhanjaya Pembangunan dan Perumahan Negeri Sarawak;
- (e) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Negeri Sabah.

Adalah memadai buat masa ini pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah diteruskan oleh Agensi-agensi yang disebutkan di atas. Bagi mempercepatkan dan menambah keupayaan pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat jawatan-jawatan teknikal dan professional di Jabatan Perumahan Negara akan ditambah. Begitu juga agensi-agensi di peringkat negeri telah digesa supaya melipat gandakan keupayaan mereka untuk melaksanakan program perumahan dalam Rancangan Malaysia Keempat kelak, sekiranya mereka tidak menerima perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara. Lain-lain langkah yang akan diambil ialah menentukan lebih awal lagi, tapak untuk projek perumahan awam kos rendah mengutamakan tapak-tapak yang sedia kosong dan boleh dimulakan kerja, menyediakan dan mengukur tapak jika perlu dengan bantuan pihak swasta, dan melibatkan pihak swasta dalam pembinaan projek perumahan awam kos rendah.

PASUKAN RELA

14. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak dari senjata-senjata yang dirampas dari penganas-penganas komunis dan anasir-anasir jahat di negara ini. Adakah beliau bercadang menyerahkan senjata-senjata tersebut kepada Pasukan RELA menggantikan senjata-senjata yang ada sekarang (iaitu Senapang Patah), jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidaklah bercadang hendak menggantikan senjata-senjata yang digunakan sekarang oleh Pasukan RELA dengan senjata-senjata

yang dirampas dari pengganas komunis dan anasir-anasir jahat, oleh sebab senjata yang tersebut adalah tidak selamat digunakan kerana kebanyakannya adalah daripada buatan sendiri (home-made) ataupun yang mana senjata buatan luar negeri kebanyakannya juga adalah telah usang (obsolete) dan pula senjata itu adalah daripada berbagai-bagai buatan atau calibre, jadi ianya adalah tidak sesuai digunakan oleh Pasukan RELA dan lain-lain pihak. Adalah difikirkan memadai Pasukan RELA dilengkapi dengan senjata seperti senapang patah sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 41 adalah diberi di bawah ini.)

DADAH MENGANCAM NEGARA

15. Tuan Au How Cheong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha baru diambil untuk menyerang ancaman dadah, memandangkan kenyataan beliau baru-baru ini bahawa penyalahgunaan dadah telah menjadi musuh pertama sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Mengenai jawapan kepada soalan ini sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat iaitu saya telahpun menyentuh dengan panjang lebar mengenai usaha-usaha yang diambil untuk memerangi ancaman dadah dalam ucapan saya menggulung perbahasan atas Titah Di Raja pada 24hb Mac, 1980.

ANGKATAN TENTERA—STRATEJI PEPERANGAN

16. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan di dalam strateji peperangan bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku di rantau ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Angkatan Tentera sentiasa mengkaji kebolehan dan kemampuannya dalam strateji, konsep dan taktik peperangan bagi menghadapi sebarang ancaman kepada negara, di samping terus berlatih

dalam bidang "counter insurgency" Angkatan Tentera. Angkatan Tentera Malaysia juga mempertingkatkan usahanya menjalankan latihan dalam bidang perang terbuka (conventional warfare). Dalam konteks ini ketiga-tiga Perkhidmatan dalam Angkatan Tentera kita (Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara) telah tidak pernah berhenti menghantar anggota-anggotanya menjalani kursus di pusat-pusat latihan tentera di seberang laut sejak merdeka lagi. Sejak pengunduran tentang Komanwel dari rantau ini, ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera kita telah banyak mengadakan geladi bersama dengan "counterpart" mereka terutama Australia, New Zealand, Indonesia dan Thailand. Geladi bersama ini akan diteruskan serta diperluaskan dari masa ke semasa. Selain dari itu, selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera alat-alat perang sentiasa dikaji dan dikemaskinikan dengan pembelian alat-alat yang baru serta sophisticated.

KECURIAN KAYU BALAK

17. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah nilai kayu-kayan yang telah mengalami kerugian akibat kecurian di Hutan Simpan Paroi semenjak bulan Oktober 1978;
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk mencegah kecurian itu; dan
- (c) berapakah kes-kes kecurian di Hutan ini telah dapat ditangkap dan didakwa di mahkamah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Satu kes kecurian kayu balak telah berlaku di Hutan Simpan Berembun, Mukim Paroi, Negeri Sembilan dalam tahun 1979. Nilai kayu-kayan yang terlibat dalam kes ini ditaksirkan kira-kira 498 ribu ringgit.

Bagi menjawab soalan (b) tindakan telah dan sedang diambil untuk mencegah, kecurian kayu balak termasuklah memperketatkan lagi kawalan rondaan, menambah pegawai untuk tugas ini, menyemak dan menyusun semula kedudukan penugasan pegawai-pegawai luar. Kementerian saya dan

Jabatan Perhutanan sedang mengkaji kemungkinan membayar saguhati kepada mereka yang memberi maklumat mengenai kecurian kayu balak ini.

Bagi menjawab soalan (c), saya suka menyatakan iaitu hanya satu kes ini sahaja yang berlaku di Hutan Simpan berkenaan. Kes ini telahpun dilaporkan kepada pihak polis, untuk penyiasatan yang lebih rapi dengan tujuan membawa kes ini ke mahkamah jikalau terdapat bukti-bukti yang bersabit.

PERUNTUKAN KEPADA PETRONAS

18. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sejak Petronas ditubuhkan:

- berapakah peruntukan telah diperuntukan kepada Petronas;
- nyatakan aset yang ada di tangan Petronas sekarang;
- jumlah pendapatan dan perbelanjaan setiap tahunnya, dan
- apakah projek-projek yang telah diadakan dan dilaburkan oleh Petronas.

Perdana Menteri: Bagi soalan (a), Kerajaan Persekutuan tidak memberi apa-apa wang peruntukan kepada Petronas selain daripada \$10 juta sebagai modal saham biasa semasa Petronas ditubuhkan pada akhir tahun 1974. Sejak itu, Petronas telah dapat membiayai perbelanjaan pengurusannya sendiri dan tidak memerlukan apa-apa peruntukan dari Kerajaan.

Bagi soalan (b), aset yang ada di tangan Petronas, mengikut Laporan Odit terakhir bagi tahun kewangan berakhir 31hb Mac, 1979, adalah seperti berikut:

	\$ Juta (Ringgit)
Harta Tetap—Bersih ...	9.9
Projek di dalam kendalian (<i>Project-in-Progress</i>)	0.7
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	152.3
(<i>Interest in subsidiary Companies</i>)	
Harta Semasa—Bersih (ter- masuk pelaburan) (Petronas sendiri)	2,302.5
Jumlah ...	2,465.4

Bagi soalan (c) mengikut akaun Petronas yang telah diodit sejak ia ditubuhkan, jumlah pendapatan kasar dan perbelanjaan pengurusan setiap tahun kewangan yang berakhir 31hb Mac, adalah seperti berikut:

Tahun	Pendapatan Kasar	Perbelanjaan Pengurusan
	(Ribu Ringgit)	
1975	101	636
1976	504,747	4,081
1977	1,220,658	18,083
1978	1,327,656	92,970
1979	1,638,322	176,914

Bagi soalan (d), projek-projek yang diada dan dilaburkan oleh Petronas sehingga 31hb Disember, 1979 adalah seperti berikut:

- Stesyen Tangki Sementara
- Depot minyak penerbangan
- Depot barang-barang minyak
- Kemudahan-kemudahan gas petrolium cecair (LPG)
- Stesyen-stesyen penjualan minyak dan lain-lain kemudahan penjualan
- Loji campuran minyak licin
- Makmal
- Petronas Carigali
- Gas Asli Cecair (LNG)
- Projek Asean Amonia/Urea (Bintulu)
- Projek Asean Amonia/Urea (Acheh)
- Kilang-kilang Penapis Minyak
- Terminal dan saluran minyak di Trengganu
- Loji Memproses Gas di Trengganu
- Pengkalan Bekalan di Sabah

BAYARAN GANTIRUGI KEPADA MAHMOOD BIN MAMAT

20. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Undang-undang menyatakan sudahkah bayaran gantirugi kecacatan "terpotong topi" ke atas kanak-kanak Mahmood bin Mamat semasa berkhatan di Pusat Kesihatan Pasir Puteh, Kelantan pada 26hb Julai 1977 yang telah saya bangkitkan di dalam Dewan ini pada 1hb November 1978. Jika belum, bilakah dan berapa banyakkah gantirugi itu akan dibayar kepada kanak-kanak tersebut.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan telahpun membuat penyelesaian luar mahkamah ataupun "out of court settlement" dalam perkara ini. Gantirugi sebanyak tiga puluh lima ribu ringgit telah dibayar kepada Pemegang Amanah Raya pada 8hb Oktober 1979 untuk dimasukkan dalam akaun amanah kanak-kanak bernama Mahmood bin Mamat untuk ditadbir bagi faedah kanak-kanak itu.

PERLANTIKAN PRESIDEN IRAN— UCAPAN TAHNIAH

21. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada sebarang perutusan telah dihantar oleh Kerajaan di atas pemilihan Abul Hassan Bani Sadr sebagai Presiden Iran dan jika ya, atas nama siapakah perutusan itu telah dihantar dan jika tidak, mengapa.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menghantar ucapan tahniah kepada Presiden Abul Hassan Bani Sadr atas perlantikan beliau sebagai Presiden yang pertama Republik Islam Iran bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia.

RELA—PEMBERIAN SENAPANG PATAH

22. Tuan Alias bin Mohamad Ali bertanya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kiranya beliau sedar bahawa anggota-anggota RELA mendapati sukar untuk memohon kebenaran membeli senapang patah sendiri. Memandangkan pentingnya khidmat RELA dalam kontek menjaga keselamatan kawasan pendalaman adakah kebenaran akan diberi kepada mereka membeli senapang patah sendiri.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Adalah menjadi hasrat Kementerian saya menimbangkan supaya ahli-ahli RELA diberi kemudahan mendapatkan lesen membeli dan memiliki senapang patah. Dalam pertimbangan itu perlulah pihak Kementerian mengkaji dari segi:

- (i) Keperluan;
- (ii) Kegunaan; dan
- (iii) Keselamatan

BIRO SIASATAN NEGARA— BIDANG KUASA

23. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Biro Siasatan Negara mempunyai kuasa untuk menangkap dan menghukum Menteri-menteri Persekutuan dan negeri yang mendapatkan tanah, kawasan hutan dan keuntungan kewangan dari lain-lain punca melalui pengaruh dan kuasa mereka, dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menghapuskan keadaan yang tidak sihat ini.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Biro Siasatan Negara mempunyai kuasa penuh untuk menyiasat, menangkap dan mendakwa, bukan menghukum, sesiapa jua yang melakukan kesalahan di bawah Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 dan Akta Pencegah Rasuah 1961. Menteri-menteri, sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri, tidak terkecuali dari undang-undang tersebut sekiranya ada bukti-bukti yang cukup.

YURAN TUISYEN DI UNITED KINGDOM

24. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada perwakilan-perwakilan telah dibuat kepada rakan sejawatnya di United Kingdom mengenai kenaikan yang begitu dahsyat yuran tuisyen pelajar-pelajar kita di United Kingdom yang akan menjejaskan pelajar-pelajar kita yang bijak tetapi miskin serta juga akan menjejaskan muhibah yang telah wujud di antara Malaysia dan United Kingdom.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Sepertimana yang Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Kerajaan British telah membuat pengumuman pada tahun lalu untuk menaikkan yuran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar asing. Kerajaan memang sedar di atas implikasinya kepada penuntut-penuntut yang bercadang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di United Kingdom terutama sekali bagi penuntut-penuntut yang berasal dari keluarga yang sederhana.

Berasaskan kesedaran inilah maka Kerajaan telah membangkitkan masalah kenaikan yuran ini di dalam beberapa perbincangan dengan pihak Kerajaan British sama ada secara langsung ataupun melalui saluran

diplomatik. Setakat ini perkara tersebut telah dibangkitkan di dalam perjumpaan-perjumpaan berikut:

1. Y.A.B. Perdana Menteri kita telah membangkitkan masalah kenaikan yuran bagi pelajar-pelajar asing di United Kingdom dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar British pada 22hb Januari, 1980 dan dengan Lord Carrington, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Commonwealth Britain pada 7hb Mac 1980.
2. Saya sendiri telah mengadakan perbincangan khas mengenai kenaikan yuran di United Kingdom dengan Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia dan Pegawai-pegawainya pada 21hb Disember 1979. Saya juga telah membangkitkan masalah yang sama dengan Encik Peter Blaker, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Commonwealth Britain, di dalam perjumpaan saya dengan beliau pada 22hb Januari, 1980.
3. Y.B. Menteri Luar Negeri dan Y.B. Timbalan Menteri Luar kita telah membangkitkan masalah yang sama dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar British di dalam perjumpaan-perjumpaan rasmi yang telah diadakan.

Di dalam semua perbincangan-perbincangan yang saya sebutkan di atas, Kerajaan kita telah menekankan bagaimana kenaikan yuran yang dicadangkan oleh Kerajaan British akan menjejaskan kemampuan pelajar-pelajar kita yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke United Kingdom dan seterusnya pula bagaimana kemerosotan bilangan pelajar-pelajar yang mendapat pelajaran di United Kingdom akan mengakibatkan kemerosotan perhubungan di antara kedua-dua negara kita.

RUKUN TETANGGA—PEMBATALAN

25. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membatalkan Rukun Tetangga dan menubuhkan Perkhidmatan Negara memandangkan bahawa pihak Vietnam berterusan menduduki Kampuchea dan jika tidak, nyatakan sebabnya.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak bercadang membatalkan Skim Rukun Tetangga kerana skim tersebut telah dapat membantu

Pasukan Keselamatan dalam usaha menjaga keselamatan dan ketenteraman negara ini. Buat masa ini Kerajaan tidak memandangkan perlu diadakan Perkhidmatan Negara (National Service) oleh sebab Kerajaan menaruh keyakinan terhadap keupayaan Pasukan Keselamatan mempertahankan negara ini dalam sebarang keadaan seperti yang telah dibuktikan pada masa-masa lampau.

Kerajaan juga percaya bahawa pertahanan yang berkesan berasas kepada ketahanan rakyat. Dalam hal ini Rukun Tetangga telah dan akan memainkan peranan utamanya, dengan rakyat melibatkan diri dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kebajikan masyarakat setempat. Dengan lain-lain perkataan, rakyat adalah menjadi mata dan telinga Kerajaan di samping mewujudkan dan memupuk muhibbah serta perpaduan di antara berbilang kaum di negara ini, dan usaha-usaha ini dengan jelas dan nyata menunjukkan bahawa keamanan/ketenteraman negara bergantung kepada ketahanan rakyat di samping kekuatan Pasukan Keselamatan.

HARI WILAYAH PERSEKUTUAN— JUMLAH PERBELANJAAN

26. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Dewan Bandaraya ketika meraikan hari Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1980.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): 1hb Februari ialah ulangtahun Kuala Lumpur mencapai taraf Bandaraya (city status) dan penubuhan Wilayah Persekutuan. Perayaan yang diadakan setiap tahun ialah bertujuan untuk memupuk perasaan cinta-banggakan terhadap Bandaraya ini di kalangan penduduk-penduduk Kuala Lumpur khususnya dan, sebagai Ibu-kota Negara, di kalangan penduduk seluruh Negara amnya. Di samping itu ianya juga bertujuan memupuk perpaduan kaum dalam mana semua kaum dan golongan masyarakat dapat sama-sama menyertai perayaan tersebut.

Tema perayaan tahun ini ialah "Keluargaku Sayang" untuk menyedari masyarakat betapa pentingnya memperkukuhkan pertalian kekeluargaan, kesihatan, pendidikan dan pertumbuhan fizikal-mental kanak-kanak

supaya menjadi anggota-anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan berguna. Perayaan selama 2 minggu (27hb Januari-9hb Februari) itu diadakan di beberapa kawasan dengan berbagai acara seperti perasmian Taman Tasik Titiwangsa bagi mempopularkan kemudahan-kemudahan rekreasi yang terdapat di Taman itu, sukan (tenis, sepak-takraw, badminton, pingpong, bolasepak), permainan rakyat untuk masyarakat berbagai kaum dan golongan, kempen keselamatan jalanraya, senilukis, pertunjukan kebudayaan, pameran "Keluargaku Sayang" di Muzeum Negara dan lain-lain.

Semua ini adalah bertujuan memupuk perpaduan kaum dan perasaan cinta-banggakan Bandaraya Kuala Lumpur serta untuk kesejahteraan keluarga dan kemudahan masyarakat. Perbelanjaan sebenar perayaan belum diketahui kerana masih ada tuntutan-tuntutan yang belum dikemukakan. Walau bagaimanapun, segala perbelanjaan yang dibuat adalah tidak membazir demi untuk mencapai tujuan-tujuan murni yang dinyatakan tadi.

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN—KELEWATAN

27. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan jumlah projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilaksanakan, dan jumlah projek-projek yang masih belum dilaksanakan dengan memberi sebab-sebab mengapa terdapat kelewatan dalam melaksanakan projek-projek tersebut dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan projek-projek berkenaan dilaksanakan sebelum tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Perdana Menteri: Jawapan kepada soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu telahpun diberi semasa menjawab soalan No. 2 daripada Yang Berhormat Ahli dari Kuala Lumpur Bandar pada 21hb Mac, 1980.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu dan sebagaimana yang telah saya terangkan dalam jawapan kepada soalan No. 2 Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi, sebab-sebab utama yang melewatkan pelaksanaan beberapa projek-projek pembangunan ialah masalah ketidakupayaan pemborong-pemborong swasta, masalah perancangan mendalam dari masa ke semasa, kekurangan bahan-bahan binaan dan ada kalanya masalah di peringkat

pengambilan tanah. Keadaan cuaca dan alam sekitar juga boleh melambatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Bagi menjawab bahagian ketiga soalan Yang Berhormat itu, suka saya terangkan sekali lagi iaitu pihak Kerajaan telahpun membentuk satu jawatankuasa khas Kabinet bagi meneliti soal penyelarasan dan masalah di dalam pelaksanaan projek. Jawatankuasa ini sedang mengkaji program "package deal" bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Selain daripada itu untuk menambahkan keupayaan perancangan yang mendalam Kerajaan sedang dan akan terus menggunakan perkhidmatan perunding-perunding swasta tempatan dan juga luar negeri bagi merekabentuk projek-projek yang besar. Akhir-akhir ini kerja-kerja yang diberikan kepada perunding-perunding swasta telah bertambah.

Mengenai masalah pengambilan tanah pula, Kerajaan telah menjalankan satu tindakan yang khusus di mana beberapa pasukan khas mengenai pengambilan tanah yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Kerajaan Pusat telah dibentuk dan telah dihantar ke negeri-negeri yang menghadapi banyak masalah pengambilan tanah bagi menyelesaikan masalah tersebut. Walaupun begitu masalah ini masih timbul dari masa ke masa tetapi ianya tidaklah begitu menonjol seperti di masa-masa lepas.

LAMPU LETRIK DI NEW PORT ROAD, PELABUHAN KELANG

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan lampu letrik di New Port Road di Pelabuhan Kelang.

Datuk S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa cadangan mengadakan lampu letrik di New Port Road di Pelabuhan Kelang akan diadakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

KELAS TADIKA DI KAWASAN MASJID

29. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membina

masjid-masjid di seluruh negara manakala pegawai-pegawai masjid pula sekarang ini dibayar gaji dan oleh kerana kesukaran untuk mendapatkan tempat bagi kelas-kelas TADIKA sama ada Kerajaan akan mengadakan tempat-tempat kawasan kosong di masjid-masjid untuk mengadakan berbagai aktiviti di samping dapat menggunakan sepenuh masa khidmat pegawai-pegawai masjid selain daripada guru-guru TADIKA untuk mengajar rukun Islam, membaca kitab dan sebagainya, adalah perlu juga diberi perhatian untuk membentuk jenerasi muda daripada kecil lagi supaya cintakan tanah-air, bangsa, ugama dan negara. Jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Pentadbiran masjid dan pegawai-pegawainya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada pihak yang berkenaan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan itu.

JAWATANKUASA BENCANA KEMARAU

30. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perlu dan mustahak menubuhkan satu jawatankuasa Bencana Kemarau Kebangsaan dan Negeri sepertimana adanya Jawatankuasa Bencana Banjir Kebangsaan/Negeri, kerana akhir-akhir ini bukan banjir tetapi kemarau yang menyebabkan berjuta-juta ringgit dibelanjakan oleh negara.

Perdana Menteri: Kerajaan berpendapat tidak perlu ditubuhkan satu Jawatankuasa Bencana Kemarau Kebangsaan dan Negeri kerana sebuah Jawatankuasa Tetap "Cloud Seeding" telahpun ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian dan perakuan bagi mengatasi bencana yang mungkin timbul akibat dari kemarau yang berpanjangan.

Sehingga ini hasil daripada usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa tersebut adalah memuaskan dan berdasarkan kepada kejayaan itu Kerajaan sedang mengambil langkah untuk memperluaskan lagi usaha tersebut dan menjadikannya satu ciri yang kekal bagi membantu mengatasi masalah kekurangan air bukan sahaja untuk tujuan pertanian bahkan juga untuk keperluan manusia dan industri.

PERTUKARAN ENCIK LOOT TING YE KE TRENGGANU

31. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa Encik Loot Ting Ye dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Naam Kheung, Cheras, ditukar ke Jerleh, Trengganu, dan sama ada benar penukaran tersebut telah dibuat bukannya atas permintaan Encik Loot sendiri tetapi oleh seorang lain.

Dato' Musa bin Hitam: Oleh sebab kes ini ialah dalam proses perbicaraan Mahkamah Tinggi menurut Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Peraturan 23 (i) (g), saya tidaklah dapat menjawab soal ini.

MALAYSIA SEBAGAI PENGELUAR UTAMA GETAH

32. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar penghalang terbesar yang menghalang Malaysia mengekalkan dirinya sebagai pengeluar getah asli utama ialah kerana kekurangan tenaga buruh dan tanah dan sama ada beliau mempunyai langkah-langkah konkrit untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Kementerian saya memang sedar bahawa masalah kekurangan buruh dan tanah merupakan antara masalah utama bagi Malaysia untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama getah asli di dunia yang menyumbang 43.2% daripada pengeluaran getah asli dunia dalam tahun 1978. Bagi tujuan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama getah asli di dunia dan bagi memenuhi jangkaan kekurangan pengeluaran getah, maka Dasar Pengeluaran Dinamik bagi perusahaan getah sedang digubal oleh Kementerian saya.

Masalah kekurangan tanah untuk ditanam dengan getah boleh diatasi dengan usaha-usaha menggalakkan kawasan getah ditanam semula dengan getah dan bukan kepada lain-lain jenis tanaman. Umpamanya, Kerajaan telah memutuskan bahawa bantuan untuk tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil getah dinaikkan dari \$900 seekar kepada \$1,200 seekar dan kenaikan bantuan ini terhad kepada getah dan bukan kepada tanaman jenis lain. Langkah untuk mengurangkan cukai eksport getah yang telah diumumkan

dalam Anggaran Belanjawan 1980 bersama dengan prospek yang cerah bagi getah yang diramalkan dalam masa akan datang akan memberi dorongan dan minat di dalam menanam getah. Dengan pelaksanaan Dasar Pengeluaran Dinamik, adalah diharapkan langkah-langkah yang lebih pesat dapat diambil bagi memperluaskan tanaman getah sama ada dengan memajukan tanah-tanah baru atau menambahkan tanaman semula di kawasan-kawasan yang sedia ada.

Mengenai masalah kekurangan tenaga buruh, Instituti Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) sedang menjalankan penyelidikan dan percubaan di kebun-kebun kecil dan di seksyen Penyelidikan RRIM untuk menilai teknik-teknik penorehan dan alat-alat baru, dengan tujuan dapat merengankan kerja-kerja penorehan di samping menjimatkan tenaga buruh.

Pada akhirnya, apa yang penting ialah jaminan di mana pekerja-pekerja dan pekebun-pekebun kecil getah dapat menikmati pendapatan dan kemudahan-kemudahan yang berpatutan dan menarik supaya mereka tidak memindahkan pencarian mereka ke kehidupan yang lain. Rancangan-rancangan dan usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk memodenkan kawasan-kawasan pekebun-pekebun kecil yang bertujuan meningkatkan mutu getah dan daya pengeluaran akan terus dijalankan bagi memperbaiki kehidupan di sektor tanaman getah. Perjanjian Getah Asli Antarabangsa juga akan memberi jaminan supaya harga getah tidak jatuh ke paras yang tidak ekonomik dalam keadaan pasaran yang lemah. Lanakah-langkah seperti ini akan menolong mewujudkan tenaga buruh yang tetap dan stabil dalam sektor tanaman getah.

CAMPURTANGAN TENTERA RUSSIA DI AFGHANISTAN

33. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap perkembangan tentera Soviet Russia di Afghanistan dan Vietnam di Indo-China baru-baru ini.

Tenaku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia menentang sekeras-kerasnya campurtangan tentera-tentera asing di Kampuchea dan di Afghanistan. Kita amat mengambil berat dan menyesali tindakan negara-negara asing itu kerana ianya adalah campurtangan

secara terbuka tentera-tentera asing di kedua-dua buah negara anggota negara-negara berkecuali Asia. Selanjutnya, kedua-dua campurtangan tentera asing ini mempunyai unsur persamaan (common denominator) di mana terdapat kedua-dua negara asing memaksa negara-negara kecil yang merdeka itu supaya menerima kehendak-kehendak mereka dengan cara kekerasan. Ini bertentangan dengan undang-undang antarabangsa serta mengancam keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kita juga merasa amat bimbang dengan perkembangan yang berlaku itu terutamanya manakala akibatnya boleh membawa ancaman kepada keamanan dan kestabilan serantau kita.

Pendirian kita dalam masalah ini telah dinyatakan dengan jelas apabila kita turut sama memainkan peranan yang aktif dalam usaha menyokong Resolusi PBB mengenai "Situasi di Kampuchea" pada 14hb November, 1979, dan Resolusi mengenai "Situasi di Afghanistan dan implikasi-implikasinya terhadap keamanan dan keselamatan dunia antarabangsa seluruhnya" pada 7hb Januari, 1980. Kedua-dua Resolusi PBB tersebut telah mendapat sokongan terbesar di Badan dunia itu. Malaysia juga telah turut menghadiri mesyuarat tergepar Menteri-menteri Luar negara-negara Islam yang berlangsung di Islamabad, Pakistan, pada 27hb-29hb Januari, 1980, yang telah menghasilkan satu Resolusi mengancam tindakan agresif tentera Soviet terhadap rakyat Afghanistan.

Malaysia percaya adalah perlu supaya suatu penyelesaian politik dapat dicapai bagi menyelesaikan persengketaan di Kampuchea dan juga di Afghanistan. Rakyat-rakyat Kampuchea dan Afghanistan juga hendaklah diberi peluang menentukan masa depan dan corak politik negara-negara mereka sendiri tanpa gangguan, pengaruh dan paksaan dari kuasa-kuasa luar. Kita menggesa supaya tentera-tentera asing ditarik keluar serta-merta dari kedua-dua buah negara itu. Kita hendak melihat dengan seberapa cepatnya penubuhan sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan berkecuali di Kampuchea di mana kerajaannya benar-benar mewakili rakyat negara tersebut. Kita juga hendak melihat lahirnya sebuah negara yang berkecuali serta neutral di Afghanistan jauh dari persaingan kuasa-kuasa luar.

UDA/NATIONAL THEATRE CIRCUIT SDN. BHD.—PERJANJIAN

34. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan UDA telah menandatangani perjanjian bersama dengan sebuah syarikat yang dikenali sebagai National Theatre Circuit Sdn. Bhd. sama ada beliau dapat memberitahu Dewan yang mulia ini:

- (a) nama pihak atau pihak-pihak lain yang terlibat;
- (b) nama Pengerusinya, mulai dari tarikh ianya ditubuhkan dan juga alamat pejabatnya yang didaftarkan;
- (c) sebanyak manakah penglibatan modal dalam bentuk saham dan berapa peratuskah penglibatan UDA dan lain-lain pihak yang terlibat, jika ada; dan
- (d) jika syarat yang tersebut di atas berlainan daripada National Film Corporation, apakah peranan dan fungsi-fungsi National Theatre Circuit Sdn. Bhd.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Abdul Manan bin Othman): National Theatre Circuit adalah satu syarikat usahasama antara UDA dan pihak swasta. Bagi menjawab seterusnya:

- (a) Pihak swasta tersebut ialah Kumpulan Syed Kechik Sdn. Bhd.
- (b) Tarikh ditubuh ialah pada 3hb Ogos, 1974 dan nama Pengerusinya ialah Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed. Pejabat berdaftar Syarikat pada masa ini ialah di Tingkat 9, Syed Kechik Foundation Building, Bukit Bangsar, Kuala Lumpur.
- (c) Modal yang dikeluarkan dan dibayar adalah sebanyak \$50,000. Saham dimiliki oleh UDA adalah sebanyak \$15,000 atau 30%. Kumpulan Syed Kechik Sdn. Bhd, pula memiliki saham sebanyak \$35,000 atau 70%.
- (d) Peranan utama National Theatre Circuit Sdn. Bhd. adalah untuk mewujudkan Rangkaian Pawagam di negara ini, yang dipunyai dan diuruskan oleh Bumiputra, demi untuk menjadi saluran (outlet) kepada filem-filem tempatan.

KURSUS PERUBATAN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

35. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pengambilan masuk sebanyak 64 penuntut ke Universiti Sains Malaysia untuk kursus perubatan telah selesai. Jika ya, apakah analisa penuntut itu mengikut keturunan bangsa; jika belum, apakah garis-garis panduan untuk memilih penuntut-penuntut itu.

Dato' Musa bin Hitam: Proses pengambilan masuk penuntut ke Universiti Sains Malaysia untuk kursus perubatan belum lagi dilakukan. Pengambilan pertama pelajar-pelajar akan hanya dimulakan pada sesi Akademik 1981/82. Garis-garis panduan untuk memilih penuntut-penuntut ini belum lagi ditentukan.

PEMBELIAN RINGGIT MALAYSIA

36. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kuasa pembelian bagi matawang ringgit bagi sepuluh tahun yang lepas telah turun menyebabkan kesulitan kepada rakyat, jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki kuasa pembelian ringgit Malaysia.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Kuasa beli dalam negeri bagi wang telah turun di seluruh dunia sejak sepuluh tahun yang lepas. Ini adalah disebabkan oleh paras inflasi yang tinggi yang dialami di kebanyakan negara-negara maju dan juga negara-negara membangun bagi tempoh tersebut. Di negara-negara perindustrian utama, kadar inflasi telah meningkat secara purata kira-kira 10% setahun bagi tempoh 1970 hingga 1979. Inflasi di U.K. yang berada pada paras purata sebanyak 13% dalam tempoh tersebut, sekarang meningkat kepada paras kira-kira 19%. Begitu juga di negara-negara Latin Amerika, Afrika dan ASEAN, kenaikan harga-harga pengguna adalah tinggi. Dalam tempoh tersebut, negara-negara Latin Amerika seperti Chile dan Argentina mengalami kadar inflasi masing-masing sebanyak 268% dan 107% setahun manakala negara-negara Afrika seperti Ghana dan Zaire mengalami kadar inflasi masing-masing sebanyak 31% dan 22%. Negara-negara ASEAN seperti Filipina dan Indonesia mengalami kadar inflasi masing-masing sebanyak 14% dan 22%

setahun dalam tempoh tersebut. Kadar kenaikan yang tinggi dalam harga pengguna di negara-negara ini dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas telah menyebabkan kejatuhan dalam kuasa beli wang.

Walau bagaimanapun bagi Malaysia, kadar inflasi dalam beberapa tahun yang lalu adalah sederhana sahaja dan berada pada paras purata kira-kira 5% setahun. Dengan itu paras harga yang stabil di negara ini telah tidak menjejaskan kuasa beli sebanyak mana yang dialami oleh negara-negara lain. Kadar kenaikan inflasi yang sederhana ini membuktikan kejayaan kita melaksanakan berbagai langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran untuk membendung inflasi dan mempertahankan kejatuhan dalam kuasa beli nilai ringgit kita. Saya telahpun berkali-kali menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini tentang langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah inflasi.

Kita tidak akan membenarkan inflasi menjejaskan prestasi ekonomi kita, kuasa membeli sebenar dan taraf kehidupan rakyat negara ini, terutamanya mereka dalam golongan pendapatan rendah. Sebenarnya bagi mereka yang terlibat di dalam usaha perlombongan kecil, penanam-penanam kelapa sawit dan pekebun-pekebun kecil getah memang mempunyai kuasa beli yang lebih kerana harga yang baik bagi bahan-bahan tersebut di pasaran dunia.

Di dalam Belanjawan 1980, kita telah menyediakan pengurangan-pengurangan cukai dan subsidi sebanyak \$491 juta. Di samping itu, lebih dari \$170 juta telah diperuntukkan bagi berbagai jenis subsidi untuk sektor pertanian yang akan membantu petani-petani dan nelayan-nelayan untuk menampung harga bahan-bahan pertanian yang lebih tinggi seperti baja dan jentera pertanian. Semua sekali bantuan untuk mengurangkan tekanan inflasi adalah lebih kurang \$1,260 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan.

Pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meredakan tekanan-tekanan inflasi dan akan terus berbuat demikian demi kepentingan rakyat. Saya perlu menegaskan di sini bahawa kejayaan membendung inflasi adalah juga bergantung kepada kerjasama yang penuh dan meluas dari semua pengguna-pengguna dan juga kumpulan-kumpulan lain seperti Pertubuhan Wanita, Kesatuan Pekerja dalam masyarakat

kita. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat, supaya jangan hanya sekadar membangkitkan isu inflasi sahaja tetapi beliau seharusnya memberi syor-syor yang berguna mengenai langkah-langkah bagi membendung inflasi yang akan memberi faedah kepada semua.

PENCEROBOHAN RUSSIA DI AFGHANISTAN—PENDIRIAN MALAYSIA

37. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap pencerobohan Russia di Afghanistan. Adakah Malaysia memberi apa-apa bantuan kepada rakyat Afghanistan yang berjuang melawan pencerobohan tersebut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Soalan ini telahpun dijawab oleh saya di beberapa ketika di Dewan ini dalam beberapa hari yang lepas dan pada masa ini saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan-jawapan saya yang lepas.

HUKUMAN MATI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

38. Tuan Karpal Singh minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan sebenarnya orang-orang yang dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan (Kes-kes Perlu) (Pindaan), 1975; berapa dari mereka telah mohon ampun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan adakah mana-mana permohonan Pengampunan tersebut dibicarakan.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: 53 orang telah dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibicarakan menurut Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975. Hanya 35 orang daripada mereka sahaja yang memohon ampun kepada Yang di-Pertuan Agong dan dari antara ini hanya 14 permohonan sahaja telah diselesaikan.

PINJAMAN MEMBIAYAI PROJEK

39. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kewangan menyatakan sejak tahun 1976 berapakah jumlah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri di seluruh Malaysia, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerjasama dan Pihak-pihak berkuasa Tempatan serta jumlah projek yang terlibat. Apakah syarat-syarat bayaran balik yang dikenakan dan dari jumlah pinjaman yang diberi, berapakah jumlah bayaran balik yang telah diterima.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Dalam tempoh 1976-1979 Kerajaan Persekutuan telah melulus dan mengeluarkan pinjaman-pinjaman berjumlah \$2,142.6 juta untuk membiayai 334 buah projek yang dijalankan oleh semua Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Badan-badan Berkanun Syarikat-syarikat Kerajaan, Syarikat-syarikat Kerjasama dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Pinjaman-pinjaman ini adalah dikenakan syarat-syarat yang berlainan mengikut kadar-kadar pulangan kewangan yang dijangka dari projek-projek yang dibiayai. Pada amnya tempoh-tempoh pinjaman yang diberikan adalah dalam lingkungan 5 hingga 25 tahun termasuk tempoh-tempoh pertanggungan selama 3 hingga 10 tahun. Kadar-kadar faedah yang dikenakan adalah lazimnya dalam lingkungan 3% hingga 8% setahun.

Dari jumlah pinjaman yang dilulus dan dikeluarkan sejak 1976 itu \$7.9 juta telah dibayar balik. Bakinya belum dibayar balik lagi kerana belum sampai tempoh pembayaran balik.

PASUKAN SUKARELAWAN POLIS (PVR)—KENAIKAN ELAUN

40. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar, bahawa elaun anggota PVR yang ada sekarang sudah tidak sesuai lagi dan jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan menaikkan elaun mereka.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk menaikkan kadar elaun bagi anggota-anggota Pasukan Sukarelawan Polis. Insya Allah kadar yang baru ini dapat diimplementasikan tidak berapa lama lagi.

PELAJARAN BAHASA CINA DI SEKOLAH-SEKOLAH

41. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan pincang di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di mana Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia diajar sebanyak 10 dan 15 kali seminggu dan Bahasa Cina hanya diajar 5 kali seminggu sahaja dan sama ada beliau bersetuju bahawa bilangan masa untuk Bahasa Cina sepatutnya ditambah di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Dato' Musa bin Hitam: Kepincangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak wujud. Peraturan Kursus Pengajian Sekolah yang berkuatkuasa mulai tahun 1968 telah menetapkan peruntukan masa minima bagi pelajaran Bahasa Cina di sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina sebanyak 420 minit seminggu untuk darjah I-III, 400 minit seminggu untuk darjah IV dan 360 minit seminggu untuk darjah V-VI manakala pelajaran Bahasa Malaysia diberi peruntukan minima sebanyak 180 minit seminggu untuk darjah I-III dan 200 minit seminggu untuk darjah IV-VI. Bagi Bahasa Inggeris pula peruntukan masa yang ditetapkan ialah 120 minit seminggu untuk darjah III, 160 minit seminggu untuk darjah IV dan 200 minit seminggu untuk darjah V dan VI. Dalam keadaan yang wujud di sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina sekarang ini di mana Bahasa Cina telah digunakan sebagai bahasa penghantar dan digunakan di dalam semua aktiviti sekolah, Kementerian saya berpendapat bahawa peruntukan masa yang diberikan itu adalah mencukupi.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Hukuman Mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Rayuan

3.35 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan

merunding satu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, dan usul saya berbunyi:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (2) mengizinkan saya mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini dengan tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu niat Kerajaan untuk meneruskan dengan penggantungan baki lima orang lagi yang didapati bersalah dan dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki senjata secara haram yang mana rayuan-rayuan mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya hukuman mereka itu diringankan telah ditolak;

Bahawa perkara ini hendaklah disegerakan kerana lebih kurang 32 orang masih menunggu untuk digantung di mana lima di antaranya telah ditolak rayuan pengampunan mereka oleh Lembaga Pengampunan dan baki daripada mereka termasuk keluarga dan sanak saudara berada dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan, dan jika sekiranya sesuatu tidak dibuat untuk menyelamatkan nyawa mereka ini sudah pasti ini akan menimbulkan rasa marah terhadap Kerajaan kerana di antara mereka ini terdapat beberapa orang yang tidak melibatkan diri dalam subversion politik atau kekerasan;

Bahawa perkara ini juga akan memburukkan nama baik dan imej negara kita di kacamata negara-negara seluruh dunia;

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana kesemua orang-orang yang menunggu untuk digantung telahpun dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Perlu, 1975 yang mana peraturan-peraturan tersebut telahpun diisytiharkan oleh Majlis Privy dalam bulan Disember, 1978 sebagai tidak berperlembagaan dan tidak sah dalam perbicaraan kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya. Hakikat ini hendaklah diperhitungkan apabila pengesyoran “clemency” dibuat;

Bahawa Majlis Mesyuarat ini hendaklah juga memperhitungkan bahawa mereka yang menunggu untuk digantung terdiri dari orang-orang yang muda dan inilah

kali pertama mereka melakukan kesalahan dan mereka harus diberi peluang untuk terus hidup;

Bahawa memandangkan kepada sebab-sebab yang dinyatakan di atas ini, Majlis Mesyuarat ini hendaklah menggesa Peguam Negara mengesyorkan kepada Lembaga Pengampunan supaya rayuan mereka ini dikaji dan ditimbang semula serta juga Majlis Mesyuarat ini hendaklah memerintah pihak berkenaan supaya urusan penggantungan ditangguhkan sementara rayuan-rayuan pengampunan orang-orang yang terlibat itu ditimbang dan dikaji semula.”
Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat baharu sahaja mendengar sekali lagi usul untuk menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18 iaitu bagi membincangkan satu perkara yang tertentu bagi kepentingan orang ramai dan perlu berkehendak disegerakan.

Saya telah tatapi usul ini sebagaimana yang baharu kita dengar tadi dan saya dapati usul ini serupa dan sama seperti hari semalam dan perkataan demi perkataan sama seperti hari semalam juga. Saya tidak hendak mengulas lagi apa yang sudah saya ulas pada hari semalam mengenai dengan bahawa Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Perlu, 1975 yang peraturan ini telahpun disifatkan dan dianggap tidak sah oleh Privy Council, itu saya sudah katakan perkara itu sudah dibawa dalam Dewan ini dan sudah disahkan (validated) di dalam Dewan dan sudah menjadi sebahagian daripada Undang-undang. Tetapi oleh sebab perkara ini sudah diulang bawa daripada hari semalam dengan hari ini serupa sahaja saya cuba hendak memerhatikan daripada Peraturan Mesyuarat kita.

Peraturan Mesyuarat 36 (3) berbunyi:

“36 (3) Adalah salah pada peraturan mesyuarat jika dicuba menimbang semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal majlis yang ada sekarang kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirinya bagi membatalkan keputusan Majlis Mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.”

Bagi menentukan lagi tentang pelaksanaan Peraturan Mesyuarat ini iaitu sebagaimana yang dirujuk kepada Perkara 100 di dalam Peraturan Mesyuarat, saya telah semak dan

rujuk kepada *Erskine May*, iaitu buku mengenai dengan Amalan Parlimen (Parliamentary Practice) Edisi ke 19 di muka surat 368 ada menyebutkan:

“Matters already decided during the same session—A motion or an amendment may not be brought forward which is the same, in substance, as a question which has been decided in the affirmative or negative during the current session. The rule may be fully stated as follows: ‘No question or bill shall be offered in either House that is substantially the same as one on which its judgement has already been expressed in the current session.’”

Selagi dan selama saya berpuas hati bahawa Peraturan Mesyuarat 18 ini tidak disalahgunakan (abused), maka ada dua perkataan operative, perkataan yang penting, perkataan pokok di dalam Peraturan Mesyuarat 36 (3) ini, iaitu perkataan yang berbunyi:

“... yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat”. Begitu juga di dalam penerangan Erskine May’s Parliamentary Practice, Edition 19, perkataan:

“... a question which has been decided”. Jadi dua perkataan pokok pada faham saya dan pada hari semalam apabila perkara ini dibentangkan di Majlis ini bahawa saya berpuas hati bahawa perkara ini

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu, duduk! Jangan ganggu saya lain kali.

Pada hari semalam apabila usul ini dibawa, saya telah berpuas hati bahawa usul ini ada mempunyai syarat-syarat tertentu kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan tetapi gagal mendapat sokongan 15 orang supaya dapat dibahaskan. Jadi bagi mentafsirkan perkataan pokok, iaitu “telah diluluskan” dan perkataan “has been decided” sebenarnya saya memahami perkara ini belum diputuskan kerana tidak dibahaskan. Dengan sebab itu saya bersetuju di atas sebab-sebab yang saya nyatakan tadi usul ini boleh dibahaskan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 18 (3).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, demi untuk menghormati undang-undang dan

supaya tidak menyentuh keadilan mahkamah maka di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) (a), saya membangkang usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini sekiranya ada seorang sahaja Yang Berhormat yang membangkang maka pihak pencadang mengadakan 15 penyokong. Yang menyokong sila bangun! (*Beberapa orang Ahli berdiri*). Saya sendiri hitung ada 15, maka perkara ini akan dibahaskan pada pukul 5.30 petang ini mengikut Peraturan Mesyuarat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGGAKAN TENTERA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli

kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima" (24hb Mac, 1980).

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam Yang Berhormat Menteri Pertanian baru sahaja memulakan jawapannya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat.

3.46 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad)

Tuan Speaker, saya minta izin meneruskan jawapan.

Memandangkan pada tiap-tiap tahun masih lagi tinggi, iaitu hitung panjang 2.7%, memandangkan jumlah tanah yang terhad maka adalah menjadi tugas Kementerian Pertanian untuk mengguna dan memajukan sepenuhnya tanah yang sedia ada melalui rancangan pembangunan yang disatukan (in situ development) dengan rangka cropping pattern atau keadaan tanaman begitu rupa supaya sebidang tanah itu dapat mengeluarkan hasil dan pendapatan yang begitu tinggi kepada kaum petani dengan menyediakan bantuan bagi berbagai-bagai jenis tanaman. Kementerian Pertanian tidak mengukur pendapatan seorang kaum tani itu daripada luasnya tanah yang diberi kepada mereka tetapi dari jenis tanaman ataupun ternakan sama ada haiwan atau ikan yang boleh memberi hasil dan pendapatan yang tinggi serta menampung satu sara hidup yang menasabah kepada kaum tani dan nelayan. Dengan itu maka Kementerian Pertanian memberikan berbagai-bagai bantuan seperti input-input pertanian, baja, subsidi, kredit dan sebagainya dengan tujuan kaum tani dapat mengurangkan tanggungan kos pengeluaran dan meninggikan kadar pulangan.

Masalah yang merumitkan kita ialah kaum tani di negara ini adalah petani-petani kecil (smallholders) yang mempunyai tanah antara 3 hingga 4 ekar atau sehingga setinggi-tingginya 6 ekar pada tiap-tiap orang. Dengan itu adalah uneconomic bagi seseorang menggunakan teknologi moden kerana sebagai individual dengan holding yang kecil maka seorang tani tidaklah mampu membiayai kos teknologi tersebut. Itulah sebabnya pihak Kementerian Pertanian merangkakan strategi baru di mana

petani-petani kecil disatukan di bawah satu kumpulan dan menjalankan pertanian secara beramai-ramai (cooperative). Dengan demikian dapatlah menggunakan teknologi baru seperti jentera-jentera dengan kos produksinya ditampung beramai-ramai dengan pertolongan dan panduan dari agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang bergerak secara pembangunan yang disatukan (integrated development). Di bawah sistem ini yang dipanggil Sistem Geraktani bermula tahun ini di mana seluruh agensi di bawah Kementerian Pertanian dari peringkat atas iaitu Kementerian hingga ke peringkat ladang (operational) berjalan secara satu pasukan dengan memandu petani-petani bersama-sama bekerja dalam satu-satu kawasan. Dari peringkat perancangannya kepada peringkat pengeluaran sehinggalah kepada peringkat pemasarannya adalah dijalankan secara integrated belaka. Satu perkara yang perlu diingatkan ialah program pertanian adalah sentiasa terdedah kepada semula jadi, iaitu kemarau, ribut taufan, monsoon, penyakit haiwan dan sebagainya.

Ramai Ahli-ahli yang menyentuh soal kekurangan air di Kedah. Saya memang menyedari kepada keadaan ini dan semenjak tahun 1978 beberapa langkah mengejut telah dan sedang dibuat untuk membolehkan petani-petani di seluruh kawasan MADA dan di luar MADA menjalankan kerja-kerja penanaman padi. Usaha-usaha ini termasuklah "cloud seeding", memberi pam-pam air, dan sekarang ini proses mencari air di bawah tanah atau "underground water" sedang dijalankan. Dengan takdir Allah subhanahu wa taala, kita dapat kurangkan kesusahan mereka akibat daripada bencana kemarau. Cara tanaman padi pun diubahsuai untuk menjimatkan air di musim kemarau. Tanaman padi dijalankan secara berperingkat-peringkat dan dikerjakan dalam 4 peringkat. Ini bukan sahaja dapat dicatu air ke kawasan seluruh MADA, tetapi dapat mengatasi soal dengan buruh sama ada musim menanam atau musim menuai. Dengan demikian maka dapatlah kita mengurangkan post harvest losses atau pembaziran selepas menuai. Beberapa projek lagi sedang diusahakan oleh Kementerian saya untuk menjamin air di musim kemarau di seluruh Kedah dan Perlis. Antaranya:

(1) *Kajian Ampangan MUDA dan PEDU*

Kajian ini termasuk kemungkinan pembangunan sumber-sumber air di

kawasan tadahan dan kemungkinan membesarkan takungan reservoir di MUDA dan PEDU.

(2) *System of Recycling Drainage Water*

Sistem penggunaan semula air sedang dilaksanakan dan akan diperluaskan lagi. Sistem ini termasuklah penggunaan saluran-saluran sungai dan parit-parit besar yang sedia ada di seluruh kawasan MADA dengan kemungkinan membina tambahan pintu kawalan air di kuala. Dengan cara demikian air hujan yang turun dapat ditakung dan disimpan serta dipamkan ke dalam sawah dan bendang. Dahulu air berlebihan ini terpaksa dibuang ke laut sahaja. Dengan cara yang demikian dapatlah mengurangkan penggunaan air daripada Ampangan PEDU dan MUDA. Untuk permulaan adalah dijangka sebanyak 30,000 ekar kaki air dapat digunakan mengikut sistem ini dalam kawasan MADA.

(3) *Water Storage*

Di samping itu pula di bawah program menambahkan bekalan air ini, ada kemungkinan kita akan mengesan dan membina beberapa "mini water storage" iaitu kolam-kolam air simpanan supaya dapat menakung air di waktu hujan untuk kegunaan musim kemarau. Sistem seperti ini sudah dijalankan di negara-negara yang mengalami kemarau seperti di Thailand, India dan lain-lain lagi. Di bawah sistem ini, "Parit Wan Mat Saman" sepanjang 20 batu yang tidak digunakan sekarang iaitu dari Alor Setar sampai ke Gurun, akan juga diperbaiki untuk dijadikan kolam simpanan air.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang program subsidi baja. Inilah kali pertamanya Kerajaan memberikan subsidi baja padi kepada kaum tani sebanyak \$60 satu ekar hingga ke 6 ekar dan jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan adalah sebanyak \$100 juta setahun. Lebih kurang 300,000 keluarga penanam padi mendapat faedah daripada subsidi baja ini. Memanglah, pada hari ini, kita berikan baja urea, ammophos dan baja campuran. Saya telah meniyasat tuduhan yang mengatakan pasir dicampurkan dalam baja campuran ini. Yang sebenarnya bukan pasir,

tetapi adalah salah satu bahan dalam baja campuran itu, kalau sekali imbas nampak macam pasir.

Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan supaya dikaji atas kemungkinan menukar daripada baja campuran kepada baja compound seperti yang dicadangkan oleh Wakil dari Jerai. Penukaran dari satu jenis baja kepada jenis baja yang lain memerlukan kajian teliti, kerana penggunaan baja ini hendaklah disesuaikan dengan tanaman tanah dan iklim; sepertilah juga dengan seorang pesakit yang perlu didiagnos dahulu penyakitnya sebelum diberi ubat yang sesuai.

Oleh kerana kita akan meneruskan subsidi baja ini dan untuk mengelakkan penyelewengan oleh setengah-setengah pihak yang akan merugikan kaum tani maka saya telah mengarahkan supaya pegawai-pegawai saya mengkaji atas kemungkinan mengadakan satu Akta Baja untuk mengawal mutu baja di negeri ini, sepertilah juga dengan Akta Ternakan untuk menjamin kesihatan haiwan dan Akta Pesticide atau Akta Racun Makhlok Perosak.

Sekarang suka saya hendak menyentuh ucapan wakil dari Baling. Ucapannya "interesting" kerana "approach" beliau menulis ucapan itu sepertilah juga dengan seorang penulis cerita "fiction" yang bertajuk "ghost story".

Saya katakan begitu kerana beliau sangat mementingkan susunan ceritanya, pilihan kata-katanya dan aliran bahasanya. Sebaliknya isi kandungan cerita itu adalah "fiction" semata-mata kerana apabila seseorang membacanya, si pembaca mendapat gambaran sepertilah juga dengan perasaan seseorang selepas membaca atau menonton filem "ghost story" iaitu seram, meremang bulu tengkuk bercampur takut, tetapi tidak ada apa-apa. Daripada karyanya itu nampaknya si penulis berada di mejanya dengan "meditation" yang khusus menumpukan fikirannya kepada ghost, yang susah hendak digambarkan, tetapi berusaha mencari perkataan-perkataan yang tertentu bagi menyedapkan ceritanya. Yang Berhormat itu menulis dengan tidak berpandu kepada reference yang ada berlaku di peringkat ladang sebenarnya. Memang kita tidak hairan kerana pemimpin-pemimpin PAS sentiasa bersikap begitu iaitu mengadakan perkara yang tidak ada; mengharamkan perkara yang halal dan mengkafirkan mereka yang Islam.

Wakil Baling itu menulis ceritanya dengan satu tujuan iaitu mencari sebarang idea dan ilham tidak kira betul atau tidak, asalkan boleh menguatkan aliran ceritanya supaya "verdict" atau kesimpulan cerita itu berakhir dengan demonstrasi di Kedah.

Tak payah saya terangkan mengenai dengan demonstrasi di Kedah kerana memadailah kita membaca Press Conference Encik Sallehuddin bin Mansor minggu lalu. Beliau juga membaca karya Sallehuddin dan saya yakin juga beliau kenal siapa Sallehuddin.

Saya sifatkan ucapannya itu sebagai ghost story kerana fact-factnya tidak kena langsung. Misalnya, apabila beliau quote ucapan Professor Diraja Ungku Aziz. Apabila ditanya oleh Tuan Speaker, bila dan di mana ucapan itu dibuat, dia tidak tahu dan tidak mengambil ucapan itu sepenuhnya dan dia tidak pula menyebutkan dalam konteks apa Ungku Aziz bercakap. Professor Ungku Aziz ialah rakan saya dan dia tidak pernah membuat ucapan yang sumbang.

Banyak lagi bahan-bahan ghost story itu yang tidak mempunyai fact-fact asas. Umpamanya:

- (1) Beliau menuduh pihak Kerajaan gagal untuk menambahkan pendapatan kaum tani sungguhpun wang telah banyak dicurahkan, terutama sekali katanya, taraf hidup penanam padi masih rendah. Di sini suka saya hendak memberikan gambaran sedikit kepada Dewan mengenai pendapatan penanam padi. Misalnya dalam tahun 1977 dan 1978 pendapatan bersih hitung panjang seorang penanam padi tiap-tiap ekar dalam satu musim di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut—

	<i>Pendapatan bersih</i>
MADA (1977)	\$747
Kemubu	416
Tanjung Karang	615
Krian	435
Besut (Tanaman dua kali)	430

Ini untuk satu ekar satu musim, apatah lagi kalau dua musim dan semuanya ini adalah kawasan padi dua kali setahun.

Pendapatan bersih di atas tidak termasuk faedah dari subsidi baja \$60 seekar semusim atau \$120 seekar setahun, dan subsidi kupon harga padi \$2.00 sepikul. Sekiranya diambil kira subsidi ini maka bermakna kos pengeluaran seekar akan berkurangan sebanyak \$120.00 seekar setahun atau satu musim dan menjadikan penambahan pendapatan \$120.00 seekar satu musim ataupun kadang-kadang dipanggil setahun. Dengan adanya subsidi kupon sebanyak \$2.00 sepikul, maka pendapatan bersih bertambah lagi.

Umpamanya di MADA, pengeluaran padi seekar adalah sebanyak 670 gantang iaitu lebih kurang 28 pikul. Jika ini diambil sebagai asas maka bermaknalah daripada subsidi kupon sahaja sejumlah \$56.00 dapat ditambah kepada saving cost bajanya sebanyak \$120.00. Ini bererti pendapatan bersih daripada dua jenis subsidi sahaja ialah \$176.00 seekar. Jumlah ini adalah tambahan kepada pendapatan bersih yang saya sebutkan tadi, iaitu di MADA sebanyak \$747 seekar satu musim dan menjadikan jumlah pendapatan bersih \$923.00 seekar. Sungguhpun bukanlah ini di seluruh tanahair, mereka berpendapatan demikian tetapi ini sudah menjadi kenyataan khasnya di Kedah. Dan pendapatan itu tidak termasuk daripada kerja-kerja mereka yang lain atau sambilan seperti ternakan ayam dan sebagainya. Begitu juga dengan pendapatan pekebun-pekebun kelapa. Mengikut bantuan yang Kerajaan jalankan hari ini ialah dalam kebun-kebun kelapa, maka disulami dengan tanaman koko ataupun kelapa dengan kopi ataupun kelapa dengan ternakan haiwan.

Mengikut angka yang diperolehi sekarang ini pendapatan kaum tani bagi seekar kebun kelapa adalah \$200 ke \$250 seekar, satu musim, dan hitung panjang seorang pekebun kelapa mempunyai 3 atau 4 ekar. Di samping itu hasil daripada tanaman yang kedua iaitu koko ialah \$1,000 seekar. Ini bermakna seorang pekebun kecil mempunyai pendapatan dari dua sumber adalah tinggi. Mengikut kajian di bawah cara begini seorang pekebun kelapa jika disulami dengan koko mendapat hasil \$550 ke \$700 sebulan. Ini khas kepada dua jenis dan tidak termasuk kerja-kerjanya yang lain.

Ahli Yang Berhormat itu juga seolah-olah menuduh Kerajaan menganiayakan kaum tani di Johor Barat apabila dia berkata:

“Kegagalan ini bertambah parah dengan adanya perkembangan di zaman Dasar Ekonomi Baru ini petani-petani sengaja atau terpaksa menjual tanah-tanah mereka. Sebagai misalnya, penjualan tanahmilik berlaku di Johor Barat di mana seluas 23,375 ekar dimiliki oleh 2,475 tuan tanah, iaitu petani-petani telah dipindahmilikkan.”

Ahli Yang Berhormat dari Baling itu tidak langsung mendalami hal ini dan tidak ambil kira langsung sebahagian besar daripada tanah yang tidak boleh digunakan itu dapat digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, apabila program peringkat pertama ini siap dijangka dalam tahun 1981, seramai 30,000 keluarga tani mendapat faedah daripadanya. Kerajaan membayar tanah mereka mengikut harga pasar dan bukan semua tanah mereka itu “productive” tetapi dengan adanya program Johor Barat ini faedahnya sudah nyata dan jumlah pekerjaan yang diperolehi oleh kaum tani juga ternyata. Itulah sebabnya saya katakan Ahli Yang Berhormat ini sebagai penulis fiction kerana membuat karangan secara teorinya sahaja dan tidak pergi melihat projek-projek yang sebenar berjalan di peringkat bawah.

Satu lagi dia menyentuh tentang hijrah ke bandar. Beliau juga kononnya bimbang dengan penduduk-penduduk kampung berhijrah ke bandar-bandar. Sepatutnya kebimbangannya itu ditumpukan kepada Kerajaan Kelantan yang telah diperintahkan oleh parti beliau daripada tahun 1959 ke tahun 1978 kerana dari Kelantanlah pemuda dan pemudi yang ramai berhijrah bukan sahaja ke bandar-bandar di pantai-pantai barat Semenanjung tetapi juga ke Singapura.

Kedatangan penduduk-penduduk kampung ke bandar tidak mengapa, kerana penduduk-penduduk bandar dulunya terdiri daripada satu kaum sahaja dan dengan pemuda kampung ke bandar maka masyarakat bandar akan terdiri daripada berbagai kaum dan keturunan dan dengan keadaan mereka ke bandar maka mereka menukar vocationnya daripada kaum tani kepada kaum peniaga ataupun teknik ataupun membuat pekerjaan lain.

Di samping itu pula Kerajaan juga telah membina banyak bandar-bandar baru di kawasan-kawasan luar bandar sebagai satu cara untuk mewujudkan suasana bandaran di kawasan-kawasan yang dulunya hutan belantara. Umpamanya, Bandar Baru Jengka, yang dulunya hutan belantara, ke bandar baru di kawasan DARA atau bandar Muazzam Shah Daerah Jerantut, Johor Tenggara, Johor Barat dan beberapa banyak lagi. Memanglah jawabnya tidak ada di Kelantan, kerana negeri itu diperintah oleh parti Ahli Yang Berhormat itu sejak daripada tahun 1959 hingga 1978 iaitu hampir-hampir 19 tahun. Syukur kita kepada Illahi kerana rakyat Kelantan sudah sedar kepada fiction, ghost story PAS ini dan menyerahkan negeri Kelantan itu kepada Barisan Nasional pada pertengahan tahun 1978. Cerita berhubung dengan rakan-rakan Yang Berhormat di Kelantan mengeksploitasi kekayaan balak dan tanah tidak payah saya ceritakan kerana Yang Berhormat rakan saya dari kawasan Pasir Putih telahpun mengupas satu persatu-nya.

Sekarang kita pergi ke kawasan Baling sendiri iaitu kawasan beliau. Di kawasan ini Kerajaan menjalankan salah satu program ternakan sebagai sumber mata pencarian tambahan kepada kaum tani. Di Binjai hampir-hampir siap pembinaan sebuah holding station ataupun pusat penyimpanan ternakan iaitu ternakan-ternakan yang berbaka baik yang dibawa dari luar negeri dibawa ke situ dulu sebelum diedarkan kepada kaum tani. Kawasan ini seluas lebih daripada 200 ekar dan di samping memberi pekerjaan di situ maka pusat ini juga merupakan pusat menolong penternak-penternak kecil di bawah program MCC atau pusat pengumpulan susu Kementerian Pertanian. Di kawasan itu sahaja iaitu di Kulim, Sungai Petani, Kuala Ketil dan Baling, MCC atau pusat-pusat pengumpulan susu sudah dan sedang dibina. Satu-satu pusat kumpulan susu ini dianggarkan akan mengandungi seramai 500 orang peserta yang seseorang akan diberi tidak kurang daripada 3 ekor lembu. Ini berupa pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu—diapun tidak ada di sini—peserta pusat di Kulim dan Sungai Petani, yang mempunyai peserta seramai 40 orang di tiap-tiap satu pusat sudah dapat mengadakan simpanan wang sebanyak \$40,000. Ini adalah kerja sambilan mereka. Mengikut program

MCC ini seekor lembu boleh memberi pendapatan bersih \$80-\$120 sebulan selama 8 bulan.

Dengan contoh-contoh dan alasan-alasan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya mensifatkan ucapan Ahli Yang Berhormat itu sebagai fiction, ghost story sahaja. Dia mengarang ucapannya dalam bilik hingga tidak tahu apa yang berlaku di kawasannya sendiri ataupun di sekeliling kawasannya. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di bumi Malaysia yang bertuah ini tiap-tiap insan boleh mencari rezeki yang mewah jika sanggup menggunakan tulang empat kerat yang Tuhan kurniakan kepada kita tetapi sebaliknya janganlah men'adi seekor burung punggok yang hanya rindukan "bulan purnama" jatuh ke riba dan mereka yang bersifat demikian tidak ada tempat di bumi Malaysia ini.

Berhubung dengan Ahli Yang Berhormat dari Baling ini, kadang-kadang saya terfikir hendak menarik semua projek di kawasannya kerana beliau sendiri takbur dan tidak bersyukur kepada pemberian Illahi rezeki yang ada diberi pada rakyat di sana.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Dewan ini tumpuan Kementerian Pertanian dalam tahun 80an ini ialah untuk mewujudkan beberapa sumber pekerjaan dan punca pendapatan tambahan kepada kaum tani. Dari segi ternakan haiwan nampaknya sudah pula memberi hasil kepada kaum tani kita. Kementerian Pertanian akan menumpukan kepada satu lagi sumber pendapatan tambahan kepada kaum tani dalam tahun 80an ini iaitu aquaculture atau ternakan ikan air tawar ataupun air payau.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggunakan tanah terbiar, khasnya sawah-sawah terbiar dijadikan kolam-kolam ikan air tawar yang boleh juga menambahkan pengeluaran ikan di negara ini memandangkan hasil ikan dari lautan kita semakin sehari semakin kurang. Program ini sudah mula dilaksanakan tahun lalu dan sedang mendapat sambutan hangat daripada rakyat terutama sekali di Perak. Anak-anak ikan juga dilepaskan di lombong-lombong dan sungai-sungai di ampangan yang dibina untuk DID. Potensi ikan ini adalah besar kerana pengeluaran ikan air tawar di negara kita ini tidak sampai 3% dan kita masih mengimport ikan dari luar negeri antara 30%-40%.

Apa yang saya harapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memberikan kerjasama dan pertolongan kepada Kerajaan dengan meyakinkan rakyat terhadap program-program yang disediakan ini. Sebagai kita ketahui rakyat di kampung-kampung masih lagi "sensitif" dengan perubahan-perubahan dan kita memerlukan banyak penerangan-penerangan untuk membimbing mereka ke arah kemajuan. Penerangan-penerangan dari wakil-wakil rakyat kepada penduduk-penduduk kampung untuk merebut kemajuan dan program yang disediakan oleh Kerajaan itu memberi makna yang besar kepada mereka di masa akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk memberi jawapan.

4.11 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah mengemukakan cadangan supaya diwujudkan satu "Badan Rayuan" untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan Keputusan Mahkamah Perusahaan, membuat rayuan kepada satu badan yang lebih tinggi.

Ingin saya menegaskan di Dewan Yang Mulia ini bahawa hasrat dan cadangan untuk mewujudkan satu cara rayuan atas keputusan Mahkamah Perusahaan telah diberi pertimbangan yang teliti oleh pihak Kerajaan. Yang demikian satu peruntukan baru telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan, 1980 yang telahpun dibentangkan di Dewan ini dan akan dibahaskan sedikit masa lagi.

Walau bagaimanapun, izinkan saya membuat sedikit kenyataan sebagai ulasan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang berkuatkuasa sekarang memperuntukkan melalui seksyen 30 (5) bahawa Mahkamah Perusahaan seharusnya bertindak untuk faedah bersama, dan mengikut merit satu-satu kes itu tanpa menghiraukan perkara-perkara teknikal dan undang-undang. Akta

ini juga memperuntukkan melalui seksyen 21 dan seksyen 22 bahawa apabila Mahkamah Perusahaan mendengar kes-kes yang dirujuk-kan kepadanya untuk diputuskan, Presiden atau Pengerusinya adalah dibantu oleh satu panel yang mengandungi tiga orang ahli, yang terdiri dari wakil Majikan, wakil Pekerja dan seorang ahli bebas. Ahli-ahli panel ini adalah mereka yang berpengalaman dan sudah tentu layak untuk membantu Mahkamah Perusahaan atas semua soal-soal "facts" yang dibangkitkan di dalam perbicaraan tersebut. Inilah sebab yang utama mengapa satu pihak yang tidak berpuashati atas keputusan Mahkamah Perusahaan itu dan inginkan keputusan tersebut dikaji semula oleh satu badan yang lebih tinggi, dibenarkan membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi hanya atas perkara-perkara Undang-undang sahaja (points of Law). Soal-soal "facts" seharusnya sudah diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan dengan dibantu oleh tiga ahli panelnya. Hak-hak untuk merayu ke Mahkamah yang lebih tinggi atas persoalan undang-undang tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang tertentu dicadangkan supaya dikekalkan di dalam pindaan kepada seksyen 33 (a) Rang Undang-undang itu. Rayuan hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi dan keputusan Mahkamah Tinggi itu adalah muktamad.

Ini adalah untuk mencerminkan hasrat dan tujuan undang-undang itu bahawa tiap-tiap pertikaian perusahaan yang didengar oleh Mahkamah Perusahaan perlulah mempunyai satu rupa-bentuk yang muktamad untuk menentukan kelegaan kedua-dua pihak yang berkenaan, terutama sekali untuk kepentingan pihak pekerja kita.

Kerajaan adalah memandang berat soal-soal keadilan sosial kepada pekerja-pekerja kita yang tidak seharusnya diperlekehkan kerana sebagaimana yang kerap kali kita dengar keadilan yang dilengahkan adalah keadilan yang dinafikan. Secara amnya, sungguhpun tidak selalu, keputusan-keputusan yang tidak muktamad diambil kesempatan oleh pihak yang mempunyai sumber kewangan yang lebih dengan cara menggunakan rayuan dalam berbagai bentuk. Ini sudah tentu akan bertentangan dengan kepentingan pekerja yang pada lazimnya mempunyai keupayaan kewangan yang terhad. Apa-apa juga kelambatan mungkin juga akan menimbulkan perasaan yang tidak

tetap dan tidak tenteram yang mengakibatkan rasa hampa di tempat kerja semasa menunggu keputusan dan rayuan melalui berbagai-bagai peringkat.

Yang demikian, cara-cara rayuan selanjutnya selain daripada yang telah diperuntukkan di dalam pindaan tersebut tidak mungkin akan dapat memperbaiki pencapaian keadilan sosial bagi pekerja-pekerja kita. Ini dengan sendirinya menerangkan asas-asas atas mana seksyen 33 (a) itu dibentuk, iaitu hanya rayuan atas persoalan undang-undang sahaja akan dibenarkan dan rayuan yang sedemikian hendaklah diputuskan secara muktamad oleh Mahkamah Tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyentuh mengenai bayaran gaji yang murah kepada pekerja-pekerja kilang dan seterusnya meminta Kementerian saya mengkaji semula kadar gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja kilang. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa Kementerian saya tidak ada menetapkan kadar gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, rasa saya soal untuk mengkaji semula kadar gaji tersebut tidak timbul.

Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa ada setengah-setengah kilang terutama sekali kilang-kilang yang menggunakan tenaga buruh yang ramai seperti kilang-kilang kain, terdapat gaji yang dibayar adalah rendah jika dibandingkan dengan kilang-kilang yang lain. Akan tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di samping bawaran gaji itu pihak Majikan juga menyediakan faedah yang lain seperti pengangkutan, elaun makan, elaun lebih masa dan lain-lain kemudahan kepada pekerja-pekerja mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar gaji yang ditawarkan oleh sesebuah kilang itu bergantung kepada beberapa faktor seperti kemampuan kewangan majikan, kedudukan Kilang dan juga kadar gaji bagi satu-satu kawasan itu.

Di mana pekerja-pekerja mempunyai Kesatuan Sekerja, kadar gaji adalah ditentukan mengikut perundingan bersama di antara pihak Kesatuan Sekerja dan pengurusan yang berkenaan. Persetujuan ini adalah terkandung di dalam perjanjian bersama, yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Pada amnya, melalui usaha-usaha kita dalam membangunkan ekonomi, bukan sahaja secara menyeluruh tetapi juga ber-

bagai kawasan perindustrian di seluruh negara, kita telah berjaya menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi pekerja-pekerja kita dan dengan itu dapat pula kita meningkatkan lagi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja kita.

Peraturan yang berjalan sekarang yang menggalakkan kadar gaji dipersetujui di antara pengurusan kilang dan pekerja-pekerja mereka adalah didapati berfaedah kepada kedua-dua belah pihak.

Di mana pekerja tidak mempunyai Kesatuan yang mana gaji dan syarat perkhidmatan adalah rendah, pegawai dari Kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk meningkatkannya lagi, dan sukacita dimaklumkan bahawa usaha-usaha ini telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran atas aktiviti-aktiviti Kementerian saya. Sukacita dimaklumkan bahawa semua teguran itu adalah diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk memberi jawapan.

4.19 *ptg.*

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa cadangan serta teguran-teguran terhadap soal-soal yang menyentuh pertahanan negara kita.

Pertama, kepada Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang telah menyentuh tentang keselamatan di rantau ini dan soal Angkatan Tentera yang patut diperkukuhkan lebih lagi. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa keselamatan negara sentiasa diawasi serta dikaji daripada satu masa ke satu masa dan Angkatan Tentera kita kini sedang diperbesarkan bagi menghadapi sebarang ancaman yang kita boleh ramalkan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda kepada Pasukan Petugas Pendatang Haram atas kecekapan mereka menjalankan tugas. Untuk makluman

Yang Berhormat, Kementerian saya memang sentiasa memberi perhatian yang berat kepada balu-balu tentera yang terkorban semasa berjuang untuk mempertahankan negara kita.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang telah menyentuh bahawa perpaduan negara amatlah perlu bagi keamanan dan keselamatan negara, saya ingin menyatakan bahawa assumption kita dalam Kementerian adalah begitu dan kita meletakkan banyak kepentingan kepada soal perpaduan negara sebagai sebahagian daripada pokok perkiraan di dalam soal pertahanan.

Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang juga telah merakamkan penghargaan atas perkhidmatan cemerlang Angkatan Tentera menentang dan menghapuskan ancaman komunis. Tentang cadangan beliau dan Yang Berhormat dari Labuk Sugut atas penggunaan senjata moden, saya ingin mengulangi di sini bahawa Kementerian saya sentiasa mengkaji tentang keperluan senjata-senjata moden mengikut keadaan dan kesesuaian senjata-senjata tersebut bagi digunakan oleh Angkatan Tentera kita. Ini adalah dikenalkan oleh Kerajaan dan pada setiap masa Angkatan Tentera kita sekarang ini menjalankan tugas untuk menilai senjata-senjata yang telahpun dipromote oleh beberapa pihak daripada luar negeri. Kita hanya akan membeli senjata-senjata yang kita perlu dan sesuai dengan sofistikasi yang kita perlukan. Sejajar dengan perkara ini kita mesti ingat bahawa sofistikasi senjatanya mestilah dapat disesuaikan dengan level of training kita boleh beri kepada anggota Angkatan Tentera kita.

Bagi makluman Yang Berhormat, senjata-senjata yang sedang kita gunakan sekarang ini sudahpun setanding dengan senjata-senjata yang digunakan oleh negara-negara yang maju.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya anggota tentera yang terkorban dan cacat semasa menjalankan tugas diberi saguhati yang lebih tinggi, adalah difikirkan bahawa pemberian saguhati yang diamalkan sekarang ini cukup memadai.

Mengenai peluang-peluang pekerjaan kepada anggota-anggota tentera yang tercacat pula, Kementerian saya sentiasa menyokong

apa-apa sahaja usaha oleh Jabatan-jabatan Kerajaan lain memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Kementerian Pertahanan sendiri memanglah cuba untuk menahan supaya anggota-anggota yang cacat tetapi boleh bekerja ringan diteruskan perkhidmatannya di dalam Kementerian Pertahanan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Marudu supaya keselamatan di perairan negeri Sabah diperkukuhkan lagi, adalah dimaklumkan bahawa kawalan di perairan negeri tersebut sentiasa dikaji dan diawasi. Adalah difikirkan bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan baru-baru ini dengan menambahkan banyak bilangan kapal ke wilayah perairan Sabah adalah cukup memadai dan kesannya telah-pun terbukti daripada incidents berkurangnya perlanunan di kawasan itu.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya Kerajaan mengubah kadar pencen kepada pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia dan pemberian saguhati dinaikkan, sukacita saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa soal pencen dan gaji Angkatan Tentera telahpun dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet dan segala perakuan telahpun dilaksanakan sejak 1hb Januari, 1976. Ketika ini seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan, pihak berkuasa yang berkenaan sedang membuat kajian semula terhadap gaji semua pegawai-pegawai Kerajaan dan kajian ini saya percaya meliputi juga Angkatan Tentera kita.

Mengenai bayaran saguhati, saya ingin memaklumkan bahawa bayaran sebanyak \$10,000 kepada waris-waris anggota tentera yang terkorban dalam tugas operasi adalah difikirkan sudah mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat wang saguhati ini sebenarnya adalah diambil daripada kumpulan wang yang disumbang oleh orang-ramai dan bukanlah daripada peruntukan wang Kerajaan. Kadar saguhati yang dibayar adalah ditetapkan mengikut satu perkiraan yang telah ditentukan dengan peraturan-peraturan.

Di samping bantuan itu, saya sedang mengusahakan supaya ada lagi satu skim di mana kita dapat membantu orang yang terkorban ataupun hilang keupayaan dan skim ini saya akan minta diluluskan di Dewan ini apakala kita meminda Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera nanti.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada Kementerian saya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Pertahanan mengagapkan segala teguran dan cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat adalah berasas kepada pandangan mereka dengan keadaan dalam negara ini dan bertujuan untuk membantu kita menjalankan tugas Kementerian Pertahanan dengan lebih sempurna lagi. Oleh sebab itu saya menghargai semua cadangan itu dan mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk memberi jawapan.

4.27 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa perbincangan ke atas Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan telah mencadangkan supaya "Commodity Broker" dan "Commodity Exchange" ditubuhkan juga di Sabah dan Sarawak. Saya ingin menjelaskan bahawa "Commodity Broker" merupakan syarikat perniagaan yang menjadi "broker" dalam urusan jual-beli "Commodity Futures", Syarikat berkenaan lazimnya bertapak di bandar-bandar besar kerana mempunyai potensi adanya pelanggan-pelanggan yang kaya yang ingin me-abur dalam "Commodity Futures". Saya yakin jika potensi itu terdapat di Kuching dan Kota Kinabalu, sudah tentu "Commodity Broker" akan menubuhkan syarikat mereka di sana.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa Commodity Exchange pula bukanlah satu konsep pemasaran secara fizikal tetapi ianya merupakan pasaran hadapan (futures trading) dengan tujuan untuk menentukan harga barangan pada masa hadapan dalam jangka masa antara 1 bulan hingga 18 bulan ke hadapan. Lazimnya Commodity Exchange adalah pusat pasaran di mana tertumpunya peniaga-peniaga, pengguna-pengguna, pengeluaran-pengeluaran dan di sinilah harga-harga untuk masa hadapan ditentukan.

Dalam hubungan ini yang penting ialah alat komunikasi yang moden, cekap dan juga perkhidmatan bank serta pasaran kewangan yang baik. Oleh sebab Commodity

Exchange berkehendakkan infrastruktur yang lengkap dan moden maka adalah menjadi kelaziman bagi sebuah Commodity Exchange itu ditubuhkan di Ibukota bagi menggalakkan penyertaan dari seluruh negara dan juga di peringkat antarabangsa. Saya berharap dengan penjelasan ini, maka nyatalah bahawa Commodity Exchange atau pasaran barangan ke hadapan adalah merupakan sistem pemasaran yang moden dan sophisticated untuk menentukan harga barangan pada masa hadapan yang akan memberi faedah kepada perkembangan ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk memberi jawapan.

4.30 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan serba sedikit berhubung dengan Kementerian saya semasa perbincangan atas Titah Ucapan di Raja.

Saya tidak bercadang akan menjawab satu persatu tetapi semua alasan-alasan itu akan diberi perhatian sepenuhnya. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong waktu merasmikan Mesyuarat Rumah yang mulia ini ada menyentuh soal-soal perkhidmatan pos dan telekom dan adalah jelas bahawa unsur-unsur dari perkhidmatan telekom, pos dan tenaga elektrik adalah sangat mustahak bagi kelancaran pembangunan negara kerana daya perhubungan dan daya kerja yang cekap, pantas dan ber-tenaga dari khidmat-khidmat tersebut boleh melicinkan jentera pembangunan itu.

Kerajaan secara constant dan rapi seberapa dayanya untuk menggerak dan memperkemaskan roda-roda perkhidmatan ini dan cuba menyusun dan meningkatkan mutu perkhidmatannya. Ini terbukti dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang menyentuh soal mempermajukan perkhidmatan pos dan telekom.

Sebagaimana yang saya telah umumkan, Kementerian saya telah menyusun semula pentadbiran Jabatan Telekom pada akhir tahun yang lepas, dan juga mulai Januari tahun ini telah mencantumkan Jabatan

Perkhidmatan Pos secara langsung dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Langkah-langkah ini dilakukan untuk mempercepat dan mempermajukan perkhidmatan kedua-dua agensi itu.

Dalam tahun 1980 ini juga kita mengambil langkah untuk mempermodenkan alat-alat telekomunikasi dalam negara. Antaranya ialah:

- (1) Menyiapkan projek kabel dasar laut Commonwealth Lautan Hindi (IOCOM Cable) di antara Pulau Pinang—Madras. Ini menjadi satu langkah tambahan dalam meninggikan mutu komunikasi antara Malaysia dengan negara-negara luar kerana Kerajaan sedar hubungan antarabangsa seperti ini sangat perlu bagi kemudahan perkembangan ekonomi yang moden.
- (2) Mengambil tindakan menyewa sistem satelit PELAPA dari negara Republik Indonesia untuk memperbaiki mutu perkhidmatan telekomunikasi termasuk saluran televisyen antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
- (3) Melaksanakan kemudahan untuk dail terus sambungjauh selepas pertengahan tahun ini antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang faedahnya bukan sahaja memberi kemudahan perhubungan tetapi juga untuk meningkatkan integrasi dua kawasan negara yang dipisahkan oleh laut itu.

Menyentuh masalah tenaga, baik sekali diperhatikan bahawa masalah tenaga adalah masalah yang dihadapi oleh seluruh negara. Krisis tenaga sesungguhnya mendapat perhatian yang serius di seluruh dunia, termasuk Malaysia sendiri.

Seperti lain-lain negara, negara kita juga terpaksa mengambil langkah bersiap sedia menghadapi masalah yang tidak dapat dielakkan ini. Dasar kita ialah untuk menggunakan punca-punca tenaga yang terdapat di negara ini dengan keutamaannya dipergunakan dalam negara kita sendiri.

Satu polisi yang telah dijalankan bagi tujuan ini ialah untuk memperpanjangkan seberapa boleh keadaan kecukupan minyak yang ada di negara kita, dan selaras dengan itu Kerajaan telah menyediakan satu dasar depleksi (depletion policy) yang menjadi

panduan dalam pengeluaran minyak negara supaya dalam masa pemanjangan itu kita mendapat kesempatan memikir dan mengkaji langkah-langkah alternatif yang lain.

Kerajaan juga memberi perhatian utama untuk menambahkan kemudahan sosial dan infrastruktur, termasuk perkhidmatan elektrik ke tempat-tempat yang belum dapat elektrik.

Dalam hubungan ini kita mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat dari Lubok Antu menyentuh bekalan elektrik ke rumah-rumah panjang di Sarawak. Projek tersebut telah dimulai tahun lalu dengan peruntukan \$2 juta. Terdapat lebih 100 buah rumah panjang diberi kelulusan di bawah peruntukan tersebut.

Pada tahun ini kita berharap dapat teruskan perkhidmatan seperti itu, jika keadaan mengizinkan. Tujuan kita yang utama, supaya semua rakyat walau di mana mereka berada dapat juga mengecap nikmat dan kemudahan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dalam maksud atau tujuan yang sama Kerajaan juga telah memberi kelulusan untuk memberi bekalan elektrik kepada peserta FELDA dan FELCRA iaitu skim FELDA dan FELCRA di luar Pembangunan Wilayah.

Bagaimanapun kita semua adalah sedar bahawa semua perkhidmatan akan terpaksa mengikut keadaan dan keupayaan dari masa ke semasa. Kita adalah sedar bahawa bukan semua perkara dapat dilakukan sekaligus, tetapi melalui peringkat demi peringkat.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah mengambil langkah dan tindakan sama seperti lain-lain Kementerian yang mana segala langkah dan tujuan itu memberi kemudahan yang selayaknya mengikut kemampuan dan keupayaan negara sesuai dengan hasrat besar membina masyarakat yang adil, mewah, selamat dan harmoni.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi jawapan.

4.36 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang

telah menunjukkan minat masing-masing dengan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian saya semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja 1980 yang bermula pada 18hb Mac yang lalu. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan sebaik mungkin mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Yang Berhormat wakil dari Sungai Petani ada mencadangkan supaya Kerajaan mempertimbangkan juga permohonan untuk mendapatkan rumah kos rendah daripada mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500 sebulan.

Walaupun Kementerian saya sedar bahawa kebanyakan mereka mempunyai pendapatan yang lebih daripada \$500 sebulan tidak mampu membeli rumah dari pemaju swasta dan amat bersimpati dengan mereka, tetapi Kementerian saya tidak boleh melonggarkan syarat yang telah ditetapkan untuk pemohon rumah awam kos rendah. Keperluan rumah untuk golongan yang berpendapatan rendah adalah lebih mendesak dan sekiranya diluluskan atas pemberian kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500 sebulan, sudah tentu peluang mereka yang berpendapatan kurang daripada itu untuk memiliki rumah akan menjadi tipis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat syarat pendapatan maksima ini adalah untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak pemohon-pemohon yang berpendapatan tidak lebih daripada \$700 sebulan adalah layak dipertimbangkan untuk rumah awam kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 21hb Mac, 1980 telah menggesa Kerajaan membanyakkan lagi rumah-rumah awam kos rendah bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu peruntukan projek-projek perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$652,885,563 bagi 73,506 unit rumah. Sehingga penghujung tahun 1978, sebanyak \$235,579,512 telah diluluskan yang melibatkan semuanya 27,697 unit rumah. Pada tahun 1979 pula sebanyak \$106,388,382 yang melibatkan 12,192 unit rumah telah diluluskan. Daripada bilangan unit yang terlibat ini sehingga 31hb Disember, 1979 jumlah unit rumah awam kos rendah yang

telah siap ialah lebih kurang 17,900 unit atau 25% dari matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. 50% lagi adalah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan di mana 17% (lebihkurang 12,000 unit) adalah di dalam peringkat awal pelaksanaan. Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan kerjasama yang rapat dengan agensi-agensi pelaksana untuk mempercepatkan proses pelaksanaan projek perumahan awam kos rendah supaya pembinaan unit rumah tersebut akan siap lebih awal lagi daripada yang dijangka. Kementerian saya menjangkakan bahawa kira-kira 70%-80% daripada rumah-rumah ini akan siap atau berada di peringkat pelaksanaan apabila tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tamat kelak.

Kementerian saya telah mengkaji kedudukan pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan telah mengesan enam masalah besar yang dihadapi dalam pelaksanaan program tersebut. Masalah-masalah itu ialah, kelambatan menentukan tapak projek, kelemahan perancangan, kelambatan mengemukakan projek-projek untuk dilaksanakan, kekurangan keupayaan untuk melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah, kekurangan tanah untuk rancangan perumahan awam kos rendah dan kos infrastruktur.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sememangnya bertujuan untuk memperbanyakkan dan mempercepatkan pelaksanaan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa keperluan rumah untuk rakyat yang berpendapatan rendah adalah sangat mendesak. Pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah akan dipercepatkan lagi. Langkah-langkah yang akan diambil ialah:

- (a) mengadakan peruntukan kewangan yang lebih besar supaya lebih banyak lagi rumah awam kos rendah dapat dibina di dalam Rancangan Malaysia Keempat;
- (b) memastikan supaya projek-projek itu dapat dimulakan sebaik sahaja Rancangan Malaysia Keempat dilancarkan. Kementerian saya telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menentukan dan memastikan tapak-tapak

projek daripada sekarang. Selepas penentuan tapak itu dibuat, kerja-kerja ukur akan terus dilaksanakan;

- (c) untuk melaksanakan projek-projek tersebut keupayaan agensi-agensi pelaksanaan akan dilipatgandakan, terutamanya organisasi Jabatan Perumahan Negara yang terletak di bawah Kementerian saya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat supaya Kementerian saya membuat kajian untuk mengurangkan harga jualan bagi rumah-rumah awam kos rendah, ingin saya memaklumkan bahawa Majlis Perunding Kebangsaan mengenai Perumahan di bawah Kementerian saya sedang mengkaji aspek pembinaan perumahan seperti keupayaan sektor pembinaan, bekalan bahan-bahan binaan, pelan tataatur dan pelan rumah, kegunaan teknologi baru dan sebagainya. Hasil kajian tersebut akan digunakan oleh Kementerian untuk menentukan had maksima kos pembinaan rumah awam yang akan menentukan harga jualannya kepada orang ramai. Seberapa yang boleh, Kementerian saya akan cuba mengurangkan harga jualan rumah-rumah kos rendah tetapi ini tertakluk kepada beberapa faktor yang masih lagi dalam kajian Kementerian saya.

Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan yang juga dianggotai oleh wakil-wakil badan professional akan mengkaji keperluan perumahan negara kita dan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memenuhi keperluan ini. Langkah-langkah tersebut akan juga merangkumi tindakan yang perlu diambil oleh pihak swasta untuk membina lebih banyak rumah yang diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa Kerajaan menubuhkan satu Lembaga Perumahan dan satu Unit Penyelidikan Perumahan Kebangsaan di Kementerian saya untuk merancang perumahan yang lebih baik. Saya ucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu. Penubuhan Lembaga Perumahan adalah tidak perlu. Seperti yang saya sebutkan tadi, Majlis Perunding Kebangsaan Mengenai Perumahan sedang mengkaji masalah-masalah perumahan untuk membantu Kementerian saya merancang strategi-strategi perumahan yang lebih berkesan. Kementerian saya juga sedang menubuhkan suatu Jabatan Penyelidikan Perumahan yang

akan menyelidik bahan-bahan bangunan, keupayaan perusahaan perumahan, sistem penyerahan rumah yang lebih baik dan berkesan dan lain-lain perkara yang berkaitan

Tuan Chan Teck Chan (*Bangun*)

Dato' Dr Neo Yee Pan: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan!

Dato' Dr Neo Yee Pan: Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang menggesa Kementerian mengadakan "Sekim Perumahan" di ladang-ladang besar untuk membantu pekerja-pekerja ladang mendapatkan rumah adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan mempunyai Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, di mana satu daripada golongan yang ditujukan adalah pekerja-pekerja ladang. Sekiranya pihak majikan ladang-ladang getah menyediakan tapak untuk perumahan pekerja-pekerja mereka, pekerja-pekerja tersebut boleh memohon pinjaman daripada skim ini.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu, ada mencadangkan supaya Kerajaan memperbanyakkan pembinaan rumah-rumah panjang di dalam satu-satu perkampungan yang boleh menyatukan rakyat. Dalam hal ini Kerajaan sememangnya bercadang untuk menambahkan lagi bilangan rumah-rumah panjang di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Bandar Sibu itu inginlah saya maklumkan bahawa perkara pengambilan alih Perkhidmatan Bomba di Negeri Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan adalah sedang dalam tindakan. Sungguhpun begitu proses pengambilalihan ini terpaksa memakan masa kerana ia harus diuruskan bersekali dengan perkara-perkara lain yang bersangkutan dalam ulangkaji Inter Government Committee (IGC). Jemaah Menteri telahpun meluluskan pada prinsipnya pengambilalihan ini dan telah mengarahkan supaya perkara pengambilalihan dibuat bersekali dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan ulangkaji Inter Government Committee (IGC). Barangkali Jabatan Perdana Menteri

(JPM) akan membawa bersama perkara yang bersangkutan dengan ulangkaji IGC ke Parli-
men dalam bulan Julai 1980 ini.

Tuan Yang di-Pertua saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan-pandangan/syor-syor yang membina di atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Kementerian saya. Mana-mana syor-syor dan pandangan yang saya tidak dapat jawab, saya akan ambil perhatian kesemuanya. Kesemua cadangan-cadangan itu akan diselidiki dan diambil oleh Kementerian saya. Saya juga berharap ulasan-ulasan yang saya berikan itu telah dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan penjelasan kerana saya kurang faham. Pertama, mengenai apakah ertinya rumah awam kos rendah.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini masa menjawab, bukan masa soal jawab.

Tuan Chan Teck Chan: Saya minta penjelasan di mana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nam-paknya Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberi peluang.

Tuan Chan Teck Chan: Apakah takut saya minta penjelasan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini bukan soal takut, cuma beliau tidak mahu beri jalan—itu sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Saya kurang faham

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu memberi jalan tutuplah cerita.

Tuan Chan Teck Chan: Itu tidak salah, mengapa takut

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tak usah lagi cerita banyak-banyak, sudahlah.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.52 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja 1980. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang dirasakan perlu dijelaskan dan lain-lain teguran dan cadangan yang dibangkitkan akan diambil perhatian untuk kajian dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling menuduh bahawa tidak adanya toleransi terhadap lain-lain agama oleh orang-orang Islam. Saya kira kenyataan ini adalah amat serius kerana ianya terlalu umum. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa tidak ada permusuhan antara golongan penganut ugama-ugama yang berlainan di dalam negara kita ini. Kejadian-kejadian seperti merosakkan tempat-tempat ibadat Hindu misalnya adalah kejadian-kejadian yang "localised" atau tertentu dan adalah kurang bijak bagi pihak-pihak yang bertanggungjawab melakukan perbuatan itu dianggap sebagai mewakili orang-orang Islam di Malaysia. Tindakan Undang-undang telahpun diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam kejadian sedemikian.

Saya juga tidak bersetuju dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu bahawa perpaduan di Malaysia semata-mata boleh diukur atau dipandang berdasarkan kepada keharmonian dan toleransi antara ugama sahaja. Perlu dinyatakan bahawa usaha ke arah perpaduan negara merupakan satu proses yang memakan masa panjang dan berlarutan, yakni tempoh dan tarikh pencapaian matlamatnya sukar hendak diramalkan. Selain daripada itu usaha menyatu-padukan masyarakat majmuk di negara ini hendaknya melibatkan semua lapisan dan corak hidup masyarakat baik dalam sektor awam maupun sektor swasta. Di dalam konteks ini juga saya menyeru Ahli-ahli dari parti Pembangkang khasnya Yang Berhormat itu sendiri supaya berhati-hati dan menghindarkan diri dari membuat kenyataan yang bersifat sensitif yang boleh menyentuh perasaan sesuatu kaum lain yang boleh membantut perpaduan rakyat. Sebagai wakil rakyat Yang Berhormat harus sedar

tugas untuk mewujudkan perpaduan adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat khasnya pemimpin-pemimpin.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu juga supaya ditubuhkan "Inter-Religious Council", adalah difikirkan belum sampai masanya untuk Kerajaan berbuat demikian. Lagipun pada masa sekarang, sudah terdapat badan-badan bukan Kerajaan yang telahpun mengambil berat dalam soal ini. Umpamanya, MIRO (Malaysia Inter-Religious Organisation) yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud adalah satu badan yang dianggotai oleh tokoh-tokoh ugama untuk mengadakan persefahaman di kalangan penganut-penganut ugama yang berlainan dan, dengan secara tidak langsung, memupuk perpaduan juga. Satu pengkajian di bawah "common values committee" juga sedang dijalankan dan diketuai oleh Yang Berhormat Dr Ling Liong Sik, Timbalan Menteri Penerangan, antaranya bertujuan memupuk perpaduan rakyat Malaysia. Usaha-usaha begini adalah lebih effective kerana ianya atas kehendak dan usaha rakyat itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu juga menuduh bahawa Lembaga Perpaduan Negara telah gagal di dalam tugas-tugasnya. Kenyataan ini adalah kurang tepat dan tidak berasas. Seperti yang telah saya nyatakan dalam Parlimen yang mulia ini pada tahun yang lepas bahawa Lembaga Perpaduan Negara telah dan sedang meningkatkan aktiviti-aktivitinya dan juga pada tahun 1980 Kerajaan telah memberi penambahan peruntukan belanjawan bagi aktiviti-aktiviti tersebut di dalam usaha memupuk perpaduan. Setakat ini, Kerajaan berpuashati dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Lembaga tersebut. Apa yang perlu ialah setiap rakyat hendaklah melibatkan diri dalam usaha-usaha perpaduan dan setiap persatuan dan badan politik juga haruslah mengambil bahagian cergas dalam usaha-usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pengambilan kakitangan ke perkhidmatan awam, peluang-peluang kenaikan pangkat dan soal gaji pegawai-pegawai Kerajaan, saya inginlah menjelaskan di sini bahawa asas pengambilan kakitangan Kerajaan adalah berdasarkan

kepada beberapa faktor antaranya ialah kelulusan, kelayakan, pengalaman dan kesesuaian calon itu sendiri. Prinsip dan amalan ini memang diakui oleh semua Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan dalam urusan pengambilan calon-calon ke perkhidmatan awam. Dalam pada itu Kerajaan juga berikhtiar untuk menseimbangkan pengambilan kaki-tangannya di semua peringkat.

Mengenai peluang-peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan, ianya adalah semata-mata berpandukan kepada merit, kebolehan dan pengalaman. Oleh itu soal bangsa, keturunan dan agama tidaklah menjadi asas dalam pertimbangan untuk kenaikan pangkat.

Berhubung dengan skim gaji pegawai-pegawai Kerajaan, seperti yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan sedang membuat kajian terhadap semakan gaji untuk pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam. Tindakan Kerajaan dalam perkara ini bergantung rapat dengan keupayaan negara kita sendiri di samping mengambil kira kepentingan rakyat keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul juga ada menyentuh mengenai kekurangan dan ketidakcekapan kakitangan Kerajaan yang merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan segala rancangan dan projek-projek Kerajaan. Saya kurang setuju dengan dakwaan ini kerana agensi-agensi Kerajaan telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan lebih dari yang diramalkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan sedang mengambil segala langkah bagi menentukan supaya masalah kekurangan kakitangan ini dapat diatasi. Untuk menentukan kecekapan pegawai dan kakitangannya pula adalah menjadi amalan Kerajaan di mana mereka yang cekap diberi ganjaran (reward) manakala yang tak cekap dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya. Selain daripada itu kursus-kursus sebelum dan selepas memasuki perkhidmatan juga ada diperkenalkan dan akan diteruskan. Kursus-kursus ini meliputi kursus dalam dan luar negeri.

Kerajaan juga adalah dalam proses memperbaiki perkhidmatan Kerajaan pada keseluruhannya. Sebagai langkah jangka panjang tanggungjawab tersebut diberikan kepada

Unit Pemodenan Tadbiran dan Tenaga Manusia. Di samping itu juga, Kerajaan sejak awal tahun ini telah menubuhkan pasukan-pasukan pelawat bagi mengawasi perjalanan pentadbiran di Jabatan-jabatan Kerajaan terutama sekali Jabatan-jabatan yang ada hubungan rapat dengan orangramai. Mengenai cadangan supaya ditubuhkan jawatankuasa penyiasat untuk mengkaji kelemahan jentera Kerajaan, ianya difikirkan tidaklah perlu lagi memandangkan sudah ada agensi-agensi Kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk memperbaiki mutu perkhidmatan Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga mengawasi prestasinya. Untuk menggalakkan mereka memberi perkhidmatan yang cemerlang, Kerajaan memberi dorongan dalam bentuk kenaikan pangkat, penganugerahan pingat-pingat dan sedang menimbangankan beberapa bentuk penghargaan dan tatacara pelaksanaan penghargaan-penghargaan itu untuk mereka yang memberi perkhidmatan yang cemerlang. Ingin saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang memuji, menghargai dan bersimpati usaha-usaha pegawai-pegawai Kerajaan. Tidak dapat dinafikan jika dibandingkan dengan perkhidmatan awam di negara-negara lain perkhidmatan awam negara ini amat membanggakan. Kerana negara ini membangun begitu pesat adalah menjadi azam Kerajaan meninggikan lagi mutu perkhidmatan awam kita.

Berhubung dengan bayaran elaun kepada pegawai-pegawai dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, Kerajaan telahpun mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/80 meluluskan bayaran dengan kadar-kadar baru meliputi pegawai-pegawai yang bertukar dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Pekeliling Perkhidmatan itu juga meluluskan bayaran elaun kepada pegawai-pegawai dari Negeri Sabah dan Sarawak yang ditukarkan ke Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu Pekeliling Perkhidmatan tersebut juga menetapkan lain-lain kemudahan yang boleh diluluskan dalam keadaan pertukaran dari satu Wilayah ke Wilayah lain di Malaysia.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul mengenai kelewatan penyediaan dan kelulusan projek-projek untuk sesuatu rancangan, ingin dijelaskan bahawa perkara ini

adalah tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Negeri, Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi yang menyediakan cadangan-cadangan (submission) dan agensi-agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang menilai dengan teliti sebelum diluluskan projek-projek yang dikemukakan itu. Kerajaan memangnya sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan ke arah mempercepatkan proses membuat keputusannya. Dalam konteks ini arahan-arahan telahpun dibuat supaya semua pihak yang berkenaan mengambil langkah awal untuk menyediakan cadangan-cadangan masing-masing sejak bulan Julai, 1979. Ini bermakna tindakan untuk pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah bermula kira-kira 18 bulan sebelum pelancarannya. Oleh itu dengan langkah-langkah ini Kerajaan adalah yakin bahawa Rancangan Malaysia Keempat akan dapat dilaksanakan menurut jadual.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pula mengesyorkan supaya diwujudkan Suruhanjaya Di Raja untuk mengkaji masalah masyarakat Luar Bandar untuk membasmi kemiskinan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar terutama petani-petani dan nelayan-nelayan yang juga merupakan sebahagian besar daripada golongan miskin. Sejak merdeka bermacam-macam program-program dan projek-projek pembangunan telah dijalankan dengan bertujuan untuk meninggalkan taraf hidup mereka. Seperti mana yang dimaklumkan, sistem perancangan pembangunan negara bukan sahaja memberi penekanan kepada kemajuan pembangunan fizikal, tetapi juga memberatkan kepada kesan-kesan (impact) yang diperolehi daripada pembangunan itu dari kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Kerajaan melalui agensi-agensinya telah dan sedang menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai kesan kemanusiaan dan kemasyarakatan daripada usaha-usaha pembangunan tersebut. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenarnya mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan miskin itu. Kesan-kesan ini dianalisa, disusul dan tindakan-tindakan yang sewajarnya dilakukan untuk

mengatasi masalah-masalah yang timbul. Bermacam-macam saluran juga disediakan oleh Kerajaan untuk membolehkan rakyat sendiri mengemukakan pendapat mereka. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi Kerajaan untuk melantik sebuah Suruhanjaya Di Raja seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya di sini menyentuh antara persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kerajaan tidak pernah menyekat pergerakan Dakwah Islamiah yang sebenarnya. Malahan Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia untuk menyusun tenaga badan-badan dakwah di tanahair dengan segala bantuan dan kemudahan yang mampu disediakan. Kerajaan hanya mengawal anasir-anasir yang tidak dingini dan tidak sehat daripada menyeludup masuk dan memperalatkan gerakan dakwah untuk kepentingan pihak-pihak yang tertentu. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah mengambil daya usaha yang wajar menggalakkan perkembangan agama Islam sebagai agama rasmi Negara.

Berhubung dengan persoalan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan mestilah memberi tafsiran yang sebenarnya kepada Islam, saya rasa tafsiran Islam yang sebenarnya sudah jelas kerana kita mempunyai Al-Quran dan hadis-hadis yang sahih. Kerajaan telahpun mengeluarkan "Pimpinan Ar-Rahman" kepada pengertian Al-Quran yang diterbitkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Selain daripada itu Kerajaan juga telah mula dan akan terus mengeluarkan siri hadis-hadis sahih sehingga selesai. Apa yang menjadi masalah ialah tafsiran Islam yang tidak benar disebarkan oleh golongan-golongan tertentu. Sebenarnya tindakan-tindakan yang diambil oleh golongan-golongan ini adalah bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam sebenarnya. Setengah daripada mereka sanggup mentafsirkan Al-Quran dan Hadis mengikut selera dan kemahuan sendiri. Kerajaan akan terus berusaha bagi meninggi dan menegakkan syiar Islam di Negara ini sejajar dengan kehendak dan ajaran yang sebenarnya. Kerajaan telahpun mempunyai badan-badan pakar dalam agama yang ditugaskan untuk kemajuan agama dan juga untuk mengawal dakwah-dakwah yang songsang. Dan adalah wajar

bagi Kerajaan mendengar pendapat-pendapat dan nasihat badan-badan ini dari menerima teguran-teguran dari orang perseorangan.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kerajaan memang sedar bahawa Cuti mingguan yang diamalkan sekarang ini adalah tidak seragam di antara beberapa buah negeri. Ingin saya terangkan cuti bagi tiap-tiap negeri adalah tanggungjawab negeri masing-masing. Walaupun demikian, Kerajaan akan berusaha mengkaji dan menimbangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahalah jawapan dan penjelasan yang dapat saya beri berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan Titah Ucapan Di Raja berkaitan dengan perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan menyokong dasar-dasar dan kegiatan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri saya ucapkan sebanyak terima kasih. Sekali lagi saya ulangi sebarang teguran dan komen-komen yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diselidiki dan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima”.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1978), 1980

Bacaan Kali Yang Kedua

5.10 ptt.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu “Rang Undang-

undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu” dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1978 yang berjumlah \$53,651,194. Keperluan bagi membentangkan Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1978 ini adalah berjumlah \$123,318,104 tetapi sebanyak \$53,651,194 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$69,666,910 lagi dari peruntukan tersebut merupakan perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Sebahagian besar dari Tambahan ini iaitu sebanyak \$48,005,810 adalah diperlukan oleh Kementerian Pelajaran untuk menambah peruntukan gaji kakitangan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah kerana mendapati peruntukan yang dibekalkan tidak mencukupi dan juga untuk membiayai lain-lain perbelanjaan. Dari jumlah tambahan \$3,488,350 yang dikehendaki oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, sebanyak \$1,948,190 adalah diperlukan di bawah peruntukan “emolumen” berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet manakala selainnya adalah untuk tambahan peruntukan bagi membiayai perkhidmatan-perkhidmatan lain. Kementerian Luar Negeri memerlukan tambahan sebanyak \$1,158,484 bagi menampung perbelanjaan mengenai pengurusan pentadbiran beberapa buah Kedutaan di Luar Negeri dan juga untuk membiayai perbelanjaan lawatan yang dibuat oleh Rombongan Majlis Persidangan Antarabangsa ke luar negeri. Selainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perbelanjaan perkhidmatan.

Keterangan lanjut mengenai Tambahan ini adalah seperti dihuraiakan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1980.

Dengan Tambahan sebanyak \$53,651,194 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah anggaran perbelanjaan Bekalan bagi tahun

1978 ialah \$6,611,519,166. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,924,224,276 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 ialah \$8,535,743,442.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1978

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama Menteri Kewangan:

“Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$30,845,769 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1978, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.”

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$30,845,769 adalah dikehendaki dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, 1978 sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1978, Tambahan Pertama dan Kedua, 1978 yang berjumlah \$5,394,883,653. Dengan cadangan tambahan ini, peruntukan pembangunan bagi tahun 1978 akan berjumlah \$5,425,729,422. Dari jumlah \$30,845,769 yang dimasukkan dalam Anggaran Tambahan ini, sebanyak \$29,058,523 adalah merupakan perbelanjaan pinjaman manakala selainnya sebanyak \$1,787,246 adalah perbelanjaan cara langsung.

Pembahagian tambahan peruntukan yang dicadangkan ini mengikut sektor pelaburan awam adalah seperti berikut:

Peruntukan sebanyak \$16.4 juta adalah diperlukan di bawah sektor Perhubungan sebagai menambah pinjaman kepada Jabatan Telekom untuk melaksanakan berbagai projek pembangunannya.

Di bawah sektor Kemudahan-kemudahan Awam, peruntukan tambahan sebanyak \$12.8 juta adalah dikehendaki. Dari peruntukan tambahan ini, sebanyak \$8.5 juta diperlukan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak untuk membiayai pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di Sarawak dan selainnya sebanyak \$4.3 juta adalah diperlukan sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk membiayai projek-projek bekalan air di Sibul dan Kuching.

Di bawah sektor Pentadbiran Am, peruntukan sebanyak \$1.8 juta adalah diperlukan. Tambahan peruntukan ini adalah untuk membiayai pembelian bangunan untuk dijadikan Canseri di Washington dan Paris dan juga untuk menampung perbelanjaan membaiki kediaman rasmi Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London, Bangkok dan Jakarta.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah

Majlis sekarang; kedua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.20 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong kedua-dua permohonan yang baru sekejap sahaja dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya ingin menyentuh dua tiga tajuk di dalam permohonan-permohonan yang telah digariskan sekejap tadi.

Pertama sekali di bawah Jabatan Perdana Menteri yakni penyelenggaraan jalan-jalan kampung di bawah butiran "Bantuan Kewangan".

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sangat menyedari betapa perlunya dan pentingnya jalan-jalan kampung sama ada jalan-jalan itu sesuai untuk dilalui oleh kereta-kereta ataupun hanya sesuai untuk dilalui oleh kenderaan-kenderaan yang lebih kecil di jalan tersebut yang tidak dapat diselenggarakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri masing-masing kerana sukatan lebar jalannya adalah di bawah sukatan yang sepatutnya mendapat penyelenggaraan daripada JKR. Jalan-jalan ini di kampung-kampung terutama sekali di dalam satu-satu kawasan jauh daripada bandar-bandar besar seperti kawasan saya Tanah Merah, Kelantan memang banyak dan saban tahun apabila musim hujan tiba maka terpaksalah selepas musim tersebut jalan-jalan tersebut terpaksa dibaiki, kerana kebanyakan jalan-jalan ini adalah semata-mata jalan tanah ataupun sekadar ditaburkan batu pasir sedikit sebanyak. Melalui Dewan ini, saya ingin mencadangkan supaya penyelenggaraan jalan-jalan kecil di kampung-kampung ini hendaklah difikirkan atau kita mulai tarkan jalan-jalan ini tanpa memperhitungkan sama ada jalan itu besar ataupun kecil, kerana kalau memandangkan daripada hakikat bahawa terpaksa jalan-jalan itu diperbaiki tahun demi tahun alangkah baiknya kalau kita baiki dengan mengtarkan jalan-jalan tersebut dan ini sekurang-kurangnya dapat tahan selama 4-5 tahun. Seterusnya saya dapati bahawa dalam masalah jalan-jalan di luar bandar ini tidak berkemampuan pihak Kerajaan Tempatan ataupun pihak Penguasa Tempatan untuk memperbaiki ke taraf yang

lebih baik daripada apa yang ada sekarang maka di dalam hal ini perlu sekali pihak Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perdana Menteri untuk membawa bantuan yang lebih supaya sampai ke matlamat yang saya maksudkan tadi, hendaknya tiap-tiap jalan kampung itu ditarkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya perkara ini bukanlah satu perkara yang baru kerana mengingatkan bahawa sejak beberapa tahun dahulu lagi jalan-jalan di dalam kawasan-kawasan Majlis Tempatan atau Kerajaan Tempatan walaupun tidak dapat ditarkan maka kebanyakan daripada jalan-jalan tersebut telahpun disimenkan. Jadi sesuai kalau adanya jalan-jalan yang dahulu disimenkan, kita tarkan terus jalan-jalan yang terdapat di luar bandar supaya hasil daripada hidup yang lebih mewah ini dapat dirasai sedikit sebanyak juga oleh saudara-saudara kita yang tinggal di luar bandar selain daripada yang dirasai oleh pihak saudara-saudara yang memang mengecapinya di dalam bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang kedua, yang hendak saya sentuh ialah mengenai peruntukan di bawah Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran nampaknya memohon satu peruntukan yang banyak

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya suka ingatkan ini adalah perperbincangan umum, nanti bila sampai kepada perbincangan dalam Jawatankuasa, itu boleh pergi kepada detail. Sila teruskan.

Tuan Hussein bin Mahmood. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beralih pula kepada Kementerian Pelajaran, saya ingin menyentuh bahawa oleh sebab pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah meminta satu jumlah kewangan yang besar bagi Kementerian Pelajaran, kalau tak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan peruntukan ini ada hubungan permohonan ini dengan keperluan sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran membuat satu perancangan supaya setiap sekolah yang masih

lagi belum ditukar atau diganti yang telah dibuat 10 atau 15 tahun dahulu ataupun yang telah didirikan sebelum merdeka, yang pada pendapat kita pada hari ini tidak dapat digunakan lagi sebagai sebuah tempat yang selesa untuk anak-anak kita bersekolah supaya bangunan-bangunan tersebut direncanakan, ditukar peringkat demi peringkat sehingga semua bangunan-bangunan tersebut hendaklah digantikan.

Aspek yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebarang perancangan baru hendaklah juga difikirkan bahawa mengenai perkembangan bilangan anak-anak yang memasuki sekolah tahun demi tahun, kerana kita dapati banyak sekolah tidak sampai dua tiga tahun selepas sekolah itu mulai diduduki maka mulai terasalah kekurangan ruang atau bilik darjah kepada sekolah-sekolah tersebut. Maka oleh hal yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di dalam perancangan-perancangan untuk masa hadapan bagi sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah supaya diberikan peruntukan, yang pertama tanah-tanah yang cukup untuk perkembangan atau pengembangan yang selanjutnya.

Yang keduanya, kalau pihak Kementerian Pelajaran khasnya Kerajaan mempunyai kewangan yang cukup, hendaklah disediakan bilik-bilik darjah yang melebihi kadar untuk sementara waktu supaya dapat digunakan dalam masa dua tiga tahun yang akan datang.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa bilik-bilik darjah tambahan ini buat sementara waktu walaupun tidak digunakan sebagai bilik darjah, akan tinggal kosong sahaja atau menjadi "rumah hantu" sahaja tetapi ianya boleh digunakan bagi gerakerja-gerakerja yang lain yang mana di sekolah-sekolah memang banyak memerlukan bilik-bilik darjah untuk gerakerja-gerakerja di luar bilik darjah sepertimana yang kita dapati pada hari ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung kemudian; saya hendak putuskan masalah Usul yang ditangguhkan tadi.

USUL

USUL PENANGGUHAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Hukuman Mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri—Rayuan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 18, Usul ini hendaklah diputuskan sebelum atau selewatnya 6.30 petang hari ini juga dan saya bercadang iaitu akan membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membawa Usul ini bercakap selama 15 minit; kemudian dua orang Ahli akan dibenarkan bercakap selama 10 minit, seorang daripadanya penyokong Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Selepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang menjawab selama 15 minit dan kemudian kalau ada hendak diambil kesempatan ini, saya beri peluang balik semula kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong selama 5 minit lagi untuk menjawab, kalau ada hujah-hujah baru daripadanya. Dan pukul 6.25, saya akan kemukakan bagi diputuskan. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.30 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kerana memberi saya satu peluang berbahas mengenai usul yang ada di depan kami sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang saya hendak bangkitkan menjadi usul yang maha penting. Keputusan kami dalam Dewan ini hari ini menjadi keputusan mustahak untuk keluarga-keluarga dan anak-anak orang-orang yang ada terlibat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada memberi penjelasan atas orang yang ada terlibat dalam tuduhan-tuduhan di bawah ISA yang ada dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) atau Essential (Security Cases) Regulations telah dikuatkuasakan kalau tidak silap saya pada bulan November, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya sudah bercakap dan sekarang juga saya bercakap peraturan-peraturan ini adalah undang-undang yang draconian, repressive yang bertentangan dengan Rule of Law.

Jikalau kami baca apa yang terkandung dalam peraturan-peraturan ini kami boleh lihat peraturan-peraturan ini bukan jadi undang-undang biasa. Kelmarin Yang Berhormat Menteri Undang-undang juga bersetuju iaitu bukan undang-undang biasa. Ini menjadi satu undang-undang yang ada berkuatakuasa dalam satu negara demokrasi seperti Malaysia tetapi tidak ada dalam negara-negara lain. Undang-undang ini tidak ada kira umur orang yang boleh dituduh di bawah ISA dan dibicarakan di bawah peraturan-peraturan ini. Ini menjadi satu perkara yang mendukacitakan dan memalukan kepada negara kami. Di bawah peraturan-peraturan ini perbicaraan boleh dijalankan dalam mahkamah tanpa kehadiran peguam dan orang yang dituduh. Ini jadi satu perkara hairan, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh dan di mana dalam negara demokrasi dalam dunia ini ada undang-undang macam ini?

Tuan Yang di-Pertua, bila peraturan-peraturan ini telah dikuatkuasakan dalam bulan November tahun 1975, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan sekarang jadi bekas Menteri Undang-undang ada memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini, beliau ada berkata di bawah peraturan-peraturan ini saya sendiri baca dengan teliti kes-kes yang dituduh di bawah ISA dan ada dibicarakan di bawah peraturan-peraturan ini. Tetapi dukacita Yang Berhormat Menteri Undang-undang tidak buat begitu oleh kerana dalam kes Lim Hiang Soh seorang budak yang dituduh di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dalam bulan Ogos tahun 1976, jikalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri memberitahu kepada orang ramai (public) ia tidak baca kertas-kertas yang ada terlibat dalam kes itu. Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada berkata ia tidak tahu, apa yang sudah jadi ini? Tidak mengapa kami tentu membuat satu rayuan barangkali di depan Lembaga Pengampunan—boleh ampun. Budak itu sudah diampun, itu satu perkara yang baik oleh kerana budak itu di masa ia dituduh di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang umur dia kurang 14 tahun. Dalam perbicaraan umur 14 tahun jadi satu umur yang kecil kerana

budak umur 14 tahun tidak boleh berfikir, tidak ada fikiran dalam kepalanya. Ini jadi satu kesalahan besar. Boleh jadi budak itu sudah digunakan oleh orang-orang yang jahat, tetapi apa yang saya mahu tanya kenapa budak itu dituduh di bawah ISA? Di bawah ISA ada satu hukuman sahaja iaitu hukuman mati. Kenapa budak itu tidak terlibat dalam apa-apa subversion dan tidak membuat apa-apa kesalahan lain dan juga tanpa memiliki senjata dan peluru.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali selepas saya sudah habis berucap dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Undang-undang boleh memberi penjelasan mengapa budak ini dituduh di bawah ISA? Negara kami menjadi sebuah negara yang mendapat nama buruk dilihat oleh kacamata negara-negara lain dalam dunia ini.

Lagi satu kes ialah kes Teh Cheng Poh, itupun menjadi satu kes di mana tidak ada apa-apa subversion dan tanpa memiliki senjata. Dalam kes itu saya menjadi peguam Teh Cheng Poh. Dalam keterangan yang diberi oleh Pendakwa Raya, pegawai siasatan dalam mahkamah memberi keterangan dalam kes ini tidak ada subversion, itu semua ada dalam kertas-kertas siasatan dan tentu ada dilihat oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kes Teh Cheng Poh ada dibawa ke London. Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan)—Essential (Security Cases) Regulations tidak sah. Itu keputusan Majlis Privy di London. Betul, peraturan-peraturan itu sudah sah sekarang oleh kerana dalam bulan Januari tahun 1979 Dewan ini sudah luluskan Emergency (Essential Powers) Act, 1979, tetapi apa yang kami tidak boleh lupa ialah orang-orang yang ada terlibat dalam kes-kes ISA dan dikenakan hukuman di bawah ISA bila Majlis Privy sudah memberi keputusan Peraturan-peraturan Perlu itu tidak sah, itu sudah jadi satu kesalahan Kerajaan. Saya kata salah oleh kerana masa itu semua orang-orang yang dikenakan hukuman mati boleh berhak untuk menuntut daripada Kerajaan oleh kerana beliau kena hukum gantung di bawah undang-undang yang tidak sah. Itu bukan kesilapan orang-orang yang kena tuduh dan orang-orang yang kena gantung di bawah undang-undang itu tetapi menjadi satu kesalahan besar Kerajaan. Jikalau kes itu tidak pergi ke London apa jadi? Tentu apa yang

diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan akan menjadi satu undang-undang atau satu keputusan yang tentu diterima oleh orang-ramai tetapi itu menjadi satu keputusan yang tidak sah. Nasib baik kes itu dirujuk ke Majlis Privy. Jikalau tidak, undang-undang yang tidak sah tentu orang ingat adalah sah. Itu jadi satu faktor yang tentu kami mesti timbangkan bila rayuan-rayuan dari mangsa-mangsa ISA ada dihadapkan kepada Pardons Board.

Tuan Speaker, baru-baru ini pada 14 hari-bulan yang lalu 3 orang telah digantung di Penjara Pudu pada pukul 6.00 pagi. Pada 21 haribulan 2 orang lagi sudah digantung—jumlahnya 5 orang. Ada lagi 5 orang dan apa yang saya ketahui pada hari Jumaat ini barangkali 3 orang lagi akan digantung. Tetapi apa yang terjadi pada 21 haribulan yang lalu—seorang tidak digantung oleh kerana ada kesilapan dalam kertas-kertas siasatan. Oleh kerana itu orang itu tidak digantung dan kertas-kertas kes ini sudah dihantar balik kepada Mahkamah Tinggi.

Tuan Speaker, boleh jadi ada kesilapan dalam kes itu. Boleh jadi Menteri Undang-undang membuat kesilapan bila menggunakan kuasa di bawah Artikel 145 (3). Dengan izin, Tuan Speaker, jikalau saya boleh baca dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Karpal Singh:

“On independence, the Federal Constitution came into force and Clause (3) of Article 145, as amended, provides . . .”—

Tuan Speaker, saya baca ini dari kes Long bin Samad and others vs The Public Prosecutor. Kes ini ada diputus dalam tahun 1974.

“The Attorney-General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Syariah Court or a native court or a court-martial.

in our view . . .” “In our view” di sini ialah “view” Mahkamah Persekutuan.

“In our view, this Clause, from the supreme law, clearly gives the Attorney-General very wide discretion over the

control and direction of all criminal prosecutions. Not only may he institute and conduct any proceedings for an offence, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted. Any court cannot compel him to institute any criminal proceedings which he does not wish to institute or to go on with any criminal proceedings which he has decided to discontinue. Still less, then, would the courts have power to compel him to enhance a charge when he is content to go on with a charge of a less serious nature.”—Ini mustahak, Tuan Speaker.

“Anyone who is dissatisfied with the Attorney-General’s decision not to prosecute or not to go on with a prosecution, or his decision to prefer a charge of a less serious offence when there is evidence of a more serious offence which should be tried in a higher court, should seek his remedy elsewhere but not in the courts.”

Tuan Speaker, itu jadi keputusan Mahkamah Persekutuan jikalau tidak puas hati atas budi bicara oleh Peguam Negara, forum itu bukan mahkamah tetapi forum lain. Forum itu ialah Parlimen. Dalam Parlimen Menteri Undang-undang (Peguam Negara) boleh disoal oleh kerana Parlimen adalah satu body yang meluluskan undang-undang. Oleh kerana itu saya harap apabila saya sudah habis bercakap, Menteri Undang-undang boleh memberi penjelasan atas kes-kes di mana tidak ada apa-apa subversion menuduh orang-orang itu di bawah Akta ISA dan peraturan-peraturan ini.

Tuan Speaker, perkara ini boleh jadi merbahaya. Saya beri satu contoh; jikalau kami, jikalau Yang Berhormat Menteri Undang-undang (Peguam Negara) menggunakan kuasa di bawah Artikel 145 (3) beri keputusan untuk dibicarakan di bawah ISA, jikalau memiliki senjata-pun dibicarakan, sama ada menggunakan senjata-pun atau tidak, itu tidak kira—jikalau ada dalam poket terus dihukum mati; ada subversion atau tidak, tidak kira. Itu menjadi satu perkara mutlak . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana anggota-anggota polis sekarang tentu boleh menjadi mangsa orang-orang ini. Jika saya pun ada memiliki sepucuk pistol, polis berkas saya—saya pun manusia, tentu saya mahu jaga diri

oleh kerana dalam fikiran saya, saya tahu jikalau saya kena tangkap dan ada pistol dalam poket saya, saya pun akan dihukum gantung. Ini jadi survival instinct. Jikalau kami ada jalan lain, ada undang-undang lain, di bawah Arms Act pun boleh dituduh orang-orang yang memiliki senjata dan ada lagi undang-undang iaitu The Firearms (Increased) Penalties Act. Internal Security Act (ISA) tidak boleh digunakan ke atas orang-orang yang merompak, orang-orang yang ada memiliki senjata.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling.

5.46 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Jelutong dan saya sangat sukacita bahawa kali ini kami ada satu peluang untuk mengadakan satu perbincangan di bawah Fasal 18 Peraturan Majlis Mesyuarat, iaitu kali yang kedua dalam sejarah Parlimen di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang di hadapan kita adalah satu masalah yang sangat mustahak dan kita pun tidak mahu cadangan kita disalahfahamkan atau distorted. Apa yang kita cuba kemukakan ialah satu isu di mana pentadbiran justice mesti ditempered with mercy di mana kita tidak mengatakan bahawa orang-orang yang didapati bersalah di dalam mahkamah adalah tidak bersalah. Tetapi khasnya untuk mereka yang tidak bersabit dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan kekerasan bahawa hukuman mati dan execution adalah satu langkah yang tidak sesuai untuk satu masyarakat yang civilised yang ada dalam Malaysia dan kita percaya bahawa semua rakyat tidak kira kaum, agama dan pendirian boleh menghargai iaitu mereka yang tidak bersabit dengan kekerasan, Lembaga Pengampunan boleh menggunakan prerogative of mercy mereka untuk commute hukuman mereka kepada life imprisonment.

Inipun satu punishment yang sangat berat dan saya haraplah bahawa tidak ada sesiapa dalam Dewan ini atau di luar Dewan ini yang akan melemparkan tuduhan bahawa kita

mahu membela sesiapa oleh kerana saya rasa kalau tiap-tiap minggu kita adakan execution, mengadakan satu orgy of execution, saya rasa perkara semacam ini adalah tidak sihat kepada generasi-generasi yang muda oleh kerana fibre mereka, sensitivity mereka akan dikeraskan dan nilai nyawa akan menjadi murah.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab peri kemanusiaan bukan sahaja bagi pihak keluarga-keluarga 53 orang yang menjadi orang yang dicondemn tetapi bagi orang Malaysia yang ada decency kita berharap bahawa pihak Kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun seorang anggota dalam Lembaga Pengampunan, boleh menggunakan jasa baiknya supaya pertama ada satu stay of execution. Kedua membolehkan mereka yang terlibat diberi satu peluang lagi untuk merayu satu commutation daripada hukuman mati kepada life imprisonment ditimbang dan dibenarkan dan inipun satu perkara yang baik untuk jiwa (soul) Malaysia bukan sahaja untuk nama baik Malaysia di bidang dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa dua minggu yang lalu setiap Jumaat ada penggantungan (execution) 5 orang. Sungguhpun kita dapat tahu daripada Menteri yang berkenaan ada 10 orang yang rayuan (petition) mereka ditolak, tetapi untuk 53 keluarga, kepada 53 orang yang sudah dicondemn yang tidak ada lagi jalan undang-undang melainkan satu jalan sahaja kepada Lembaga Pengampunan, mereka tidak tahu siapa kena tolak dan siapa belum ditolak dan kalau apa yang berlaku di minggu-minggu yang lalu keluarga yang terlibat berhubung dengan pihak berkenaan sehari sebelum dijalankan execution, tentulah kesemua 53 keluarga ini boleh dikatakan sangat panic kerana tidak tahu sama ada saudara mara mereka akan digantung tiga hari lagi. Kita semua boleh ingat dalam tahun 1968 ada 13 orang condemned yang terlibat dengan Indonesian confrontation akan digantung tetapi oleh kerana ada seruan, rayuan orang ramai masa itu Kerajaan ada response dan commute a death sentence mereka kepada life imprisonment dan kalau saya tidak salah mereka semua sudah bebas sekarang. Apa yang berlaku pada masa itu adakah commutation masa itu membahayakan negara kita? Tidak!

Sebaliknya, saya rasa itu satu perkara yang baik untuk jiwa, untuk masyarakat kita oleh kerana bukan bagi setiap offence masyarakat kita mesti menuntut (demand) supreme penalty bagi jiwa seseorang dan dengan itu perkara ini bukan perkara Kerajaan kuat atau lemah, tetapi sama ada kita boleh menggunakan prerogative of mercy dan humanitarianism supaya ada satu differentiation dalam kes-kes berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya berharap sebelum hari Jumaat ada satu stay of execution. Ini boleh dikatakan satu seruan (appeal) dari kalangan orangramai. Saya rasa sebagai satu pemerintahan yang menghormati kehendak-kehendak orangramai bukan sahaja melalui election lima tahun sekali tetapi dari kehendak-kehendak yang kita boleh dapat tahu. Saya rasa pihak Kerajaan patut menghormati, respond dan menyatakan:

- (1) stay of execution untuk semua orang supaya orgy of execution yang ada berhenti (stop);
- (2) membenarkan mereka satu peluang untuk merayu supaya commutation boleh ditukar daripada death sentence kepada life imprisonment.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya minta Yang Berhormat menjawab, saya benarkan seorang lagi. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.54 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menentang sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh wakil dari Jelutong yang lebih mementingkan dirinya sebagai seorang peguam dan cuba hendak membela anak buahnya yang merupakan anasir yang tidak dikehendaki di dalam negara ini. Dalam menentukan keadilan dan kedaulatan undang-undang di dalam negara ini Kerajaan hendaklah bertindak tegas dan tidak takut-takut melaksanakan hukuman yang ditentukan oleh mahkamah ini. Ketegasan Kerajaan melaksanakan hukuman tanpa memilih bulu dan golongan adalah menunjukkan penghormatan Kerajaan terhadap keadilan dan keputusan mahkamah dan juga menunjukkan keberanian Kerajaan menghadapi apa sahaja kemungkinan yang timbul demi menegakkan keadilan sejati, keselamatan negara dan juga keselamatan

rakyat. Dan sebaliknya ketidaktegasan Kerajaan dalam melaksanakan hukuman ini membuktikan kepada mata rakyat dan negara luar seluruhnya betapa lemahnya pelaksanaan undang-undang dan juga Kerajaan yang memerintah dalam negara ini.

Oleh itu sekali lagi saya tegaskan pihak Kerajaan jangan bertolak ansur dan ragu-ragu dalam melaksanakan keputusan mahkamah supaya membuktikan keadilan hukuman yang diputuskan oleh mahkamah itu.

Tuan Yang di-Pertua, bertolak ansur dan campur tangan daripada luar terhadap keputusan mahkamah membuktikan mereka tidak menghormati keputusan mahkamah. Oleh itu saya mensifatkan golongan yang membela golongan kecil yang telah terbukti kesalahan dan perosak kepada rakyat dan negara ini adalah sebagai golongan yang suka hendak mencari atau memikirkan keburukan, kehancuran atau kekacauan dalam negara ini untuk dieksploitasi bagi kepentingan politik mereka dan juga golongan mereka yang menghabiskan modal itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut melihat wakil dari Baling, Setiausaha Agung PAS telah menyokong DAP dalam usul yang boleh meringan daripada hukuman gantung kepada penjahat, puak-puak subversif, golongan penderhaka dan juga ajen-ajen komunis yang boleh disahkan

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti! Ini berkenaan dengan apa?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Penjelasan atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan! Hendak beri jalan atau tidak?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan? Duduk!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Disahkan kesalahan dan penglibatan mereka bagi merosakkan ketenteraman awam dan kehancuran dalam negara ini.

Jadi mengapa PAS menyokong usul ini iaitu menyokong DAP? Dengan ini nyata dan terang sekali PAS telah memberi sokongan perbuatan mereka, kegiatan jahat mereka, pro komunis mereka yang boleh menjahanamkan negara ini. Sokongan PAS kepada DAP dalam soal lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan pro komunis itu minta tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya tarik balik. Sokongan kepada golongan jahat yang hendak menghancurkan negara ini. Saya tukar perkataan itu. Sokongan PAS kepada DAP dalam soal lain boleh dimaafkan kerana dasar Pembangkang memang begitu. Tetapi sokongan PAS dalam soal ini menggambarkan sokongan mereka terhadap anasir jahat yang boleh merosakkan agama, bangsa dan tanahair. Tetapi malangnya telah disokong oleh sebuah parti yang mendakwakan Parti Islam. (*Tepuk*) Lebih menghairankan saya ialah kawasan Baling merupakan tempat bergeraknya komunis. Sepatutnya wakil tersebut membenci kegiatan komunis dan menyokong hukuman gantung dikenakan kepada penjahat negara ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini orang Melayu telah membuka mata melihat tingkah laku mereka yang akan menyokong dan membuat apa sahaja untuk menghancurkan orang Melayu dan juga UMNO. Kalau di Afghanistan golongan yang keciwa dan bankrap di dalam politik dan tidak terdaya mendapat kuasa melalui lunas-lunas yang disokong oleh rakyat maka tidak berkemungkinan PAS akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan sokongan bagi menghancurkan UMNO, agama, bangsa dan tanahair. Dengan melihat golongan tersebut telah menjual dan mengeksploitasikan serta memperalatkan agama Islam yang maha suci iu untuk kepentingan politik mereka sebab itulah mereka menyokong DAP.

Nampaknya wakil dari Jelutong ini hendak mempersoalkan keputusan mahkamah dan mempersoalkan keadilan hukuman dan bagaimana keputusan yang bijak dilakukan oleh para Hakim. Dengan bertopengkan berpersi kemanusiaan konon, seolah-olah para Hakim dan Kerajaan tidak berpersi kemanusiaan. Tetapi wakil dari Jelutong dan DAP seluruhnya termasuk PAS juga sedar bahawa mereka yang dihukum mati ini tidak terlintas di hati mereka tentang persi kemanusiaan terhadap

mangsa semasa mereka melakukan atau akan melakukan jenayah. Tahukah mereka bagaimana Ketua Polis Perak telah ditembak, Ketua Polis Negara ditembak, bom-bom dilemparkan kepada pegawai-pegawai keselamatan dan pegawai-pegawai polis serta merosakkan harta benda awam dan ramai lagi mangsa-mangsa tembak ini berpunca dari sebutir peluru dan sepucuk pistol haram. Tahukah mereka bagaimana azabnya dan sedihnya titisan air mata keluarga dan anak isteri mereka yang menjadi mangsa kepada penjenayah itu? (*Tepuk*) Dan berpersi kemanusiaanah mereka ini semasa mereka melakukan itu semua? Tetapi mereka melakukan kekejaman dan keganasan tanpa berfikir panjang, tanpa mempersoalkan apa itu perisi kemanusiaan ataupun hukuman yang akan mereka terima.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya wakil dari Jelutong ini membawa perisi kemanusiaan kepada golongan yang tidak berperisi kemanusiaan! (*Tepuk*) Golongan yang selamalamanya tidak akan insaf dan sedar diri kepada apa yang mereka lakukan. Sepatutnya wakil tersebut mencurahkan perasaan berperisi kemanusiaan itu kepada mangsa dari penjenayah ini. (*Tepuk*) Serta meletak dan melahirkan perasaan berperisi kemanusiaan yang tidak kena pada tempat membuktikan tujuan dan niat yang tidak baik golongan yang membela bagi kepentingan mereka dan golongan mereka yang menyetujui perasaan yang sama dengan penjenayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes yang telah dilakukan ini telah diproses dan telah dijalankan mengikut undang-undang sehingga ke Mahkamah Persekutuan. Cuma kuasa tertinggi badan pengampunan sahaja yang dapat meluluskan ini. Tetapi saya percaya keputusan yang dibuat dan dipertimbangkan dari segala aspek supaya pesalah ini tidak digantung tetapi akhirnya badan pengampunan dan pihak yang berkenaan berpuas hati yang hukuman gantung itu adalah sesuai sekali kepada mereka yang terlibat ini dan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini merupakan Akta yang sesuai sekali untuk menjaga dan menghukumkan mereka yang mengancam keselamatan negara dan menggugat ketenteraman awam dalam negara ini dan terbukti kesalahan mereka ini adalah sebenar-benarnya melakukan kesalahan dan boleh menjahanamkan ketenteraman negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kedua-dua wakil iaitu daripada PAS dan juga wakil daripada DAP ini takut kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ini merupakan fikiran mereka ini memandangkan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri ini kepada arah yang negatif, ke arah kejahatan, ke arah yang tidak baik tetapi mereka tidak pandang Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ke arah yang positif, ke arah yang boleh memberi kebaikan kepada rakyat, ke arah yang boleh membela kepada berjuta-juta rakyat yang ada di dalam negara ini. Oleh itu saya dengan sekeras-kerasnya menentang usul yang dibawa oleh wakil dari Jelutong tersebut. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

6.05 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya jawapan seorang Ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan memudahkan sedikit jawapan saya atas usul yang dibawa ini. Banyak perkara-perkara yang panas-panas sepatutnya saya bangkitkan telah ditimbulkannya. Walau bagaimanapun, saya fikir ada baiknya juga usul seperti ini dibawa ke Dewan yang mulia ini supaya kita semua dan rakyat jelata dapat tahu lebih mendalam dalam perkara-perkara yang selalu dibangkitkan dan diungkit-ungkit oleh pihak lawan.

Pertamanya, saya hendak menjawab berkenaan dengan Undang-undang Peratur-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu lupa mengapa Undang-undang ini diluluskan dalam tahun 1975, kerana kita tahu bagaimana ganasnya ejen-ejen komunis pada masa itu—melemparkan bom kepada pihak polis yang telah berbaris di Jalan Pekeliling; berapa yang bergelimpang di situ. Bila kita pergi ke hospital, macam tempat sembelih. Dan berapa ramai pula yang cedera dan mati. Dan kita teringat lagi macam mana Ketua Polis Negara kita ditembak dan bagaimana juga Ketua Polis Perak dan berapa banyak pula khususnya daripada kaum Cina yang kehilangan

ahli-ahli Special Branch; Kopral, Sarjan yang ditembak sana sini; yang ada pula tersalah tembak, dan berbagai-bagai keganasan seperti itu. Perkara yang semacam itu kalau kita dapat tahu pun orang yang menembak dan dibawa bicara, tidak siapa pun berani memberi keterangan di Mahkamah dan kalau berani sudah tentu habis keluarganya akan dikerjakan oleh pengganas. Saya tahu kerana saya berpengalaman lama dalam perkara ini.

Jadi di sinilah jikalau dibiarkan perkara ini bermaharajalela apa akan jadi kepada keselamatan negara? Apa yang akan difikirkan oleh pihak polis dan lain-lain pasukan keselamatan kalau mereka itu dibunuh dengan cara itu dan tidak dapat dibawa kepada keadilan kerana ini melibatkan ketakutan rakyat jelata hendak memberi keterangan di mahkamah. Dengan sebab itulah kita luluskan undang-undang itu. Dengan adanya undang-undang itulah, Tuan Yang di-Pertua, hingga sekarang ini kita nampak bagaimana aman dan sejahteranya tanahair kita. Undang-undang itu bukan selalu digunakan. Tetapi sekarang tidak boleh ditarik balik walaupun didesak oleh pihak Pembangkang. Dengan sebab itu, ayuh (*Tepuk*) demi menjaga keamanan negara, kerana dengan adanya Undang-undang inilah rakyat jelata dapat hidup di samping kestabilan politik dan barulah ekonomi kita membangun dan barulah Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang sekalipun hidup sentosa sebagaimana kita semua (*Tepuk*). Jadi perkara itu sepatutnya tidak dibangkitkan lagi.

Jadi perkara kedua yang dibangkitkan ialah perkara mengenangkan katanya 53 keluarga yang tinggal itu. Saya menambah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di sini kita ingat, tidakkah mereka itu teringat keluarga-keluarga IGP, CPO dan lain-lain yang telah meninggal itu dengan anak-pinak dan berapa lagi yang ada pada masa ini tidak dapat berjalan, yang sudah dipotong kaki dan lain-lain, menderita. Adakah orang-orang yang digantung itu yang telah menjalankan perkara ini patut diampun juga?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah lama menjadi Peguam Negara—12 tahun lamanya semenjak tahun 1965 hingga 1977; 12 tahun

pengalaman saya! Sebagai Peguam Negara mengikut Article 42 (9) di dalam Perlembagaan:

(*Dengan izin*)

“Before tendering their advice on any matter a Pardons Board shall consider any written opinion which the Attorney-General may have delivered thereon.”

Ini bermakna selama 12 tahun saya menjadi Peguam Negara, tiap-tiap kali orang itu hendak digantung adalah tanggungjawab saya meneliti seberapa yang boleh atas tiap-tiap kes itu bagaimana caranya kalau boleh saya menyelamatkan orang itu supaya jangan digantung. Cari kalau ada sebab-sebab. Kerana saya bertanggungjawab sebagai orang Islam di dunia dan akhirat kepada rakyat jelata dan negara. Ini tanggungan berat yang saya pikul 12 tahun lamanya. Entah berapa ribu yang saya dapat selamatkan, daripada yang patut dihukum gantung selama 12 tahun. Ini kebanyakannya lupa tanggungjawab seorang Peguam Negara yang begitu berat kerana pendapat Peguam Negara itu diambil kira oleh Pardons Board. Ini bermakna tanggungjawab yang amat berat yang saya pikul. Adakah saya suka setiap hari membaca akhbar berita orang digantung? Macam mana badan hendak gemuk, Tuan Yang di-Pertua, kalau begini keadaannya? (*Ketawa*). Ini tanggungjawab saya kadangkadangkang tangisan keluar, sebagai seorang manusia. Oleh sebab itu janganlah dituduh sebagai Peguam Negara itu menjalankan budi bicara dengan sesuka hatinya. Ini nyawa. Sebagai orang Islam tanggungjawab bukan di dunia sahaja tetapi di akhirat kelak akan disoal dan ditanya (*Tepuk*). Saya mengucapkan syukur kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengalihkan saya daripada tempat yang begini berat, kemudian memangku pula lagi (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan yang disebut-sebutkan tadi budak yang dibicara berumur 14 tahun. Saya telah menyatakan, betul saya berjanji tiap-tiap perkara saya bertanggungjawab meneliti sama ada kes itu dibawa di bawah ISA ataupun di bawah undang-undang yang biasa supaya dihukum jel dan tidak digantung, itu tanggungjawab saya. Tetapi dalam satu kes ini

dengan tidak ketahuan saya Timbalan Pendakwa Raya telah membawa tuduhan di bawah kes itu dan saya tahu walaupun pegawai saya, saya bertanggungjawab—mengaku minta maaf dan saya akan cari jalan dan memberi jaminan yang budak ini tidak akan digantung. Itu satu kesilapan, satu keikhlasan hati yang menyatakan saya tidak membohong iaitu apa yang kita tahu berkenaan benda yang berlaku, kita ceritakan dengan ikhlas hati. Ini sudah saya terangkan dalam suratkhbar, dibangkit-bangkitkan lagi hal itu. Kalau ada kesalahan saya, boleh dibawa motion of no confidence dalam Dewan ini dan boleh dibuang saya, itu tidak jadi benda kepada saya. Kerana seperti katanya tadi budi bicara Peguam Negara tidak boleh dipersoalkan di mana juga pun melainkan Majlis yang mulia ini sahaja boleh menghakimkan saya sama ada masih mempunyai kepercayaan lagi atau tidak. Kedua, yang amat mustahak juga ialah sama ada Yang Amat Berhormat masih percaya kepada saya atau tidak, bila-bila masa beliau boleh melucutkan jawatan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang didapati memiliki senjata secara haram dalam kawasan keselamatan, dia boleh dituduh sama ada di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 atau Akta Senjata 1960. Di bawah Undang-undang yang mana satu orang itu patut dituduh adalah menurut Perkara 145 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan terpujanglah kepada budibicara Peguam Negara. Keputusan Peguam Negara tentang perkara ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah undang-undang, perkara ini telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan. Di sinilah budibicara Peguam Negara itu boleh dibicarakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun beratus-ratus yang boleh ditangkap kerana mempunyai senjata tetapi daripada bilangan itu tidak ada satu pertiga, tidak berapa peratus yang kita timbang yang dituduh di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri. Itu kita tahu. Kita baca akhbar tiap-tiap hari dan tiap-tiap bulan berapa banyak orang yang dituduh kena jel 3-6 tahun kerana merompak, berapa orangkah yang dituduh di bawah Akta ini? Maknanya perkara itu kita selidik betul-betul.

Dalam perkara 53 orang yang telah dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) beratus-ratus orang yang mempunyai pistol tidak dibicarakan di bawah Akta itu. Ini tidak bermakna sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kalau ada pistol boleh dituduh. Tetapi kita mesti ingat kadang-kadang ada yang membawa pistol, satu pistol itulah yang menembak IGP. Satu pistol itulah yang menembak CPO. Tetapi baharu-baharu ini pula ada seorang muda membawa satu biji bom pergi hendak merompak, tiba-tiba bom itu jatuh, kita tahu dia hendak merompak walaupun dia bawa bom tangan, kita tidak tuduh dia di bawah ISA. Ini kita tahu tujuannya iaitu tiap-tiap kes itu kita sudah siasat dan ada rekodnya pada polis sama ada dia kena-mengena atau ada connection berkenaan dengan komunis dan lain-lain. Ini kita cari. Dan tiap-tiap perkara ini tidak boleh kita terangkan kepada siapa pun, ini tanggungjawab Peguam Negara. Itu tanggungjawab saya. Tidak mustahak tiap-tiap kes itu saya hendak ceritakan bagaimana connectionnya dengan orang dalam—dengan penganas, siapa ejennya, siapa mengadukannya, betul atau tidak. Saya yang menyiasat sendiri supaya saya puas hati. Kemudian kes itu dibawa pula bicara di Mahkamah Tinggi, di bawah Pardons Board, selepas itu ada pula tiga empat lagi menelitinya tiap-tiap satu kes itu.

Walaupun Peguam Negara itu diberi budi-bicara mutlak yang demikian di bawah Perlembagaan, namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, mengikut kelaziman—biasanya Peguam Negara menjalankan budibicara itu selepas meneliti secara mendalam kertas-kertas penyiasatan yang berkaitan berhubungan dengan kes itu termasuklah maklumat yang diberi oleh pihak polis berkenaan dengan watak dan latarbelakang orang-orang yang dituduh dan setelah diperbincangkan atas perkara itu, jika faktor-faktor itu melahirkan bahawa orang yang dituduh adalah terlibat secara langsung dalam kegiatan subversif Peguam Negara akan mengarahkan supaya dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan jika didapati orang yang dituduh itu tidak terlibat secara langsung tetapi ada hubungannya secara tidak langsung dengan anasir-anasir subversif iaitu mereka mempunyai rekod jenayah yang sangat buruk yang melibatkan jenayah, keganasan dengan menggunakan senjata api termasuk menyeludup senjata api dari luar negeri ke negeri kita beliau

juga akan mengarahkan supaya orang itu dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Sebabnya keputusan sedemikian itu dibuat ialah kerana orang-orang yang mempunyai rekod jenayah yang sedemikian buruk itu mestilah digolongkan sebagai anasir-anasir subversif kerana jika mereka terus tinggal di negara kita ini bagi maksud melakukan jenayah keganasan yang dirancang maka mereka merupakan ancaman terhadap ketenteraman dan kesentosaan awam dan akan membahayakan nyawa dan tubuh badan orang-orang yang tidak bersalah dalam negara kita. Keadaan-keadaan dalam mana keselamatan-keselamatan itu dilakukan ada juga menjadi faktor yang berkaitan bagi diambil pertimbangan. Dalam kes-kes yang lain Peguam Negara biasanya mengarahkan supaya orang-orang yang dituduh itu dipertuduh sama ada di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) atau Akta Senjata bergantung kepada betapa beratnya kes itu. Itu terpulanglah kepada Peguam Negara.

Statistik adalah menunjukkan bahawa dari seramai lebih daripada 150 orang yang ditangkap setakat ini kerana memiliki senjata secara haram masa itu hanya 75 orang sahaja dari mereka itu telah dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, manakala yang lain pada masa itu telah dipertuduh di bawah Akta yang kurang berat hukumannya. Berhubung dengan 75 orang yang dituduh di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri semasa saya menjadi Peguam Negara ada di antara mereka itu yang telah terlibat secara langsung dalam kegiatan subversif dan lain-lainnya adalah penjenayah liat yang mempunyai rekod jenayah yang sangat buruk. Saya tidak hendak sebutkan namanya yang melibatkan jenayah keganasan dan menggunakan senjata api. Beliau perlu diambil perhatian bahawa cuma memiliki senjata api pada ketika tertentu yang membawa kepada tertangkapnya orang yang dituduh itu tidaklah menjadi ukuran atau sebab tunggal yang dituduh itu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata dan jelas dalam statistik dan dari apa yang dikatakan tadi bahawa adalah tidak benar mengatakan bahawa Peguam Negara telah menjalankan kuasanya dengan sewajarnya dan sewenang-wenangnya, jauh

sekali menjadi seorang dictator bahkan beliau belum pernah—tidak pernah dan sama sekali tidak akan menjadi sebegitu, tidak ada niat menjadi dictator semasa menjalankan budibicara yang sedemikian itu. Sebagaimana saya sebutkan tadi sebagai seorang Islam saya akan bertanggungjawab di akhirat kelak walaupun orang yang kena itu bukan Islam.

53 orang, Tuan Yang di-Pertua, **banduan** yang telah dijatuhkan hukuman mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 35 orang daripada mereka itu telah memohon pengampunan. Dan dari bilangan ini 14 permohonan telah diselesaikan, 10 telah ditolak dan 4 telah diringankan hukuman mereka menjadi penjara seumur hidup atau yang lebih ringan lagi macam budak yang saya sebutkan tadi. 4 kes telah diringankan ini termasuklah kes-kes yang telah disyorkan oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan kepada Lembaga Pengampunan untuk diampunkan. Ini menunjukkan walaupun 14 itupun, 4 telah kita ampunkan dengan hukuman lebih ringan dan yang 10 itu telah dikaji dan dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi dan telah diulang bicara pula di Mahkamah Persekutuan. Hakim-hakim semuanya pun tidak ada memberi sedikit pun pandangan untuk menyokong supaya mereka itu diberi timbangan lain.

Bermakna jalankalah, mereka puashati juga. Saya pun sudah teliti sebagai Peguam Negara, kemudian bawa pula kepada Lembaga Pengampunan dan Lembaga Pengampunan itu dianggotai 5 orang termasuk Yang di-Pertuan Agung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, dua baris lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak memberi peluang kepada pencadang. Satu minit boleh!

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ya. Oleh itu dalam masa kita mengatakan kedaulatan undang-undang yang menjadi salah satu daripada prinsip-prinsip Rukunegara kita, kita menghadapi kecaman-kecaman yang serius, sama ada dalam negeri atau luar negeri kita yang tidak seharusnya merasa bimbang oleh kerana keselamatan negara kita dan pengkalan cara hidup kita adalah menjadi keinginan kita yang utama.

Apa orang lain kata di luar negeri, tidak kita halkan dalam perkara itu, yang penting negara kita (*Tepuk*).

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata dalam negeri ini memandangkan wakil-wakilnya dalam Dewan ini sama ada memberi keputusan yang muktamad atau tidak, sama ada mereka tegas atau tidak, kerana mereka tahu atas keputusan ini sama ada negeri kita pada masa akan datang keamanan dan kesejahteraan itu akan terjamin atau tidak. Maka saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menolak usul yang dibawa oleh pihak Pembangkang (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong ada 5 minit untuk menggulung.

Tuan Karpal Singh: 10 minit, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, fasal saya hendak kemukakan sebelum itu.

Tuan Karpal Singh: Baik, terima kasih. Tuan Speaker, baru-baru ini Wakil dari Pasir Puteh nampaknya jadi satu musuh bila ada tuduhan baginya. Saya mahu memberitahu dalam Dewan ini bahawa saya bukan bercakap dalam Dewan ini sebagai seorang peguam tetapi saya bercakap sebagai seorang Wakil Rakyat, ini suara Wakil Rakyat, suara orangramai.

Tuan Speaker, apa yang mustahak ialah kami tentu melihat perkara ini di segi kemanusiaan. Parti PAS dalam perkara ini, saya ingat jadi satu parti yang bertanggungjawab oleh kerana ini bukan perkara politik, ini jadi satu perkara kepentingan orangramai.

Tuan Speaker, parti PAS dan parti DAP bukan ada satu campuran seperti Barisan Nasional tetapi jikalau ada isu seperti isu ini, tentu kami jadi satu parti yang bertanggungjawab dan jikalau kena sokong, kena sokong. Ini satu tanda baik dalam parti PAS.

Tuan Speaker, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengakui beliau ada silap dalam kes budak 14 tahun. Itu jadi satu kesilapan yang beliau ada terima dalam Dewan yang mulia ini. Boleh jadi dalam menggunakan budibicara, ada kesilapan lain, kami semua manusia boleh silap. Jikalau ada kesilapan ini jadi perkara hukum mati, oleh kerana itu apa yang kami dari sini merayu kepada Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan ini lihat perkara ini dari arah kemanusiaan (*human angle*).

Tuan Speaker, dalam kes-kes yang sudah selesai, saya tahu ada satu kes di mana Mahkamah Persekutuan pun ada rekomen mercy tetapi kes itu yang jadi mangsa ialah Lee Hong Tay. Saya diberitahu oleh peguam yang ada terlibat dalam kes itu. Dalam kes itu tidak ada subversion. Mahkamah Persekutuan pun ada buat rayuan dalam keputusan tetapi nampaknya Lembaga Pengampunan tidak terima rayuan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan.

Tuan Speaker, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Undang-undang ada bercakap, beliau sudah jadi Peguam Negara lebih kurang 12 tahun, jadi saya hairan sekarang tidak jadi Peguam Negara. Apa yang mustahak ialah tidak diadakan diskriminasi dalam perkara ini. Ada banyak kes jikalau kami lihat kes itu ada diskriminasi, orang-ramai pun ada bertanya. Kelmarin di office saya satu orang ada bertanya Komando Mokhtar ada senjatapi, merompak, dia kena 10 tahun; lagi sayang, tidak merompak, tidak ada buat apa-apa lain, ada pistol juga, oleh kerana apa orang itu kena gantung?

Tuan Speaker, jikalau ini ada dalam fikiran orang-ramai, jikalau soal-soal seperti itu ada timbul, ini boleh jadi satu hal merbahaya. Oleh kerana itu kami merayu kepada Peguam Negara membaca dengan teliti semula kes-kes yang belum selesai lagi.

Apa yang kami tahu, Tuan Speaker, 14 kes sudah diselesaikan dan ada beberapa lagi kes. Bila kes-kes ini dibawa kepada Lembaga Pengampunan, Peguam Negara tentu beri recommendation di mana tidak ada apa-apa faktor subversion atau violence. Kami tidak boleh adakan undang-undang di mana orang yang tidak ada terlibat dalam political subversion dituduh di bawah ISA. ISA jadi satu undang-undang yang tidak boleh digunakan dalam perkara-perkara semacam itu. Itu bukan tujuan, Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah lebih pun masa sedikit tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan bagi diputuskan perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di bawah Fasal 18, Peraturan Mesyuarat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1978)

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1978)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini bersidang semula membahaskan Belanjawan (Tambahan) ini, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah sedang bercakap saya tahan Yang Berhormat itu dari bercakap, sekarang boleh teruskan. Dan Dewan akan ditangguhkan pada pukul 7.28 malam bagi menggantikan kehilangan masa untuk membahaskan soal di bawah Peraturan Mesyuarat 18 tadi. Sila teruskan.

6.29 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh pada petang ini iaitu mengenai Kementerian Luar Negeri.

Saya ingin mencadangkan supaya di dalam Kementerian Luar Negeri mengadakan lawatan-lawatan keluar negeri, maka hendaklah ditentukan supaya di dalam pasukan-pasukan yang hendak dihantar keluar negeri itu terdiri daripada golongan-golongan yang boleh menentukan bahawa penerangan-penerangan yang sesuai, penerangan-penerangan yang betul dan menasabah hendaklah dimasukkan supaya segala dakyah-dakyah yang telah dibawa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang disebar-kan di luar-luar negeri sama ada oleh rakyat Malaysia sendiri ataupun orang-orang yang tidak menjadi rakyat Malaysia dapat diperbetulkan oleh pasukan-pasukan yang dihantar oleh pihak Kementerian Luar Negeri tersebut.

Di samping itu, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya jumlah rombongan atau lawatan-lawatan keluar negeri yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini hendaklah diperbanyakkan kerana kita dapati masih lagi pada hari ini berita-berita mengenai negara ini, perkara-perkara mengenai negara ini tidak lagi meluas diketahui di seluruh dunia oleh sebab negara kita ini adalah sebuah negara yang kecil danuduknya di antara kuasa-kuasa besar yakni negara-negara besar maka

sudah tentu kadang-kadang berita-berita ataupun gambaran terhadap negara kita ini dieclipsekan oleh berita-berita atau maklumat-maklumat daripada negara-negara lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya kita hendaklah memperbanyakkan lagi duta-duta atau perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, seboleh-bolehnya setiap negara yang kita mempunyai hubungan diplomatik hendaklah kita letakkan seorang Duta penuh ataupun hendaklah kita letakkan Pesuruhjaya Tinggi sepenuhnya. Janganlah lagi kita melantik seorang Pesuruhjaya Tinggi atau seorang Duta untuk dua atau tiga negeri, sepatutnya kita meletakkan seorang Duta ataupun seorang Pesuruhjaya Tinggi bagi tiap-tiap buah negeri kerana di dalam dunia yang serba kompleks dan complicated hari ini tidak mungkin seseorang Pesuruhjaya Tinggi atau seseorang Duta dapat merangkumi ataupun dapat berjaya memberi maklumat-maklumat atau menangkis sebarang maklumat-maklumat yang negatif terhadap pesara ini kalau sekiranya seseorang Duta ataupun seseorang Pesuruhjaya Tinggi itu diberi tugas untuk dua atau tiga buah negara.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada itu, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, patut juga jumlah pegawai-pegawai di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ini ditambah kerana kita dapati kadang-kadang untuk menghadapi kecaman-kecaman daripada rakyat kita yang berada di luar negeri yang tidak bertanggungjawab pun kadang-kadang terpaksa dikirim pasukan-pasukan daripada tanahair sendiri kerana mungkin pasukan-pasukan yang tetap yang menjadi pegawai-pegawai tetap di kedutaan-kedutaan kita di seberang laut mungkin tidak mencukupi.

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Luar Negeri hendaklah menjadikan sebagai suatu dasar yang tetap untuk menemui rakyat-rakyat Malaysia yang berada di tempat-tempat yang berkenaan misalnya sekali dalam masa enam bulan mengambil sempena perayaan-perayaan yang tertentu. Hakikat ini lebih penting lagi kalau sekiranya dituju khas kepada penuntut-penuntut kita yang berada di luar negeri.

Penuntut-penuntut kita di luar negeri sering kita dengar bahawa mereka ini selalu sahaja mendapat bahan-bahan yang tidak betul mengenai negara ini. Mereka telah diberi dakyah yang tidak betul, maklumat-maklumat yang salah mengenai negara dan pentadbiran negara ini. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya penuntut-penuntut ini hendaklah menjadi suatu sasaran yang utama bagi penerangan-penerangan yang dianjurkan oleh kedutaan-kedutaan ataupun Pejabat Suruhanjaya Tinggi kita di seberang laut, kerana kalau sekiranya penuntut-penuntut yang berada di seberang laut ini diracuni fikiran mereka apatah lagi setelah mereka mendapat maklumat-maklumat yang agak sesuai bagi negara-negara lain yang diadukan dengan maklumat-maklumat yang salah yang diterima mengenai negara kita sudah tentu mereka akan membuat rumusan yang tidak betul terhadap negara ini. Apabila penuntut-penuntut tersebut kembali ke tanahair maka sudah barang tentu mereka ini akan menjadi satu golongan yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan-keadaan yang wujud dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita membelanjakan wang yang begitu besar untuk mengirimkan mereka ini ke seberang laut sama ada dalam bentuk biasiswa atau sebagainya. Maka sudah tentu setiap rakyat negara ini mengharapkan kembalinya penuntut-penuntut tersebut ke negara pada suatu hari nanti mereka ini akan dapat berkhidmat kepada negara dengan sepenuh tenaga dan minat mereka. Dengan hal yang demikian, saya mengharapkan supaya dibuat satu rencana atau rancangan tetap supaya sekurang-kurangnya penuntut-penuntut ini didedahkan dengan maklumat-maklumat yang sebenar, hendaklah sentiasa diwujudkan dailog bukan sahaja enam bulan sekali sepertimana yang saya sebutkan tadi dengan masyarakat ataupun warganegara kita yang berada di luar negeri, tetapi kalau boleh hendaklah sentiasa diadakan. Umpamanya, apabila sesuatu perkara berlaku timbul di negara ini maka hendaklah diadakan dailog dengan penuntut-penuntut tersebut, sekurang-kurangnya untuk menyampaikan maklumat yang benar dan betul kepada mereka itu.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila berlakunya peristiwa 23hb Januari pada tahun 1980 di Alor Setar, Kedah maka adalah menjadi kewajipan kepada pihak kedutaan-kedutaan ataupun Pesuruhjaya

Tinggi kita di luar negeri untuk memberitahu dengan betul kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri apakah sebenarnya yang terdapat pada 23hb Januari, 1980 di Alor Setar dan siapakah golongan-golongan yang bertanggungjawab dan apakah yang sebenarnya yang terdapat di belakang peristiwa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak Kerajaan melalui kedutaan-kedutaan atau Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi ini tidak menyampaikan maklumat dengan serta merta mungkin penuntut-penuntut ataupun mungkin sudah ada mereka setakat hari ini mendapat maklumat-maklumat yang salah mengenai peristiwa-peristiwa yang tersebut.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, terdapatnya penuntut-penuntut kita yang dikirimkan ke luar negeri, yang dikirim ke seberang laut untuk menuntut di sana, mereka ini bernasib baik kerana wujudnya Dasar Ekonomi Baru tetapi selepas mereka meninggalkan negara ini, selepas mereka menjejak kaki di bumi asing maka mereka pula menghentam Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya membolehkan mereka itu melanjutkan pelajaran di seberang laut. Jadi, saya berharap supaya mereka ini diberi maklumat yang sepuuh-penuhnya mengenai segala perkara yang berlaku di negara ini supaya mereka dapat maklumat yang benar. Dengan cara demikian, saya tidak bercadang supaya kita mengindoctrinate mereka ini supaya menyokong Kerajaan, jauh daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sesuai dengan tugas Kementerian ataupun pihak kedutaan kita di luar negeri kita hanya sekadar memberitahu mereka maklumat yang betul, keadaan yang sebenarnya wujud sama ada mereka hendak menyokong Kerajaan ataupun sama ada mereka hendak menentang Kerajaan, ini adalah mengikut proses demokrasi yang dialami dan dianuti oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pertanian yakni mengenai Jabatan Parit dan Taliair. Melalui Jabatan ini saya dapati banyak kerja-kerja kecil yang dapat dilaksanakan terutama sekali di luar-luar bandar.

Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja kecil yang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk mengairkan sawah-sawah yang kecil ataupun untuk mengeringkan tanah-tanah yang rendah yang tidak

begitu luas yang mana selepas itu dapat dijadikan tanah sawah ataupun tanah untuk dijadikan tempat bertanam. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kerja-kerja yang dijalankan itu sepatutnya dijalankan oleh pihak orang-orang kampung atau orang-orang kampung sendiri diberi secara kontrak. Saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini dapat dijalankan oleh orang-orang kampung sendiri, maka sudah tentu yang pertama sekali mereka dapat menjalankan kerja-kerja tersebut bukan yang paling terbaik, tetapi paling memuaskan kerana mereka menyediakan projek sama ada taliair atau parit adalah untuk faedah diri mereka sendiri.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu hasil daripada kerja-kerja yang mereka buat itu selain daripada akhirnya akan dapat menguntungkan diri mereka sendiri, maka dalam segi upahan itu juga dapat mengalir ke poket mereka sendiri dan tidak kepada pihak yang lain. Saya mintalah supaya pihak Kementerian Pertanian menjadikan satu dasar supaya kerja-kerja yang agak kecil yang boleh dilaksanakan sendiri di peringkat kampung, maka hendaklah kerja-kerja itu dijalankan oleh orang-orang kampung sama ada dengan secara gotong-royong atau sebagainya, kerana kita di peringkat kampung-kampung mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang boleh mengendali dan mengawasi sesuatu projek Kerajaan di peringkat kampung masing-masing sepertimana, Tuan Yang di-Pertua, yang terdapat dalam projek Rancangan Pemulihan Kampung.

Saya hendak menyentuh juga perkara ini kerana kadang-kadang oleh sebab pihak Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian atau Jabatan Parit dan Taliair memberi tender atau quotation ataupun memberi tawaran kepada pihak kontraktor atau pemborong, maka hasil akhirnya kepada projek yang dilaksanakan sudah tentu tidak sebanyak mana sebagaimana yang dapat dibuat sendiri oleh orang-orang tempatan kerana mereka ini, kontraktor-kontraktor yang saya maksudkan, selain mereka hendak menjalankan kerja dengan memuaskan dan sebagai satu jambatan kemudian untuk mendapatkan kontrak yang selanjutnya sudah tentu sebahagian yang tertentu akan menjadi keuntungan kepada mereka, maka sudah tentu hasil keseluruhan projek yang dijalankan secara

kontrak di kampung-kampung itu tidak sebanyak mana yang dapat dijalankan oleh pihak orang-orang kampung sendiri. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya perkara yang saya telah sentuh satu-dua perkara tadi mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan usul sekejap tadi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

6.44 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan saya ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dan Usul Pembangunan 1980 seperti yang sedang dibentangkan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Kita telah membaca dalam suratkhbar bahawa berbagai-bagai aktiviti penyeludupan sedang dijalankan di seluruh negara kita ini sehingga beribu-ribu ringgit telah terhilang sebagai cukai negara. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan seperti begini adalah sangat merugikan negara kita dan saya bimbang bahawa jika sekiranya ini berlaku, mungkin satu hari khazanah negara kita terbecor dan mengakibatkan suatu keadaan yang tidak sihat kepada tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, sukalah saya mencadangkan bahawa Kerajaan mengadakan suatu cara atau teknik yang modern dan saintifik supaya kita dapat mengatasi masalah penyeludupan yang semakin hari semakin bertambah sehinggakan kedudukan kewangan kita mungkin terancam. Salah satu alat yang berkesan sekali ialah mengadakan kenderaan yang cepat dan cekap seperti helicopter dan sebagainya untuk melawan penyeludup-penyeludup di merata-rata negeri kita. Dengan ini saya bercadang supaya pihak Kastam membeli secukup-cukupnya kenderaan seperti saya katakan tadi supaya aktiviti-aktiviti penyeludupan dapat dibasmi daripada bumi negara kita ini. Untuk makluman Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Polis sekarang ada Yunit Helicopternya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana terkandung dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, satu jumlah peruntukan juga diperlu untuk membiayai

perkhidmatan-perkhidmatan Kastam seperti menghantar pegawai-pegawai kastam untuk mengikuti kursus-kursus di seberang laut. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan atas program ini sebagai satu langkah untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan dan kecekapan pegawai-pegawai kastam kita. Memandangkan bahawa Jabatan Kastam kita perlu di-besarkan selaras dengan perkembangan di sektor perusahaan swasta, saya bercadang supaya pihak kastam dapat membuat rancangan untuk mengadakan pusat latihan kastam di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Pusat Latihan Kastam ini boleh menawarkan latihan yang saintifik dan moden supaya pegawai-pegawai kastam kita dapat mencegah sebarang kegiatan-kegiatan yang boleh mengancamkan ekonomi negara. Saya berharap Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dapat menimbangkan cadangan saya ini dengan seriusnya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

6.47 ptg.

Tuan Yang Choong Fu (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan saya ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1980 dan Usul Pembangunan Tambahan 1980 seperti yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian pihak Pelajaran bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di seluruh negara kita adalah buruk dan berbahaya kepada murid-murid yang belajar di dalamnya. Manakala separuh memerlukan perkembangan dan penambahan perlengkapan seperti bangku sekolah dan lain-lain.

Saya suka mengambil peluang ini untuk merayu kepada pihak Pelajaran supaya peruntukan yang cukup disediakan bagi memperbaiki dan memperluaskan sekolah-sekolah yang memerlukannya.

Ada kalanya sekolah-sekolah yang memerlukan peruntukan bagi maksud ini terpaksa mencari wang dengan apa carapun seperti merayu syarikat-syarikat, orang-orang individu dan sebagainya untuk menderma kepada

projek perkembangan sekolah seperti yang saya katakan tadi. Cara ini adalah leceh dan wang-wang yang dikutipkan tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelajaran untuk anak-anak kita adalah amat penting dan mereka adalah tulang belakang negara kita pada masa yang akan datang.

Oleh yang demikian, saya mengambil peluang ini untuk merayu kepada pihak Pelajaran supaya peruntukan yang cukup disediakan untuk maksud yang suci dan murni ini supaya anak-anak kita dapat menuntut pelajaran dalam keadaan yang menggalakkan dan terjamin.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.50 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1978 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1978.

Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah telah menyentuh tentang jalan-jalan di kampung supaya ditarkan. Untuk makluman Yang Berhormat satu Jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji kemungkinan menaikkan taraf jalan-jalan kampung kepada tar di bawah Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Jabatan Kastam. Saya mengucapkan terima kasih ke atas cadangan-cadangan yang membangun yang telah dikemukakan oleh beliau. Tentang latihan supaya meninggikan lagi mutu perkhidmatan dan kecakapan pegawai-pegawai kastam. Kementerian saya sedar akan keperluan untuk mengadakan Maktab Latihan Kastam sebagai satu langkah untuk menawarkan latihan-latihan dan kursus-kursus yang moden dan saintifik kepada pegawai-pegawai kastam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan kita memang mempunyai satu institut latihan untuk pegawai-pegawai kastam kita, akan tetapi dengan perkembangan ekonomi yang pesat dan perkembangan di dalam Jabatan Kastam, institut ini yang terletak di Melaka adalah didapati tidak mencukupi. Oleh yang demikian, Kementerian saya bercadang untuk menubuhkan satu lagi Maktab Latihan untuk pegawai-pegawai kastam.

Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tanah untuk Maktab Kastam yang saya sebutkan ini telahpun diperolehi. Maktab Kastam ini yang akan didirikan di Johor Bahru bukan sahaja akan menawarkan kursus-kursus dalam latihan-latihan bagi pegawai-pegawai kastam kita bahkan juga kepada pegawai-pegawai kastam daripada rantau ASEAN dan Asia Tenggara, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja akan terus menghantarkan pegawai-pegawai kastam kita kepada negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat, Australia dan Belgium untuk mengikuti kursus lanjutan. Ini adalah untuk menyelaraskan perkembangan Jabatan Kastam kita dengan Jabatan-jabatan Kastam di negara-negara yang maju.

Menyentuh tentang kegiatan-kegiatan penyeludupan pula suka saya menegaskan bahawa sebagai perbandingan jumlah kes untuk tahun 1979 telah dikurangkan kepada 563 daripada 596 kes untuk tahun 1978. Sungguhpun denda yang dikenakan untuk tahun 1979 adalah sebanyak \$4,863,987 dibandingkan dengan \$2,588,657 ini adalah kerana tarif dan harga barangan telah berubah. Di sini saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sebagai perbandingan kes-kes penyeludupan telahpun dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa teguran dan cadangan telah juga dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang lain akan saya sampaikan kepada rakan-rakan saya dalam Kerajaan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan yang membina dan hujah-hujah yang tidak sempat saya mengulas akan diambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$30,845,769 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1978, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 tahun 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 5 dan B. 6 (Jadual).

Maksud P. 8 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978).

6.55 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1978 berjumlah \$126,560 bagi Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual, dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1978 berjumlah \$10 diluluskan.

Di bawah Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1978, tambahan peruntukan yang dikehendaki adalah untuk pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Jumlah peruntukan tambahan dan Jabatan yang memerlukannya adalah seperti di bawah ini:

Maksud B. 5 ... Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak \$125,250 dan

Maksud B. 6 ... Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi sebanyak \$1,310

MAKSUD P. 8—JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralih kepada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1978, di mana Jabatan Perdana Menteri memerlukan tambahan tanda (token) \$10. Ini adalah perlu bagi membolehkan harga butiran (projek) 23 (i)—Bantuan Kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membiayai penyelenggaraan jalan-jalan kampung dipinda daripada \$4,125,000 kepada \$4,377,944. Tambahan peruntukan sebenar yang diperlukan akan diperolehi secara pindah—peruntukan daripada butiran (projek) lain.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1978 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) Tahun 1978 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Kepala B. 5 sebanyak \$125,250, B. 6 sebanyak \$1,310 dan Kepala Pembangunan (P) 8 sebanyak \$4,377,944 di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan maka masalahnya bahawa wang sejumlah \$126,560 untuk Kepala B. 5 dan B. 6 dan sebanyak \$4,377,944 di bawah Kepala Pembangunan P. 8 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$125,250 untuk Maksud B. 5 dan \$1,310 untuk Maksud B. 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 8 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Kementerian Perusahaan Utama.

Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978).

7.00 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan tanda sebanyak \$10 bagi meminda anggaran harga Butiran (Projek) 65 Maksud P. 23 daripada \$200,000 kepada \$202,492 diluluskan.

Projek berkenaan iaitu Penyiasatan Kaji Punca Air Bumi telah pada mulanya dibekalkan dengan peruntukan sebanyak \$70,000. Sebanyak \$130,000 telah kemudiannya diluluskan sebagai peruntukan tambahan dalam Anggaran Tambahan Pertama, 1978 menjadikan jumlahnya \$200,000. Bagaimanapun jumlah sebenar yang diperlukan bagi projek ini ialah \$202,492 iaitu \$2,492 lebih daripada peruntukan yang ada. Kelebihan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga alat-alat kelengkapan perlu yang telah tidak dijangkakan dan bakinya sebanyak \$2,492 ini boleh diperolehi secara pindah peruntukan daripada Butiran (Projek) lain di bawah kawalan Kementerian ini. Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah dikehendaki bagi meminda anggaran harga projek ini.

Tuan Pengerusi, saya memohon supaya satu peruntukan tanda sebanyak \$10 diluluskan dan seterusnya meminda anggaran harga projek ini daripada \$200,000 kepada \$202,492.

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan P. 23 bagi Kementerian Perusahaan Utama sebanyak \$10 terbuka untuk dibahaskan. Oleh kerana tiada perbahasan, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 di bawah Maksud P. 23 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1978 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 23 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Saya jemput pula pihak Kementerian Pertanian.

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978).

7.04 mlm.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya ingin mengusulkan supaya peruntukan di bawah Maksud P. 24—Kementerian Pertanian disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Penjelasan telahpun diberikan di dalam Kertas Perintah 11 tahun 1980.

Tuan Pengerusi: Maksud P. 24 di bawah Kementerian Pertanian berjumlah sebanyak \$30 terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tiada bahasan, maka masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 di bawah Maksud P. 24 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1978 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Kementerian Pertahanan.

Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978).

7.05 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Pengerusi, saya mohon mengusulkan supaya Maksud Perbelanjaan Pembangunan P. 28 bagi Kementerian Pertahanan disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1978. Penjelasan bagi perbelanjaan ini telahpun dinyatakan dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1980.

Tuan Pengerusi: Maksud Pembangunan P. 28 berjumlah sebanyak \$20 di bawah Kementerian Pertahanan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tiada perbincangan, maka masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 di bawah Maksud P. 28 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No. 3), 1978 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P. 28 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Kementerian Luar Negeri.

Maksud B. 31 (Jadual).

Maksud P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978).

7.08 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Pengerusi, dengan hormatnya saya mohon izin daripada Dewan yang mulia ini untuk dipertimbangkan dan meluluskan peruntukan tambahan ketiga di bawah Maksud B. 31 Belanja Mengurus sebanyak \$1,158,484 dan di bawah maksud P. 31 Belanja Pembangunan sebanyak \$1,787,156 bagi Kementerian saya mengikut Jadual yang ada di dalam Kertas Perintah 9 Tahun 1980 dan Kertas Perintah 11 Tahun 1980.

Tuan Pengerusi: Maksud B. 31 iaitu di bawah Kementerian Luar Negeri berjumlah \$1,158,484 dan Maksud Pembangunan P. 31 berjumlah \$1,787,156 terbuka untuk dibahaskan.

Oleh kerana tidak ada perbincangan, maka masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,158,484 untuk Maksud B. 31 menjadi sebahagian daripada Jadual dan perbelanjaan \$1,787,156 di bawah Kepala P. 31 Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No. 3), 1978 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,158,484 untuk Maksud B. 31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,787,156 untuk

Maksud P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Maksud B. 35 (Jadual).

7.10 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1978 untuk Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, di bawah Portfolio Kementerian Kewangan yang berjumlah sebanyak \$3,488,350 dan saya mencadangkan supaya peruntukan ini diluluskan.

Maksud B. 35—Kastam dan Eksais Di Raja

Di bawah maksud Bekalan 35 ini peruntukan tambahan yang diperlukan adalah sebanyak \$3,488,350. Daripada peruntukan ini sejumlah \$1,948,190 adalah diperlukan di bawah peruntukan "emolument" berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Sejumlah \$501,139 di bawah Pecahan Kepala 2100 adalah diperlukan bagi menampung kelebihan perbelanjaan dalam tahun 1978 kerana menjelaskan tuntutan-tuntutan perjalanan bagi Pegawai-pegawai Kanan yang menghadiri beberapa kursus di seberang laut seperti di U.S. Customs Narcotics Detector Programme, Kursus Mesin Komputer di Australia, Customs Cooperation Council di Brussels. Juga lawatan ke stesyen-stesyen mengenai dengan tugas-tugas rasmi untuk kepentingan perkhidmatan serta perbelanjaan pertukaran pegawai-pegawai dari satu stesyen ke satu stesyen yang lain. Tambahan sebanyak \$264,292 dikehendaki di bawah Pecahan Kepala 2700 kerana pertambahan perbelanjaan telah berlaku dengan banyaknya akibat dari kenaikan harga minyak kenderaan. Ini termasuk untuk kegunaan bot-bot laju, lancilanci supaya perkhidmatan dalam Bahagian Pencegah boleh berjalan dengan baik, licin dan cemerlang. Bagi Pecahan Kepala 2800 tambahan sejumlah \$179,893 adalah diperlukan bagi penyelenggaraan bot-bot laju dan motor lanci serta membaiki rumah-rumah dan Pejabat-pejabat Kastam. Sebanyak \$23,827 di bawah Pecahan Kepala 4100 adalah diperlukan untuk membayar tunggakan yuran tahunan International Customs Tariff Bureau bagi tempoh 1hb April, 1975 hingga 31hb Mac, 1978. Sejumlah \$571,009 pula adalah diperlukan oleh Jabatan Kastam

bagi lain-lain perbelanjaan mengurus seperti untuk perkhidmatan percetakan, sewaan, utiliti, bayaran-bayaran tunggakan dan lain-lain bayaran bagi pembelian perabot dan alat kelengkapan yang mana ianya perlu bagi menjamin kelicinan pentadbiran harian di Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B. 35 Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja di bawah Kementerian Kewangan sekarang dibuka untuk perbincangan. Oleh sebab tiada perbincangan, saya kemukakan bagi diputuskan bahawa wang sejumlah \$3,488,350 menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,488,350 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengemukakan Anggaran Pembangunan P. 40 dan juga Belanja Mengurus B. 43.

Maksud B. 43 (Jadual).

Maksud P. 40 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3). 1978).

7.14 mlm.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sebanyak \$174,300 di bawah B. 43 Jabatan Pendaftaran Negara diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang ini dan saya juga memohon supaya perbelanjaan di bawah Maksud P. 40 sebanyak \$10 sahaja untuk membolehkan pemindahan jumlah anggaran harga projek di bawah maksud ini diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Kepala B. 43 dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Kepala P. 40

menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan bagi tahun 1978 sekarang terbuka untuk perbincangan. Oleh sebab tiada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$174,300 untuk Maksud B. 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 40 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Maksud B. 47 (Jadual).

7.17 mlm.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sebanyak \$76,830 di bawah Kepala B. 47 Jabatan Penyiaran dijadikan sebahagian daripada perbelanjaan tambahan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1978 bagi diluluskan oleh Dewan ini.

Saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mengemukakan untuk dibincangkan iaitu B. 47 di bawah Kementerian Penerangan, wang sebanyak \$76,830 dijadikan sebahagian daripada Jadual. Oleh sebab tiada yang hendak mengambil bahagian, saya kemukakan masalah untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$76,830 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Saya jemput sekarang Timbalan Menteri Pengangkutan mengemukakan Anggaran Belanjawan bagi Kementerianannya.

Maksud B. 55 dan B. 60 (Jadual).

7.19 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, saya

mohon mencadangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan bagi Kementerian Pengangkutan di bawah Maksud B. 55 sebanyak \$33,710 dan di bawah Maksud B. 60 sebanyak \$587,150. Segala penjelasan mengenai butir-butirnya adalah terkandung dalam muka surat 7, Kertas Perintah 9/80.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 55 dan B. 60 di bawah Kementerian Pengangkutan sekarang terbuka untuk perbahasan. Oleh sebab tiada siapa mengambil bahagian maka saya kemukakan untuk diputuskan. Bahawa soalnya ialah wang sejumlah \$620,860 untuk Kepala B. 55 dan B. 60 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$33,710 untuk Maksud B. 55 dan \$587,150 untuk Maksud B. 60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3). 1978).

7.20 mlm.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Tambahan bagi Jabatan Telekom di bawah Kepala P. 62 bagi tahun 1978 berjumlah \$16,353,518 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 62 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada siapa yang hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini maka saya kemuka bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,353,518 untuk Maksud P. 62 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Maksud P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3). 1978).

7.21 mlm.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mencadangkan supaya peruntukan sebanyak \$12,705,005 untuk Maksud P. 64 sebagai peruntukan (Tambahan) (Bil. 3) 1978 diluluskan.

Butir-butir berkenaan dengan permohonan ini adalah terkandung di muka surat 5 dalam Kertas Perintah 11/1980.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala P. 64 di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada yang hendak bercakap, saya kemuka bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,705,005 untuk Maksud P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

Maksud B. 29 (Jadual).

7.23 mlm.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.) (Bil. 3) 1978 berjumlah \$48,005,810 di bawah B. 29 bagi Kementerian Pelajaran diluluskan.

Butir-butir berkenaan dengan maksud ini adalah terkandung di dalam muka surat 4 dalam Kertas Perintah 8/1980.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.) (Bil. 3) 1978 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 29 di bawah Kementerian Pelajaran sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada siapa yang hendak mengambil bahagian maka saya kemuka bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,005,810 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput yang akhir, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978).

7.25 m/m.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, saya mengemukakan Anggaran Belanja Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978 di bawah Kepala P. 66 sebanyak \$10 diluluskan.

Segala penjelasan mengenai permohonan ini ada terkandung di dalam muka surat 6 Kertas Perintah 11/1980.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 66 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang terbuka untuk perbahasan.

Oleh sebab tidak ada perbahasan, maka saya kemuka bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1978.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang

tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$30,845,769 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 tahun, 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1978) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$30,845,769 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 10 tahun 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$30,845,769 diperuntukkan daripada

Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 tahun 1980 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 26hb Mac, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.